

**PARLIMEN KESEMBILAN**  
**PENGGAL KEEMPAT**  
**MESYUARAT KETIGA**

---

<b>Jilid IV</b>	<b>Bil. 64</b>	<b>Hari Isnin</b>	<b>30 November 1998</b>
-----------------	----------------	-------------------	-------------------------

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Ruangan)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1999** (Ruangan)

**Jawatankuasa:**

**Jadual-**

**Maksud B.35, B.36, B.37, B.38, B.39, B.40 dan B.41** (Ruangan)

**Maksud B.42** (Ruangan)

**Maksud B.43** (Ruangan)

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan 1999** (Ruangan)

**Jawatankuasa:**

**Maksud P.35, P.36, P.37, P.39 dan P.40** (Ruangan)

**Maksud P.42** (Ruangan)

**Maksud P.43** (Ruangan)

### **AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kewangan I, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P.)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

- “ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato’ Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)

- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)

- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)

- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N.,  
P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,  
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman  
: Haji Mustakin bin Selamat
- Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah  
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
: Ruhana binti Abdullah

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah  
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.  
: Hajah Supiah binti Dewak  
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
  
: Mohamed bin Osman  
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
: Shamsina binti Janor  
  
: Nora'ini binti Hetam  
: Ramlah binti Mohd. Yusuff  
: Miskiah binti Hassan
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

- Bentara Mesyuarat: : Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh

*MALAYSIA*  
**DEWAN RAKYAT**

**Isnin, 30 November 1998**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**  
**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

*[Soalan No. 1 – Y.B. Puan Chua Soon Bui [Tawau] tidak hadir]*

**JALAN RAYA CAMERON HIGHLANDS-KUALA LIPIS –  
STATUS PEMBINAAN**

**2. Tuan Amihamzah bin Ahmad [Lipis]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan status pembinaan jalan menyambung Cameron Highlands dan Kuala Lipis.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]:** Tuan Yang di-Pertua, pembinaan projek jalan yang menyambung Cameron Highlands dan Kuala Lipis adalah terbahagi kepada lima pakej iaitu seperti berikut:

- Pakej 1 - Daripada Kampung Berchang ke Sungai Koyan sejauh 22 kilometer.
- Pakej 1A - Daripada Sungai Koyan ke Pos Betau sejauh 20 kilometer;
- Pakej 2 - Daripada Pos Betau ke Bukit Petubung/Sungai Temahang sejauh 22 kilometer;
- Pakej 3 - Bukit Petubung/Sungai Temahang ke Kampung Susu-Sungai Bertam sejauh 23 kilometer;
- Pakej 4 - Daripada Kampung Susu/Sungai Bertam ke Ringlet sejauh 23 kilometer.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status untuk pakej-pakej berkenaan adalah seperti berikut:-

- Pakej 1 - Lukisan dan reka bentuk dan tender dokumen telah pun siap.
- Pakej 1A - Tender telah dipanggil pada 24 September 1998 dan telah ditutup pada 8 Oktober 1998. Proses penilaian tender sekarang sedang dijalankan.
- Pakej 2 - Kerja-kerja penyiasaan tanah akan dimulakan dan kerja-kerja reka bentuk terperinci sedang dijalankan oleh jurutera perunding. Kemajuan kerja reka bentuk setakat ini ialah sebanyak 40% dan dijadualkan akan siap pada bulan Jun 1999.
- Pakej 3 - Kerja-kerja penyiasaan tanah dan kerja-kerja reka bentuk terperinci sedang dijalankan oleh syarikat perunding. Kemajuan kerja reka bentuk setakat ini sebanyak 75% dan dijadualkan akan siap pada bulan April 1999.
- Pakej 4 - Kerja-kerja penyiasaan tanah dan kerja-kerja reka bentuk terperinci juga sedang dijalankan oleh jurutera perunding. Kemajuan kerja reka bentuk setakat ini ialah 75% dan dijadualkan akan siap pada bulan April 1999.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Adakah dalam memberi tender-tender ini kerajaan telah mengkaji dan mengadakan tender yang terbuka untuk diberi kepada pihak yang berkenaan dan adakah EIA report telah diluluskan untuk projek ini memandangkan ada beberapa pakar telah memberitahu bahawa hakisan tanah tidak dapat dikawal walaupun projek ini dijalankan seperti yang telah dijanjikan kepada rakyat. Apakah safety measure untuk pengguna-pengguna jalan raya jika ia dijalankan?

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, kelima-lima pakej yang dicadangkan ini sememangnya dirancang oleh kerajaan untuk dijalankan secara tender terbuka seperti tender pakej A sudah pun dijalankan, begitu juga pakej-pakej yang lain yang menyusul akan diadakan secara tender terbuka tertakluk kepada keadaan kewangan semasa, sewaktu projek ini dijalankan daripada pakej ke pakej.

Soalan berkenaan dengan EIA report, memang sebelum ini pun sudah dijalankan EIA report dan saya tidak dapat memberitahu di sini soal kesesuaiannya, bererti bila sesebuah projek sudah ditender dan diajukan untuk dibina, bererti semuanya sudah diambil kira sama ada reka bentuk, EIA report dan lain-lain kemungkinan yang membolehkan ianya ditender dan seterusnya dibina. Tuan Yang di-Pertua, begitulah keadaannya seterusnya.

**Tuan Amihamzah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah alignment ataupun penjajaran yang dilalui oleh jalan ini mengambil kira keperluan atau kemudahan penduduk Orang Asli di pedalaman yang dianggarkan saya kira lebih daripada 5,000 orang di sepanjang jalan tersebut?

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, dalam menggariskan laluan atau jajaran yang dikenakan, sudah tentu kerajaan mengambil kira sebarang kemungkinan atau kerumitan yang dihadapi apabila jalan-jalan melalui kampung dan sebagainya. Setakat ini kajian yang telah dibuat oleh konsultan atau juruperunding masih berjalan, saya tidak dapat memberitahu di sini masalah yang timbul dari penyiasatan ini, tetapi pada dasarnya sebarang masalah ataupun apa juga yang timbul daripada kerja-kerja penyukatan dan sebagainya akan kita ambil tindakan yang sewajarnya.

*[Soalan No. 3 – Y.B. Tuan Tiong Thai King [Lanang] tidak hadir]*

**NON PERFORMING LOANS (NPL) – JUMLAH  
DAN PERKEMBANGAN MUTAKHIR**

**4. Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]** minta Menteri Kewangan menyatakan sejak Bank Negara mengklasifikasi semula pinjaman tidak berbayar (NPL) dari tiga kepada enam bulan, berapakah jumlah NPL di bawah klasifikasi baru di bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan. Bagaimanakah pula perkembangan mutakhir berkenaan dengan Perbadanan Pengurusan Aset (AMC).

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah NPL bersih bagi sistem perbankan sehingga 30 September 1998 mengikut klasifikasi enam bulan adalah sebanyak RM32.3 bilion (8.1%) daripada pinjaman keseluruhan sistem perbankan yang berjumlah RM419.6 bilion.

Pada keseluruhannya, jumlah modal yang diperlukan bagi membiayai aktiviti-aktiviti pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Danaharta) adalah sebanyak RM15 bilion. Setakat ini Danaharta telah menerima perolehan sebanyak RM948.32 juta daripada kerajaan dan terbitan bon iaitu RM250 juta daripada kerajaan dan RM698.32 juta melalui terbitan bon itu.

Danaharta telah menandatangani perjanjian bersama 13 buah institusi perbankan yang memberikan jumlah NPL yang diuruskan dan yang telah dipersetujui untuk diambil alih oleh Danaharta setakat ini berjumlah RM18.8 bilion (36%) daripada jumlah NPL sistem perbankan pada 30 September 1998.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen, setakat ini berapakah jumlah NPL yang telah dibayar kepada institusi kewangan secara kasar dan secara bersih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah NPL sehingga 30 September 1998 mengikut klasifikasi enam bulan tadi, sistem perbankan jumlah NPL kasar ialah RM51.8 bilion ataupun nisbah NPL kasar

peratusannya (percentage) ialah 12.4%. Jumlah NPL bersih ialah RM32.3 bilion ataupun nisbah NPL bersih cara percentagenya ialah 8.1%.

Bank-bank perdagangan jumlah NPL kasar ialah RM35.3 bilion nisbah kasar secara percentage ialah 11.7% dan jumlah NPL bersih ialah sebanyak RM22 bilion ataupun percentagenya 7.6%.

Syarikat-syarikat kewangan jumlah NPL kasar ialah RM13.3 bilion, nisbah kasarnya ialah 13.9%, jumlah NPL bersih ialah RM8.3 bilion, nisbah NPL bersih percentagenya 9.2%

Bank-bank saudagar jumlah NPL kasar ialah sebanyak RM3.3 bilion, percentage kasarnya ialah 14.3%, jumlah NPL bersih ialah RM2 bilion dan percentagenya 9.2%

**Datuk Lim Si Cheng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. NPL dilanjutkan tempoh masanya daripada tiga bulan kepada enam bulan bertujuan supaya syarikat-syarikat yang menghadapi masalah kewangan dapat berpeluang untuk membaikpulih. Baru-baru ini saya ada menerima aduan daripada pihak IKS yang menyatakan bahawa mereka telah dimaklumkan oleh pihak bank iaitu mereka akan menghadapi tindakan undang-undang.

Jadi, dalam hubungan ini saya ingin meminta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberikan nasihat kepada mereka yang berkenaan sama ada patut dilakukan ataupun tidak.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, NPL telah pun diklasifikasikan semula daripada tiga kepada enam bulan untuk membolehkan ahli-ahli korporat kita bernafas dan ini merupakan satu guideline sahaja.

Selain dari itu, yang keduanya, kita ada apa yang dikatakan, dengan izin, Corporate Debt Restructuring Committee supaya misalnya satu-satu organisasi itu boleh di'structure' balik sebelum dibawa ke mahkamah dan sebagainya dan kita

juga telah menyarankan kepada pihak bank bahawa sekarang ini kita telah meminjam RM420 bilion yang telah diberi dan kita menyatakan bahawa kita hendakkan pihak bank ini meminjam sampai 8% iaitu RM450 bilion. Jadi, ada kurang RM30 bilion dan kita hanya ada sebulan lebih sahaja lagi dan kita harapkan bahawa pihak bank akan cuba sedaya upaya untuk memberi pinjaman kepada 8%, kalau tidak harapan kita adalah cuma 6% atau 7% sahaja.

#### PENIAGA BERMASALAH – BANTUAN KEMUDAHAN KREDIT

**5. Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan apakan bantuan kerajaan untuk membantu golongan peniaga besar dan kecil yang berdepan dengan tindakan kebangkrapan kerana gagal melunaskan pinjaman bank ekoran kegawatan ekonomi negara sepanjang tahun lalu.

#### **Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]:**

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk membantu peniaga besar dan kecil menghadapi masalah dengan pinjaman, kerajaan melalui Bank Negara Malaysia telah menubuhkan Unit Aduan dan Pengawasan Pinjaman. Unit ini bertujuan untuk membantu pihak yang menghadapi kesulitan mendapatkan kemudahan kredit dari institusi perbankan dan juga menerima aduan mengenai masalah-masalah berhubung dengan pinjaman di institusi-institusi perbankan.

Di samping itu, unit ini juga bertindak sebagai sekretariat kepada Jawatankuasa Penyusunan Semula Pinjaman Korporat bagi penyusunan semula pinjaman korporat berjumlah RM50 juta ke atas.

Selain dari itu, unit ini juga membantu dan menjadualkan semula pinjaman korporat bernilai RM50 juta dan ke bawah. Langkah-langkah lain juga telah diambil iaitu seperti berikut:-

- (i) Penubuhan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad yang bertujuan untuk menguruskan aset dari pinjaman yang tidak berbayar (NPL).
- (ii) Pengwujudan Tabung Industri Kecil dan Sederhana (TIKS) bagi memberi peluang kepada IKS mendapat kemudahan pembiayaan.
- (iii) Perakuan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) supaya pihak institusi kewangan memberi kelonggaran seperti menjadualkan semula bayaran balik pinjaman dan melanjutkan tempoh bayaran balik pinjaman.
- (iv) Menilai semula pinjaman tidak berbayar (NPL) daripada tiga bulan kepada enam bulan.
- (v) Penubuhan Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia.
- (vi) Sebagaimana yang telah diumumkan oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II baru-baru ini bahawa kementerian telah mewujudkan Tabung Pemulihan IKS (TPIKS) yang mana yang mempunyai dana sebanyak RM750 juta yang memberi pinjaman di antara RM50,000 hingga RM5,000 dengan kadar pinjaman 5% sahaja dan 30% daripada jumlah pinjaman boleh digunakan bagi tujuan menstrukturkan ataupun membayar balik semula pinjaman-pinjaman mereka.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri angka mengenai bilangan perintah kebangkrapan yang dikeluarkan oleh mahkamah dalam tahun yang lepas dan juga setakat ini dalam tahun 1998?

**Dato' Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada mempunyai angka-angka yang tepat tetapi angka-angka itu akan saya hantar kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis.

**Dr. Ramli bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Salah satu pinjaman yang popular yang diberikan oleh MARA ialah pinjaman kontrak. Saya difahamkan lebih 60% daripada pinjaman-pinjaman MARA dan juga saya difahamkan kadar bayarannya adalah cukup baik, tetapi jumlah pinjaman yang diberikan adalah maksimumnya hanya RM600,000. Jadi, soalan saya adakah kerajaan atau kementerian bercadang untuk menambahkan jumlah maksimum pinjaman ini sehingga RM2 juta hingga RM5 juta.

Satu perkara lagi ialah kurangnya tumpuan diberikan terhadap usahawan di dalam sektor petroleum dan gas, adakah cadangan kementerian untuk menumpukan usahawan dalam sektor petroleum dan gas ini?

**Dato' Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Kemaman. Oleh kerana peruntukan yang telah diperuntukkan kepada MARA ialah ada terbatas dan pinjaman kontrak yang dikeluarkan oleh MARA memangnya terhad kepada RM600,000 sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kemaman itu.

Kita harap bagi kontraktor-kontraktor yang ingin meminjam lebih dari itu, saya rasa mereka mungkin sudah agak berwibawa, bolehlah berjumpa dengan institusi-institusi kewangan yang lain untuk mendapat pinjaman tersebut dan MARA akan memberi tumpuan yang lebih kepada peniaga atau usahawan kecil dan sederhana sahaja.

Berhubung dengan industri oil and gas yang mana banyak dijalankan di Kemaman, insya-Allah, kementerian boleh memberi tumpuan agar usahawan

bumiputera dan usahawan keseluruhannya akan mendapat tumpuan yang lebih dalam bidang tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Fu Ah Kiow.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor 6 dengan sedikit pembetulan kepada baris kedua soalan (a), bukan secara “romercia” tetapi secara “komersial”. Terima kasih.

**PROJEK PERHUTANAN SEMULA (FOREST ESTATE)**

**- BILANGAN/ PERBELANJAAN**

6. **Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:
- (a) berapa projek dan perbelanjaan yang terlibat dalam perhutanan semula (Forest Estate) secara komersial di seluruh negara seperti Estate Kemasul di Pahang; dan
  - (b) kejayaan dalam projek-projek tersebut.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sehingga akhir tahun 1997, seluas 230,257 hektar ladang hutan telah dimajukan di Malaysia iaitu 73,087 hektar di Semenanjung Malaysia, 212,570 hektar di Sarawak dan 130,000 hektar di Sabah ditanam dengan spesis cepat tumbuh seperti acacia mangium serta lain-lain spesis seperti jati, pine dan sentang. Daripada jumlah keluasan tersebut, seluas 1,431 hektar adalah Projek Ladang Perintis Hutan Getah yang dilaksanakan di lima buah negeri iaitu Pahang, Selangor, Terengganu, Negeri Sembilan dan Kelantan. Projek Ladang Hutan Cepat Tumbuh di Semenanjung Malaysia dibiayai oleh pinjaman Persekutuan dan juga bank-bank Pembangunan Asia melibatkan perbelanjaan berjumlah RM106.83 juta, manakala Projek Ladang Hutan Jati, Pine dan Sentang adalah dibiayai oleh kerajaan negeri masing-masing. Dua buah Projek Ladang Hutan di Sarawak seluas 212,570 hektar pula melibatkan pembiayaan sebanyak RM515 juta.

- (b) Ladang-ladang Hutan Cepat Tumbuh yang telah dimajukan telah pun mencapai umur matang secara berperingkat dan dijangka mengeluarkan hasil mulai tahun 1999.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah jumlah dari segi pulangan wang selama ini daripada sumber projek ini dan baru-baru ini Yang Berhormat Menteri telah menjawab bahawa pokok acacia mangium nampaknya selain daripada pulp and paper industry, dengan izin, ia tidak ada pasaran lain untuk pokok tersebut, jadi apakah usaha kementerian untuk memastikan pokok sentang dan pokok jati tidak menghadapi nasib seperti acacia yang akhirnya tidak mendapat apa-apa pasaran untuk kegunaannya?

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, masalah program-program dan projek sebegini, kesan pulangannya adalah dalam jangka masa yang begitu panjang. Ada kalanya agak mustahil untuk kita mengambil kira keadaan suasana pasaran semasa keluaran atau kematangan pokok-pokok tersebut tetapi dalam jawapan asal saya mengenai soalan pertama tadi, pulangan wang yang kita terima daripada projek-projek ini, telah saya nyatakan bahawa tumbuhan yang telah dimajukan ini hanya akan mengeluarkan hasil mulai tahun 1999, maka tahun hadapan, insya-Allah, kita dapat melihat pulangan yang lebih terperinci dan jelas.

Mengenai jenis pokok yang digunakan sememangnya pasaran agak lembab sebab itulah kerajaan sekarang memerhati dan mempelbagaikan pendekatan dari segi spesis dan seperti saya nyatakan awal-awal tadi, Projek Ladang Perintis Hutan Getah juga menjadi tumpuan kita di mana dengan spesis-spesis baru yang kita lihat boleh digunakan bukan sahaja untuk mengeluarkan getah mentah tetapi digunakan untuk industri perabot hiliran. Ini sedang dipertimbangkan tetapi hakikatnya dalam hal-hal berkaitan dengan pokok, gestation period, dengan izin, mengambil masa yang begitu panjang dan sukar untuk kita memikirkan apa akan berlaku bila masanya matang nanti.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, apakah masalah yang dihadapi oleh pokok-pokok yang telah ditanam di ladang hutan khasnya penyakit yang boleh melanda acacia mangium dan apakah penyelidikan yang telah dijalankan untuk mengatasi masalah penyakit seperti yang dikatakan mengakibatkan pokok acacia mangium.

Memandangkan masalah yang dihadapi dalam ladang hutan ini khasnya spesies acacia mangium, sama ada kementerian merancang atau bercadang untuk mengkaji semula strategi di mana pokok-pokok getah ditanam dan di mana susu pun boleh digunakan dan lain-lain.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan kedua tadi, sememangnya kerajaan telah melihat kepada strategi-strategi baru di mana spesies yang digunakan bukan sahaja di peringkat keluaran susu getah tetapi juga untuk kayu-kayu getah yang digunakan dan ini memberikan peluang dan ruang untuk pengusaha bukan sahaja melihat kepada keadaan harga getah tetapi juga harga kayu getah untuk hiliran. Ini memang menjadi pendekatan dan strategi kita selama ini.

Mengenai penyakit-penyakit yang melanda pokok acacia mangium ini sememangnya saya tidak ada butiran terperinci mengenai perkara ini tetapi saya bagi pihak kementerian boleh memberi jaminan bahawa FRIM yang telah ditubuhkan begitu lama merupakan satu badan yang begitu berwibawa dan sentiasa peka mengenai perkara-perkara yang dilanda program dan projek-projek ini. Keduanya, ada juga keadaan di mana kita tidak dapat memantau dan mengambil tindakan kerana sebab-sebab cuaca dan mungkin lokasi projek-projek ini yang hanya dapat kita atasinya melalui pengalaman.

### **TABUNG MAKANAN NEGARA – JUMLAH PINJAMAN DILULUSKAN**

7. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]** minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah bilangan pengusaha pengeluar makanan yang telah diluluskan pinjaman melalui Tabung Makanan Negara dan mengapakah ianya tidak mendapat sambutan di kalangan pengusaha bumiputera, mungkinkah syarat-syarat agak ketat dan adakah pihak kerajaan akan memberi kelonggaran.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30 September 1998, sebanyak 1,413 pinjaman berjumlah kira-kira RM408.19 juta telah diluluskan di bawah tabung untuk makanan (3F). Sambutan dari kalangan pengusaha bumiputera terhadap tabung ini adalah kurang memuaskan. Sehingga 30 September 1998, kaum bumiputera merupakan 30% daripada jumlah peminjam akan tetapi dari segi jumlah pinjaman yang dikeluarkan atau yang

diluluskan kepada kaum bumiputera merupakan hanya 22% daripada keseluruhan pinjaman.

Keadaan ini adalah disebabkan pinjaman yang dipohon oleh bumiputera adalah kecil berbanding dengan pihak bukan bumiputera. Perkara ini mungkin juga disebabkan kesukaran untuk mendapatkan cagaran dan pandangan mereka bahawa kegiatan pertanian dan aktiviti berasaskan pertanian termasuk pengeluaran makanan adalah berisiko tinggi dan pulangnya adalah tidak memadai. Bagi menggalakkan lebih ramai pemohon bumiputera mendapat manfaat dari tabung ini, kerajaan telah mengkaji semula garis panduan 3F dan skop pembiayaannya juga diperluaskan.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum wujudnya Tabung 3F, ada satu tabung di dalam industri pertanian iaitu Tabung AGDF – pinjaman daripada syarikat Jepun yang mana prestasi pemberi pinjaman begitu lambat dan juga prestasinya begitu merosot sekali. Jadi, mempelajari daripada hakikat melalui skim AGDF ini adakah Kementerian Pertanian membuat kajian kerana ada petani yang mengusahakan ladang atau tanaman mereka ini ada tanah tetapi tidak ada geran dan juga kadang-kadang tanah ini diusahakan dengan disewa daripada tuan punya tanah. Jadi, apakah perancangan ataupun hasil daripada kajian Kementerian Pertanian untuk menolong mereka yang saya katakan tadi?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa Tabung 3F ini diberi peluang kepada petani-petani, peladang-peladang dan penternak-penternak yang bertaraf usahawan sahaja iaitu pinjaman yang diberikan ialah minimumnya RM10,000 dan maksimumnya RM3 juta, manakala apa yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat kepada mereka yang menceburkan diri sama ada secara tradisional atau peringkat permulaan di mana tidak ada geran tanahnya, maka pinjaman-pinjaman boleh diperolehi daripada AIM ataupun dari bank-bank secara kecil-kecilan. Ini berdasarkan kepada kemampuan masing-masing dan di samping itu Kementerian Pertanian menerusi LPP, kita juga telah memohon pinjaman khas iaitu di bawah Tabung 3F ini diberikan kepada Gerakan Peladang ataupun pertubuhan-pertubuhan peladang sebagaimana yang telah diberi jaminan oleh Kementerian Kewangan

bahawa Bank Negara akan mengeluarkan sebanyak RM500 juta mulai bulan Disember ini kepada Bank Pertanian untuk dipinjamkan kepada pertubuhan peladang atau ahli-ahli pertubuhan peladang. Jadi, saya rasa di bawah ahli pertubuhan peladang ini mungkin bimbingan-bimbingan di bawah konsep kontrak farmingkah atau di bawah konsep payungkah boleh diperkenalkan kepada mereka sebagaimana yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan Tambahan. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan pengusaha bukan bumiputera lebih banyak menyambut bantuan Tabung Makanan Negara berbanding pengusaha bumiputera, dan macam manakah sambutan tabung ini di Sabah dan Sarawak. Sekian.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bintulu. Sebenarnya kedudukan sambutan dari Sabah dan Sarawak boleh dikatakan hampir sama iaitu di kalangan bumiputera agak kurang kerana kebanyakan bumiputera mengusahakan secara kecil-kecilan atau secara tradisional tetapi walau bagaimanapun, sebagai jawapan saya kepada Yang Berhormat Sungai Benut tadi, kita akan berusaha menerusi Pertubuhan Peladang supaya kaum bumiputera yang cuba melibatkan diri untuk membesarkan kegiatan pertanian dan penternakan mereka, maka mereka akan diberi keutamaan di bawah pinjaman RM500 juta yang baru di bawah Bank Pertanian.

*[Saolan No. 8 - Y.B. Tuan Richard Riot Jaem (Serian) tidak hadir]*

## **PERHIMPUNAN REFORMASI - KEKERASAN DAN PROVOKASI POLIS**

9. **Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah kekerasan dan provokasi sehingga tercetus kekacauan merupakan pilihan utama pihak polis dalam menghadapi perhimpunan secara aman yang diadakan oleh rakyat.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, pihak polis senantiasa menggunakan pendekatan yang berhati-hati dan bertimbang rasa dan tidak mengamalkan tindakan kekerasan dan provokasi di dalam tindakan menyuraikan perhimpunan-perhimpunan haram. Walau bagaimanapun, sekiranya perhimpunan-perhimpunan mengganggu aktiviti kehidupan harian rakyat dan menggugat ketenteraman awam, maka pihak polis terpaksa bertindak untuk menyuraikan perhimpunan tersebut mengikut lunas undang-undang yang diperuntukkan kepadanya.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Kita lihat tunjuk-tunjuk perasaan ini menjadi reda bukan kerana tindakan polis yang agak kasar termasuk misalnya memukul pegawai-pegawai EPF yang mereka berada di dalam lift ketika hendak masuk ke bangunan EPF di Jalan Raja Laut. Tetapi redanya tunjuk-tunjuk perasaan sekarang ini di antaranya kerana tindakan politik seperti apa yang berlaku sokongan Al Gore terhadap kumpulan reformasi ataupun ura-ura mereka untuk menubuhkan parti politik. Oleh itu, daripada ini apakah pihak Kementerian Dalam Negeri tidak mengkaji lebih awal supaya untuk meredakan tunjuk perasaan itu bukan dengan bertindak kasar terhadap mereka tetapi lebih merupakan tindakan politik ataupun tindakan-tindakan perundingan supaya kekasaran dapat dielakkan dan imej polis dapat ditingkatkan di Malaysia. Jadi apakah kajian dibuat untuk bagaimana hendak meredakan sesuatu tunjuk perasaan yang berlaku di Malaysia.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membetulkan satu gambaran yang telah beberapa kali dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini, bahawa polis telah sengaja masuk bangunan KWSP dan pukul pegawai KWSP. Itu tidak benar sama sekali. Pada hal, dalam satu demonstrasi ramai mereka yang berdemonstrasi di depan dekat dengan bangunan KWSP. Masa itu ramai orang di situ dan polis sudah berulang kali memberi amaran supaya bersurai, tetapi

kumpulan itu tidak bersurai dan polis selepas berulang kali menasihati, maka polis terpaksa bertindak dan ada sebahagian mereka masuk ke bangunan KWSP.

Mereka inilah yang degil berada di situ, pihak polis tidak akan dapat tahu siapa mereka ini, kalau sekiranya ada kakitangan KWSP terlibat dalam demonstrasi, maka polis tidak akan nampak mereka sebagai pegawai KWSP. Bagi polis kalau Ahli Parlimen di situ pun, sudah nampak seperti orang yang tidak mengingkarkan arahan polis kerana berdemonstrasi dan dakwaan mengatakan pukul itu tidak benar, polis tidak masuk bangunan pukul orang, polis cuma cuba tenteramkan keadaan di mana apabila mereka diserang. Tidak ada insiden-insiden di mana polis sendiri diserang bahawa polis terpaksa mempertahankan diri. Ini satu pembetulan saya hendak buat.

Selain daripada itu, pada hari ini mereka yang cuba hendak berdemonstrasi ini, sebenarnya ada saluran-saluran yang secukupnya untuk menyuarakan suara dia, mereka boleh hantar memorandum kepada pihak berkuasa, mereka boleh menyuarakan kepada media masa dan mereka selalu kata media masa tidak mahu bagi, saya nampak di dalam TV begitu banyak masa diberikan. Baru-baru ini seorang kata dia hendak tubuh parti reformasi yang baru keluar daripada tahanan ISA, saya nampak dia di dalam TV, itu bukannya satu kebebasan ruang diberi kepada mereka dan saya rasa kadangkala terutamanya beberapa orang pembangkang semasa mereka menanya soalan, soalan itu sudah tidak adil pada pihak polis dan nanti semasa menggulung saya akan menjawab selanjutnya tentang tugas polis dalam hal-hal yang berkaitan dengan demonstrasi, ISA dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tindakan dialog secara politik pintu senantiasa terbuka. Kita harap mereka kalau benar-benar jujur, ikhlas dia boleh gunakan saluran itu dan bukan pergi depan orang luar, sorak dan rosakkan imej negara kita.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat ada menjawab bahawa pihak polis menyuraikan perhimpunan mengikut lunas-lunas undang-undang. Saya ingin bertanya di sini sama ada pihak polis menggunakan pancutan air yang mengandungi kimia, sama ada benar. Ini akan membawa satu risiko kepada penglihatan dan juga kulit kerana ada yang mengadu bahawa apabila mereka kena pancutan air, mata mereka tidak boleh buka, pedih dan kulit mereka gatal dan juga lain-lain penyakit. [*Disorak*].

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan polis yang diwajibkan dipatuhi semasa mereka menyuraikan satu kumpulan demonstrasi selalunya pegawai yang berkuasa iaitu OCPD sendiri kena keluar, dia selalu beri amaran tiga kali bersurai dan baru-baru ini kebanyakan mereka ini bukan saja tidak bersurai, mereka mencabar polis - berani tangkaplah kita, marilah, macam itu, dan polis sudah begitu timbang rasa dan tidak mahu menggunakan senjata api, guna pancutan air, itu salah satu cara paling selamat tidak akan cederakan orang. Dan apa-apa yang air digunakan itu telah diterangkan bahawa air itu tidak membahayakan badan, kalau mereka takut sangat nanti kena pancutan mata itu, janganlah demonstrasi. [*Ketawa*]

Bila polis kata surai, bersurailah, itu saja polis mahu bersurai, tiga kali dia tidak mahu dengar kemudian dia mahu provokasi sebenarnya datang daripada mereka, bukan polis terhadap mereka. Saya tidak tahu apa logik ini, selalu saya dengar pembangkang kata polis provokasi mereka, sebenarnya adalah sebaliknya.

[*Soalan No. 10 - Y.B. Tuan M. Kulasegaran (Teluk Intan) tidak hadir*]

#### **BERAS GRED SUPER - HARGA KAWALAN**

11. **Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beras jenis Super juga akan disenaraikan sebagai barangan Kawalan. Jika tidak sila nyatakan sebab-sebabnya.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, mulai 4 November 1998,

kerajaan telah menetapkan harga maksimum beras gred super tempatan di peringkat runcit bagi Semenanjung Malaysia di antara RM1.65 hingga RM1.80 sekilogram.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini kita dapati banyak kawasan sawah padi telah pun dilanda banjir. Di Tanjong Karang pun bila bulan Disember nanti mungkin juga akan ada banjir. Jadi, sudah tentu pengeluaran padi ini akan mengurangkan pengeluaran beras. Jadi, apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan bekalan beras cukup untuk menampung keperluan rakyat di negara kita sempena dengan La-Nina ini?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Kita pada masa ini sedang me`monitor` bagaimana keadaan banjir. Sebelum banjir baru-baru ini Jabatan Parit dan Saliran (JPS) telah pun menyediakan persiapan awal, iaitu di mana parit-parit, longkang-longkang, sungai-sungai cuba dibersihkan. Jadi, kita haraplah kalau ada banjir, maka ia tidak akan merosakkan kepada padi. Jika sekiranya banjir itu merosakkan juga, jalan yang lain tidak ada, melainkan import beras daripada luar negara lebih sedikit. Tetapi kementerian memberi jaminan bahawa bekalan beras sentiasa cukup sama ada tempatan ataupun dengan import.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dahulu cuma beras jenis biasa dan super tidak disenaraikan sebagai barang kawalan. Tetapi apabila beras super disenaraikan sebagai barang kawalan dan harganya ditetapkan, akhir-akhir ini beras super itu pula susah didapati di kebanyakan pasar raya terutama di kawasan luar bandar termasuk kawasan saya. Yang ada cuma beras import. Jadi, walaupun ini mungkin di luar bidang tugas kementerian, tetapi saya ingin tahu sama ada kementerian sedar tentang helah para peniaga untuk mengelakkan daripada menjual beras yang ada ini dan dianggap beras super itu dilabel sebagai import dan dijual dengan harga sesuka hati tanpa mengikut harga kawalan. Jadi, saya ingin tahu sama ada kementerian ini sedar, dan kalau sedar sama ada akan bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk mengatasi masalah ini?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar. Sebenarnya apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu kita sudah menemui beberapa kes di mana beras super tempatan telah dilabelkan kepada beras super import. Ini sebenarnya Ahli Yang Berhormat, tanggungjawab penguatkuasaan di bawah kementerian saya, iaitu di bawah Kawal Selia. Jadi, tindakan undang-undang akan kita ambil kepada pemborong, pengilang, peruncit yang telah melanggar peraturan dan mencampurkan beras super tempatan dengan beras super import dan harganya dijual atas nama super import. Memang ini menyebabkan keuntungan yang besar, kerana beras kita super tempatan paling tinggi RM1.80 sekilogram. Tetapi beras super import ini RM2.40 sekilogram. Jadi, saya haraplah kalau ada kes-kes seumpama ini bolehlah langsung menghubungi kita di Kementerian Pertanian, Bahagian Kawal Selia, dan tindakan-tindakan akan kita ambil supaya apa yang dilakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab ini, tidak akan menyeksakan golongan yang berpendapatan rendah.

OLAHRAGAWAN/OLAHRAGAWATI CEMERLANG DI SUKAN KOMANWEL –  
LANGKAH MENINGKATKAN PRESTASI

12. **Puan Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan olahragawan dan olahragawati cemerlang dalam Sukan Komanwel baru-baru ini mengekal dan meningkatkan prestasi mereka untuk bersiap sedia menghadapi kejohanan di peringkat antarabangsa akan datang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, pertandingan sukan antarabangsa adalah berterusan. Sebagai contoh, pada tahun 1999 Sukan SEA akan diadakan di Brunei Darussalam. Pada tahun 2000 Sukan Olimpik akan diadakan di Sydney. Kita menjadi tuan rumah Sukan SEA 2001, dan pada tahun 2002 Sukan Komanwel

akan diadakan di Manchester dan Sukan Asia akan diadakan di pusat Korea Selatan.

Oleh kerana pertandingan-pertandingan ini di samping kejohanan-kejohanan sukan yang pelbagai peringkat terus diadakan, maka atlet-atlet yang masih aktif akan terus menjalani latihan dan menyertai pertandingan di pelbagai peringkat. Secara ringkasnya, atlet-atlet negara seharusnya berada dalam keadaan siap sedia oleh kerana pertandingan-pertandingan yang akan diadakan.

**Dr. Ramli bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menyentuh mengenai prestasi, saya rasa kita jauh ketinggalan kalau dibandingkan dengan negara-negara lain, seperti Australia, China, Jepun mahupun Korea. Walaupun kita mendapat tempat keempat pada masa Sukan Komanwel baru-baru ini, tetapi dalam Sukan Asia kita dijangkakan hanya mungkin dapat 4 pingat emas sahaja. Jadi, ini melambangkan kepada sistem kita membentuk ahli-ahli sukan ini tidak berjaya. Jadi, saya hendak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen adakah kita hendak membangunkan sukan ini mengikut model-model yang dibuat oleh Australia, China ataupun Jepun. Adakah kita hendak buat macam Sukan Olimpik? Saya difahamkan kita hendak buat satu perancangan untuk Sukan Olimpik tahun 2008 umpamanya, ataupun yang kita buat yang berjaya tahun 1998. Adakah itu sahaja? Adakah kita hendak membina satu sistem yang lebih baik supaya grass roots kita ini lebih banyak sebagai menyediakan pool of athletes?

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya masalah ini bukan terletak kepada kementerian, tetapi sikap rakyat Malaysia. Saya berpendapat bahawa kita semua masih tidak mampu untuk menghayati budaya sukan di kalangan masyarakat kita. Apabila semua lapisan masyarakat termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat yang percaya tentang gaya hidup cergas, sukan sebagai satu

budaya, insya-Allah, walaupun kerajaan tidak membelanja beratus juta untuk mewujudkan atlet-atlet, saya rasa kejayaan dapatlah kita tempuhi.

Tetapi walau bagaimanapun, secara khususnya kementerian memang melalui Majlis Sukan Negara mengadakan beberapa program. Ada yang khusus untuk setiap sukan yang saya nyatakan tadi. Tetapi pada keseluruhannya saya setuju bahawa prestasi atlet-atlet kita harus ditingkatkan lagi, dan insya-Allah, saya menaruh harapan bahawa satu hari kelak Malaysia akan menjadi jaguh di bidang sukan bertaraf antarabangsa.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Kementerian Belia dan Sukan. Saya nampak sekarang sukan ini tidak berapa digalakkan di sekolah, dimulakan di bangku sekolah. Sekarang di sekolah-sekolah jarang ada sukan olahraga. Kebanyakan yang ada sukan hari ibu bapa yang mana lawan kukur nyior, ibu bapa lari ikat kaki. Kita kena latih daripada sekolah. Sebab saya tengok di negara China budak-budak kecil lagi – kalau gimnastik kena daripada kecil. Kita hendak ambil di peringkat besar.

Begitu juga dengan sukan bola sepak, dahulu di peringkat rendah ada bola sepak. Selepas itu di sekolah menengah. Kemudian barulah dipilih johan liga. Jadi, terpaksa kita import. Begitu juga dengan ahli-ahli olahraga. Kita kena mula di peringkat sekolah rendah. Kementerian hendaklah beri peruntukan bagi olahraga untuk sekolah-sekolah, tiap-tiap tahun wujudkan olahraga, baru mereka boleh lari 100 meter, 200 meter, 400 meter. Selepas itu kita improvelah kemudian. Baru di `centralize`kan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalnya?

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Soalnya, ada atau tidak rancangan kementerian beri galakan daripada peringkat sekolah lagi?

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Betul apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Tetapi saya rasa kenennya silap tuju. Sepatutnya ditujukan

kepada Kementerian Pendidikan. *[Ketawa]* Walau bagaimanapun, saya percaya bahawa kedua-dua kementerian, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pendidikan akan berunding bersama demi untuk kepentingan negara dan bangsa supaya dapatlah anak-anak muda kita ini seperti mana jelas kelihatan pada hari ini, bahawa dapatlah kita berunding bersama supaya sukan itu menjadi satu kurikulum yang penting.

Buat masa ini, kita difahamkan bahawa sukan tidak diberi keutamaan seperti mana yang patut diberi keutamaan di dalam kurikulum di sekolah-sekolah. Oleh kerana itulah kita dapati ramai daripada pelajar-pelajar kita yang tidak begitu cergas, tidak ada 'umh' *[Ketawa]* seperti yang dikatakan. Saya harap bahawa semua anak muda remaja belia kita akan dapat menghayati cara hidup cergas dan sihat bermula daripada bangku sekolah lagi.

*[Soalan No. 13 – Y.B Tuan Paulis Nointien (Penampang) tidak hadir]*

#### **BEKALAN BERAS SECARA KOMERSIAL DAN TRADISI – JADUAL PELAKSANAAN**

14. **Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]** minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah dasar kedudukan bekalan beras yang dikeluarkan sendiri oleh Sarawak secara komersial dan tradisi. Apakah rancangan jadual pelaksanaan tahap kejayaan.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kerajaan telah menetapkan tahap sara diri beras negara pada kadar 65%, tetapi kerajaan tidak menetapkan tahap pengeluaran beras bagi negeri-negeri. Pada masa ini Sarawak mengeluarkan kira-kira 50,000 metrik tan beras setahun, iaitu kira-kira 30% daripada keperluan berasnya. Manakala bakinya diimport sebanyak 111,000 tan metrik setahun. Jika Sarawak ingin mencapai tahap sara diri sebanyak 65% maka ianya perlu menanam padi dengan kawasan tambahan seluas 25,000 hektar. Berdasarkan anggaran hasil tanaman dua kali

setahun atau double cropping, dengan izin, 4 metrik tan per hektar atau 2 metrik tan per musim.

Memandangkan kesemua beras yang dikeluarkan adalah secara tradisional, maka di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh kerajaan menggalakkan penanaman padi secara komersial oleh pihak swasta di Sarawak. Dalam hubungan ini Bernas sedang mengendalikan projek perintis di Gedong, Sarawak. Jika didapati berdaya maju, penanaman padi secara komersial akan diperluaskan.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan memberikan subsidi kepada penanam-penanam padi swasta di Sarawak? Jika ada, apakah bentuk subsidi dan jumlahnya, dan jika tidak ada mengapa tidak diberikan subsidi?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bintulu. Semua bentuk tanaman padi yang dijalankan secara komersial baik di Semenanjung, Sabah atau Sarawak tidak diberi subsidi oleh pihak kerajaan. Kerajaan hanya memberi subsidi di Semenanjung berdasarkan kepada petani-petani kecil yang mengusahakan 6 ekar ke bawah sahaja. Walau bagaimanapun, kementerian sedang berbincang supaya kalau ada syarikat-syarikat swasta yang berminat ini untuk membuka secara komersial khususnya di Sabah dan Sarawak mungkin kos pembangunan kemudahan asas akan kita kaji bagi kita kongsi bersama di antara swasta dengan pihak kerajaan. Tetapi ini belum lagi ada dasar, tetapi kita akan mengkaji kalau ada syarikat yang memerlukannya.

*[Soalan No. 15 – Y.B Tuan R. Karpal Singh (Jelutong) tidak hadir]*

#### **EKONOMI MALAYSIA DAN PASARAN SAHAM – LANGKAH MELINDUNGI**

16. **Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]** minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab mengapa ekonomi Malaysia dan pasaran saham mudah dijadikan

sasaran. Sila nyatakan apakah langkah-langkah diambil bagi melindungi keadaan tersebut pada masa akan datang, dan sama ada langkah-langkah yang diambil memberi manfaat kepada perkembangan ekonomi negara kita pada masa akan datang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, faktor utama yang menyebabkan ekonomi Malaysia dan pasaran saham dijadikan sasaran para spekulator apabila Baht Thailand diapungkan pada 2 Julai 1997 ialah struktur ekonomi Malaysia yang terbuka di mana para spekulator termasuk dana-dana lindungan nilai (hedge fund) bebas membeli dan menjual saham dan mata wang Ringgit di pasaran luar. Dengan pasaran pertukaran asing dan pasaran saham yang terbuka ini dan adanya tanggapan bahawa Malaysia turut menghadapi beberapa kelemahan struktur seperti negara-negara jiran, khususnya defisit dalam kedudukan akaun semasa imbangan pembayaran, ketidakcukupan tabungan, membiayai pelaburan dan pertumbuhan pinjaman yang tinggi sebelum tercetusnya krisis telah menyebabkan para spekulator mengambil kesempatan untuk memanipulasikan pasaran. Mereka berjaya berbuat demikian kerana wujudnya masalah keyakinan pasaran tentang ekonomi-ekonomi di rantau ini sungguhpun asas-asas ekonomi Malaysia lebih kukuh secara perbandingannya.

Memandangkan tindakan para spekulator ini telah menjejaskan ekonomi negara, kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah perlindungan untuk membanteras ancaman spekulasi ini. Antara langkah-langkah tersebut adalah tidak membenarkan lagi urus niaga saham syarikat-syarikat Malaysia di luar negeri, membawa pulang pasaran Ringgit ke Malaysia dan menetapkan kadar pertukaran Ringgit pada awal September 1998.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil ini telah memanfaatkan negara dengan menstabilkan Ringgit dan mengembalikan keyakinan di pasaran saham. Kestabilan dalam pertukaran Ringgit telah memudahkan urus niaga perdagangan antarabangsa kerana ianya akan memberi kepastian dalam peruntukan kos serta memudahkan penetapan nilai kontrak di masa hadapan serta mengurangkan kos lindungan (hedging cost). Langkah-langkah yang diperkenalkan akan juga menggalakkan pelaburan jangka panjang

dalam pasaran saham dan menstabilkan harga-harga saham. Namun begitu, kerajaan akan terus memantau kesan langkah-langkah yang diperkenalkan baru-baru ini dan akan terus mengambil pendekatan yang pragmatik dalam segala penggubalan dasar makro ekonomi susulan di mana perlu untuk menjaga kepentingan jangka panjang ekonomi negara.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan asal, Yang Berhormat mengatakan bahawa salah satu daripada sebab kenapa BSKL menjadi sasaran ialah kerana kurangnya pelaburan jangka panjang. Saya ingin penjelasan satu keadaan (situation) di mana orang melabur dalam mana-mana pasaran saham, dia tunggu bila sampai mesyuarat tahunan kompeni itu dia dapat dividen. Adakah di mana-mana pasaran saham orang melabur dengan tujuan jangka panjang tunggu dividen. Pada hal kebanyakan yang kita tahu bila orang beli saham, dia tunggu harga naik, bila naik dia jual. Jadi, dengan sendirinya dia beli itu kita anggap sebagai tindakan spekulasi. Jadi, macam mana keadaan di mana orang melabur dalam pasaran saham hanya untuk dapat keuntungan jangka panjang. Bolehkah situasi begini wujud dalam mana-mana pasaran saham?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, bahawa saham-saham kita sama ada dijual atau dibeli bukan sahaja terletak di BSKL, tetapi terletak di negara-negara asing. Terutamanya apabila kita telah meminda satu peraturan BSKL baru-baru ini di mana urus niaga sekuriti Malaysia di Central Limit Order Book (CLOB) di Singapura dihentikan pada 15 September 1998 dan berkuatkuasa pada 16 September 1998, semua saham yang dipegang dalam akaun CDS oleh syarikat-syarikat broker saham dan lain-lain perantaraan kewangan yang bertindak sebagai ejen untuk urus niaga di CLOB tidak lagi layak bagi semua urus niaga CDS sehingga saham-saham CLOB dipindahkan untuk diputuskan.

Apa yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua, ialah kita tidak menguasai saham kita sendiri apabila CLOB ada, dan CLOB boleh menjual dan menjual serta menjual serta merendahkan saham kita. Jadi, oleh kerana itu, apa yang kita lakukan ialah kita tutup CLOB di Singapura, kita bawa balik ke Malaysia, barulah segala urusan perniagaan saham itu dapat dikendalikan oleh BSKL sendiri.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. NPL dalam syarikat bursa saham tidak termasuk dalam bidang Danaharta Nasional Berhad. Justeru, BSKL telah mencadangkan satu jumlah sebanyak RM500 juta bagi tujuan membeli hutang-hutang lapuk dalam syarikat-syarikat broker saham. Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, daripada RM500 juta ini, apakah pecahannya mengikut syarikat-syarikat broker saham dan apakah pula kriteria yang digunakan dalam pengagihan jumlah tersebut kepada syarikat-syarikat berkenaan?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kerajaan ataupun KLSE telah pun mencadangkan supaya RM500 juta dana diuntukkan untuk stock broking firm untuk menyelesaikan masalah NPL tersebut daripada situ, satu resolusi telah pun dibuat agar tiap-tiap sekuriti ataupun non-performing loan margin itu boleh diberi sebanyak RM20 juta kepada satu-satu kompeni. Pecahan-pecahan dan kriteria-kriterianya saya tidak ada di sini. Butir-butir berkenaan saya akan beri secara bertulis.

#### **AHLI-AHLI SUKAN KOMANWEL KE-XVI – JAMINAN MASA HADAPAN**

17. **Dr. G. Leelavathi [Kapar]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan memandangkan berakhirnya Sukan Komanwel ke-XVI maka secara serentak Projek Jaya 1998 pun berakhir. Apakah akan jadi nasib masa hadapan ahli-ahli sukan kita di bawah projek ini dan adakah usaha akan dijalankan oleh kementerian untuk mencarikan pekerjaan untuk mereka ini.

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, atlet-atlet yang menyertai Program Jaya 1998 adalah terdiri daripada atlet-atlet yang bersekolah, yang bekerja, berniaga dan sedikit bilangannya yang masih belum mempunyai pekerjaan. Kecuali mereka yang belum mempunyai pekerjaan, atlet-atlet ini telah kembali bertugas ataupun meneruskan persekolahan masing-masing. Bagi mereka yang belum mempunyai pekerjaan, usaha-usaha sedang dilaksanakan oleh persatuan-persatuan sukan masing-masing untuk mendapatkan pekerjaan kepada mereka.

**PANDANGAN  
TOKOH MASYARAKAT**

18. **Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]** minta Perdana Menteri menyatakan, ekoran pendedahan pakar undang-undang dan tokoh masyarakat atas tindakan beliau mencabuli keluhuran undang-undang dan eksploitasi agensi kerajaan di samping pelbagai penyalahgunaan kuasa, adakah beliau sedia berundur secara terhormat dari kerajaan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, negara kita mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berperlembagaan di mana setiap individu dan kumpulan bebas untuk menyata dan mengeluarkan pendapat mengenai sesuatu isu mengikut kepada lunas undang-undang yang ada, walaupun kadangkala perkara yang dinyatakan itu satu pembohongan ataupun fitnah.

Dalam sistem demokrasi, pemerintahan dilantik oleh rakyat melalui sistem pilihan raya yang bebas dan adil dan parti yang menang di dalam pilihan raya tersebut berhak menubuhkan kerajaan. Kemenangan besar yang diperolehi oleh parti Barisan Nasional dalam pilihan raya-pilihan raya yang lepas adalah bukti yang jelas bahawa rakyat memberi sokongan yang kuat dan mandat yang penuh kepada kepimpinan parti Barisan Nasional. Pemimpin-pemimpin ini akan terus menerajui kerajaan dan melaksanakan kewajipan dan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh rakyat kepada mereka. Justeru itu kerajaan Barisan Nasional tidak akan sekali-kali tunduk kepada kehendak kumpulan-kumpulan tertentu yang mengambil tindakan tidak mengikut kepada undang-undang negara.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, apakah langkah-langkah untuk mengembalikan keyakinan rakyat kepada sistem undang-undang di negara kita terutama sekali yang mengkritiknya termasuklah tujuh orang itu adalah orang-orang yang dihormati dalam penglibatan mereka dalam undang-undang seperti Tun Suffian, bekas Ketua Hakim dan lain-lain lagi termasuk Presiden Bar Council dan sebagainya. Apa langkah-langkah yang diambil untuk memberi keyakinan rakyat terhadap sistem undang-undang di negara kita dan juga kenyataan-kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya tidak ada kenyataan yang mendahului keputusan mahkamah, kenyataan itu dapat dikurangkan supaya rakyat kembali yakin kepada sistem perundangan di negara kita. Apa langkah-langkah yang dibuat sekarang?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang tidak yakin, Yang Berhormat, cuma pembangkang sahaja. Sebenarnya kita tidak ada mekanisme seperti yang disebut oleh Yang Berhormat hendak mengembalikan keyakinan ini, kita tidak ada mekanisme sebab tidak akanlah mekanismenya untuk kita buat referendum, ini bukan tradisi negara kita ataupun menuntut supaya semua hakim letak jawatan, itu juga bukan cara kita. Yang ada cuma dalam pilihan raya akan datang, pada tahun 2000, pada ketika itu kita tengoklah sebab perkara kurang keyakinan kepada kehakiman ini bukan kali ini yang dibangkit, dua kali pilihan raya telah dibangkit perkara ini. Bermakna kurang keyakinan dikaitkan rapat dengan Barisan Nasional tetapi akhirnya rakyat memilih juga Barisan Nasional. Jadi kalau Yang Berhormat tanya kepada saya, apakah cara untuk mengatasi perkara ini, hanya ada satu cara sahaja, iaitu saya minta rakyat kalau betul dia tidak yakin dengan kehakiman negara, maka gunakanlah kuasa pada pilihan raya akan datang untuk memberikan satu mesej kepada kita.

Berkenaan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat kenyataan, saya ingat itu biasa, sebagai Perdana Menteri sudah tentu orang akan tanya dia atas berbagai-bagai perkara termasuk soal di mahkamah. Kalau pihak pembangkang bebas, ketua pembangkang, parti pembangkang bebas mengeluarkan kenyataan tentang apa-apa hal, mengapa tidak boleh Perdana Menteri pula untuk mempertahankan ataupun menyanggah kenyataan yang dibuat oleh pembangkang itu.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tadi bahawa parti yang menang pilihan raya itu berhak menubuhkan kerajaan, kita ada kes di Sabah di mana selepas menang pilihan raya pun tidak boleh juga meneruskan memerintah kerana tindakan pihak lawan yang kotor, tidak adil, menggugat mengakibatkan ketidakstabilan. Jadi apa jaminan dan langkah-langkah yang harus diambil supaya mengelakkan keadaan seperti ini demi sistem demokrasi yang adil dan hal pentadbiran yang boleh kita hormati. Ini awal bising sana, hal ini tidak mahu berulang kalikah keadaan yang lalu seperti begini. Apakah langkah-langkah yang kita harus buat supaya kita megah dengan keputusan pilihan raya, kita megah dengan sistem demokrasi. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat perkara ini berlaku masa pimpinan parti Yang Berhormat juga di Sabah. Bila ada apa ahli-ahli kita, dia curi ahli kita, bagi duit suruh lompat. Jadi ini perkara yang dia sendiri yang wujudkan waktu dia jadi kerajaan dahulu. Jadi soalan itu sebenarnya dia tahu sendiri. Kalau kita tengok macam di negeri Kelantan, tidak berlaku, bila menang sahaja sebuah parti, dia biasa menubuh kerajaan tetapi di Sabah mengapa? Sebab mereka mengajar

untuk membeli yang menang kerusi. Jadi sebab itu Yang Berhormat, Yang Berhormat punya soalan, Yang Berhormat tahu sendiri, di Sabah macam mana? Soal kata PBS menang ke dahulu, tidak dapat tubuh kerajaan, itu bukan salah kita sebab ada ahli-ahli yang mengikut jejak tindakan PBS waktu ia memerintah dahulu, membeli kerusi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 1, 3, 8, 10, 13 dan 15 akan dijilid dalam buku berasingan]*

**RANG UNDANG-UNDANG  
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1999**

**DAN**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN 1999**

**Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 1999 dan Anggaran Pembangunan 1999 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” *[Hari Kesembilan]*

**Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.**

**Maksud B.35, B.36, B.37, B.38, B.39, B.40 dan B.41 [Jadual]-**

**Maksud P.35, P.36, P.37, P.39 dan P.40 [Anggaran Pembangunan, 1999]-**

**Tuan Pengerusi:** Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri menyambung ucapan. Yang Berhormat akan memakan masa, berapa panjang?

**11.06 pagi**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato’ Ong Ka Ting]:** Tuan Pengerusi, 20 orang Ahli Yang Berhormat membangkitkan banyak perkara, saya cuba ringkaskan, kalau dapat saya cuba ringkaskan dalam 45 minit, kalau diizinkan atau setengah jam.

**Tuan Pengerusi:** Berapa?

**Dato’ Ong Ka Ting:** 45 minit.

**Tuan Pengerusi:** Baik, 45 minit.

**Dato’ Ong Ka Ting:** Kalau tidak ada gangguan yang banyak, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, lanjutan daripada apa yang telah saya terangkan pada hari Khamis yang lalu, saya ingin menerangkan dengan lanjut pada hari ini mengenai penguatkuasaan Akta

Keselamatan Dalam Negeri tahun 1960 iaitu ISA. Jumlah perintah tahanan dikeluarkan di bawah seksyen 8(1)(a) KDN Akta Keselamatan Dalam Negeri ataupun ISA, oleh Menteri Dalam Negeri, dalam 10 tahun yang lalu iaitu mulai tahun 1988 sehingga 26 November 1998, saya sudah sebut 10 tahun ini kita tidak salah guna, saya kena substantiate dengan angka. Jumlah 10 tahun benar-benar perintah tahanan keluar untuk masukkan mereka ke Kamunting sebagai satu deterrent atau hukuman ialah 867 orang. Mereka yang dikenakan perintah tahanan tersebut adalah terdiri daripada golongan seperti berikut, saya bagi pecahan. Golongan yang pertama ialah mereka yang terlibat dengan Parti Komunis Malaysia.

Parti Komunis Malaysia adalah komunis yang tidak dimasukkan dalam perjanjian perdamaian, kalau yang masuk dalam perjanjian perdamaian iaitu Parti Komunis Malaya, ini Parti Komunis Malaysia satu puak yang lain. Jadi mereka ini masih di tahan dalam tahun-tahun awal 1990-an, jumlah adalah 359 orang. Maknanya daripada 867 yang ditahan dalam 10 tahun, 359 adalah anggota komunis.

Golongan yang kedua ialah mereka yang terlibat dengan sindiket pemalsuan dokumen pengenalan seperti kad pengenalan, surat lahir dan juga dokumen perjalanan seperti passport dan sebagainya dan bagi mereka yang cuba bawa masuk pendatang tanpa izin, yang membanjiri negara kita, golongan ini paling besar sekali di dalam 10 tahun ini iaitu 447 orang ditahan di bawah seksyen 8(1).

Golongan yang ketiga ialah pelampau atau penyeleweng agama seramai 21 orang, kemudian yang lain ialah mereka yang melibatkan diri dalam risikan penyuluhan bocor rahsia tentera, cuba pecahkan Persekutuan Malaysia, kalau semua yang dalam golongan ini cuma 9 orang dan ada seorang adalah melibatkan diri dalam gerakan Kemerdekaan Aceh jumlah 867 orang, tidak ada seorang pun tahanan politik. Saya berulang kali konsisten di sini, hari ini saya bagi figure ini yang tidak boleh dipertikaikan. Sehingga sekarang jumlah tahanan AKDN di bawah seksyen 8(1) tersebut yang masih berada di Kem Perlindungan Kamunting, adalah 223 orang.

Tuan Pengerusi, minggu lepas saya bagi tahu Dewan ini 234 orang. Semasa saya bertugas di sini beberapa hari ini, ada lagi 11 orang dilepaskan, maknanya angka ini berkurangan, sekarang ialah 223 masih di Kem Perlindungan Kamunting dan kebanyakan mereka yang sedang ditahan ini adalah ditahan kurang daripada dua tahun. Jadi dakwaan

kata ada orang masuk ke dalam lama-lama, bertahun-tahun itu semua tidak benar sekali dan semua mereka yang berada itu adalah masa yang pendek, kurang daripada dua tahun. Ada sebahagian kecil sahaja, kalau lebih daripada dua tahun pun beberapa bulan sahaja lebih daripada dua tahun. Saya sudah buat kajian, saya sudah bawa balik semua statistik, saya kaji lima jam dalam hal ini sampai pukul tiga pagi, saya bagi tahu ini semuanya adalah berdasarkan fakta-fakta, statistik dan bukan sesiapa boleh pertikaikan.

Pecahan-pecahan mereka yang sedang ditahan di Kamunting di bawah seksyen 8(1) adalah seperti berikut:-

	Bilangan
(i) Sindiket pemalsuan dokumen pengenalan ataupun perjalanan	131 orang
(ii) Sindiket membawa masuk pendatang asing	89 “
(iii) Gerakan penyelewengan agama	2 “
(iv) Gerakan Aceh Merdeka	1 “
	-----
Jumlah	223
	=====

Sehingga hari ini masih di dalam Kamunting, tidak ada seorang pun kumpulan reformasi.

Statistik yang saya kemukakan ini adalah bukti ternyata bahawa AKDN telah pun diguna untuk menahan pesalah-pesalah yang benar-benar yang menggugat keselamatan dan memudaratkan ketenteraman awam dalam 10 tahun yang lalu ini. Dalam 10 tahun yang lalu ini kerajaan bukan sahaja berjaya menyelesaikan masalah komunis bahkan dapat mengawal dan membendung kegiatan pemalsuan dokumen keselamatan yang berleluasa dan kebanjiran pendatang tanpa izin dengan menggunakan AKDN dengan tepat.

Cuba kita fikir Tuan Pengerusi, apa akan jadi pada negara kita jika berjuta-juta pendatang asing hadir di negara kita dan seterusnya memegang kad pengenalan palsu, passport palsu, surat lahir palsu sehingga ke satu tahap tidak dapat lagi kita beza siapa dia itu rakyat Malaysia yang tulen, siapa dia itu

pendatang haram, bukankah itu satu masalah keselamatan yang begitu serius? Cuba kita fikir apa akan jadi pada kita kalau negara kita dipengaruhi oleh pelampau agama, dan juga ejen-ejen kuasa asing untuk memecahkan negara kita kerana tidak ada undang-undang pencegahan yang berkesan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya setuju bahawa kita mesti ada undang-undang yang berkesan untuk mencegah segala bentuk pelampau termasuk orang yang memasukkan pendatang asing ke negara ini. Ini memang saya setuju, tidak ada pertikaian, cuma bolehkah daripada angka-angka yang disebutkan tadi 867 orang ditahan di bawah AKDN ini yang dibawa ke Kamunting, tetapi yang tidak dibawa ke Kamunting, yang ditahan berapa bulan misalnya, ataupun berapa hari untuk menggunakan AKDN ini terutamanya sejak beberapa bulan ini, bolehkah Yang Berhormat sebutkan bilangan yang ditahan tetapi tidak dimasukkan ke Kem Kamunting?

**Dato' Ong Ka Ting:** Iaitu di dalam beberapa bulan ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kerana ada yang ...

**Dato' Ong Ka Ting:** Saya telah jawab soalan itu di sini, saya rasa dua kali. Dalam dua, tiga bulan ini polis telah mengenakan seksyen 73(1) untuk siasatan, belum sampai ke tahap Menteri iaitu di bawah 60 hari.

Setakat saya jawab minggu lepas jumlahnya, kalau tidak silap saya adalah - 25, last week, kebanyakan mereka itu telah pun dibebaskan, cuma tinggal kira-kira 5 orang masih dalam siasatan, tetapi di sini jelas sekali tahanan itu tidak dimasukkan ke dalam seksyen 8(1) kerana Menteri Dalam Negeri belum terima satu fail pun daripada polis, mereka tidak bebas dan selalu orang kata, dengan izin, detention without trial, ialah mereka yang dimasukkan di dalam Kamunting, itulah

sebagai satu hukuman, jadi lebih tepat kita sebut seksyen 8(1) ISA ini benar-benar yang diguna untuk menahan orang dalam pusat perlindungan.

Tuan Pengerusi, saya juga suka jelaskan kadangkala ada tahanan di bawah seksyen 73(1) itu dibawa ke Kementerian Dalam Negeri dan Menteri Dalam Negeri selalunya bersikap sangat strict, tegas, dan beliau akan tolak kalau sekiranya sesuatu tangkapan itu dikira tidak serius sampai boleh menggugat keselamatan negara. Jadi angka itulah yang disetujui oleh Menteri Dalam Negeri sendiri dalam 10 tahun yang lalu. Walaupun kerajaan dapat jelaskan dengan alasan kukuh betapa perlunya AKDN ini....

**Tuan Pengerusi:** Nanti sekejap, dia bangun Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, nampaknya orang-orang yang ditangkap di bawah ISA, kebanyakan kesalahan yang mereka terlibat boleh dibawa ke mahkamah dan dituduh di beberapa seksyen atau undang-undang yang tertentu, kenapa ini tidak dibuat tetapi disimpan di bawah ISA dan juga ramai orang yang dibawa ke mahkamah di bawah ISA dan akta-akta lain yang telah dibebaskan oleh mahkamah kerap kali ditangkap balik, mereka keluar dari mahkamah selepas menang kes ditangkap balik, apakah rasionalnya?

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, saya ingin jelas sekali lagi AKDN ini hanya diguna sebagai last resort, dengan izin, iaitu di mana boleh didakwa ke mahkamah ikut undang-undang yang lain. Kerajaan akan mendakwa mereka sebagai priority akan tetapi dalam kes-kes yang serius seperti ini selalunya sesuatu tangkapan itu dibuat selepas satu risikan yang panjang oleh pihak polis sehingga kita sudah pasti seseorang itu terlibat, tetapi saksi-saksi yang boleh menyokong tuduhan itu selalunya saksi-saksi ini jadi orang yang sangat susah untuk membawa mereka ke mahkamah. Adakalanya mereka itu orang luar, ada kalanya orang itu begitu takut dengan mereka yang terlibat ini dan ada juga masalah-masalah yang lain. Jikalau kita dakwa ke mahkamah, kita tahu dia tetap akan ada 'loopholes',

mereka boleh upah lawyer yang handal, Yang Berhormat tahu siapa itu lawyer, ramai - dia akan fight on technicality. Jadi sini dakwa sana lepas, kemudian dia keluar, dia terus jual kad pengenalan palsu, dia terus akan bawa pendatang tanpa izin masuk. Di bawah keadaan ini kerajaan tidak ada pilihan yang lain kecuali gunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri, dan Kementerian Dalam Negeri selalu berpegang kepada satu pendirian, bahawa pihak polis mesti 'exhausted,' dengan izin, semua saluran undang-undang yang sedia ada, kalau benar-benar kukuh, perlu dan cukup asas baru boleh hantar fail ISA ke Kementerian Dalam Negeri. Kalau tidak dapat memuaskan Kementerian Dalam Negeri fail itu akan ditolak bermaknanya polis tidak boleh sewenang-wenangnya menahan seseorang itu di bawah ISA. Yang Berhormat kata yang mereka tangkap dan dilepas oleh mahkamah dan ditahan semula, saya rasa itu bukan ISA, kadang-kadang dia ada preventive law yang lain.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa.*

Sebenarnya banyak kali hakim sendiri buat komen bahawa seseorang itu dilepaskan bukan kerana dia tidak ada substantive kesalahannya cuma dari segi teknikal dan kadang-kadang hakim komen kepada pesalah itu misalan dengan kata bertaubatlah masa dia lepaskan orang itu. Jadi adakah kita suruh polis jangan tangkap kerana tahu itu teknikal? Tahu kerana pasal singnature, pasal berapa hari pada hal orang-orang itu benar-benar culprit. Jadi inilah satu tanggungjawab yang berat dari segi populariti, kadangkala pada beberapa pengkritik, kerajaan memilih kepentingan majoriti orang ramai.

Tuan Pengerusi, walaupun kerajaan dapat penjelasan yang kukuh seperti yang saya sebutkan tadi tetapi kerajaan masih sanggup pada satu ketika mengkaji semula akta ini, agar ianya lebih ketat tidak mudah untuk digunakan. Pengkajian semula ini masih dijalankan oleh beberapa pihak yang tertentu dan belum ada

keputusan yang muktamad, which mean the review of ISA dengan izin, still going on.

Mengenai isu aduan bekas TPM bahawa beliau dibelasah semasa di bawah tahanan, kes ini telah pun selesai disiasat dan laporannya telah dikemukakan kepada Peguam Negara dan kita tunggulah keputusan Peguam Negara dan adalah di luar bidang kuasa untuk saya bercakap mengenainya di sini.

Mengenai dakwaan bahawa polis telah memprovokasikan mereka yang berdemonstrasi di Kuala Lumpur, dakwaan ini adalah tidak benar.

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat ..

**Dato' Ong Ka Ting:** Apa yang sebenarnya berlaku ialah mereka yang *[Disampuk]* cukuplah, saya berjanji 45 minit, kalau macam itu saya tidak boleh habis, cukuplah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Teruskan, kalau tidak beri jalan.

**Dato' Ong Ka Ting:** Mereka yang terlibat dalam demonstrasi telah mengingkari arahan pegawai polis yang bertugas untuk bersurai. Ada di antara mereka itu sebaliknya membuat provokasi agar polis menangkap mereka.

Saya ucapkan terima kasih kepada beberapa ahli Yang Berhormat kerana telah menyokong dan menghargai sumbangan polis dalam menangani masalah keselamatan dan juga mengambil berat tentang saraan gaji dan kebajikan mereka. Saya rasa adalah tidak adil kalau kita menyalahi pihak polis pada keseluruhannya apabila wujudnya kelemahan yang disebabkan oleh sebahagian kecil anggota polis.

Dalam masyarakat moden yang semakin sophisticated ini, cabaran dan beban kerja yang dihadapi oleh pihak polis adalah semakin bertambah. Kekuatan polis kita hari ini adalah lebih kurang 80,000 orang. Kita mempunyai kira-kira 21

juta penduduk di negara kita yang sedang menghadapi beberapa cabaran besar seperti penyalahgunaan dadah, kemasukan pendatang haram, masalah demonstrasi iaitu satu masalah baru, jumlah indeks jenayah yang meningkat iaitu sebagai contoh, untuk enam bulan pertama tahun ini ialah 79,876 kes berbanding dengan tahun lepas yang hanya 54,520 kes. Dalam keadaan yang begitu mencabar dan juga rakyat zaman moden ini begitu beraspektasi tinggi maka kritikan-kritikan hebat terhadap polis tentu bertambah.

Walau bagaimanapun kerajaan tetap berusaha menjaga imej dan prestasi polis kita dengan tidak bertolak ansur terhadap disiplin di kalangan PDRM. Sebagai contoh jumlah hukuman tata tertib yang dikenakan terhadap pegawai kanan polis sampai peringkat akar umbi adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Pegawai Polis Yang Diambil Tindakan Tatatertib</b>
1996	2,529 orang
1997	2,241 orang
1998 (sehingga 30 Okt. )	1,810 orang

Di samping tindakan disiplin yang ketat, pihak PDRM juga menganjurkan kursus kaunseling mulai April 1996 untuk membaiki imej dan mengekalkan prestasi pasukan dan pada hari ini PDRM sentiasa cuba mengubahsuaikan kedudukan tugas mereka dengan masyarakat moden tidak lagi rigid dan mengikut arahan sahaja, misalnya kalau suruh terjun, dia terus terjun tanpa memikirkan sama ada betul atau tidak.

Teguran-teguran dan cadangan Ahli Yang Berhormat mengenai imej dan cara pengendalian siasatan polis akan diambil perhatian oleh Kementerian Dalam Negeri.

Dalam hal menarik minat orang ramai untuk menyertai pasukan polis, adalah didapati banyak langkah telah diambil seperti menghebahkan kekosongan

dengan seluas-luasnya melalui media massa, menganjurkan program khas melalui televisyen dan radio, menganjurkan pameran dan ceramah kepada remaja dan pemuda dan sebagainya.

Sambutan pemuda dan pemudi terhadap jawatan polis masih sangat menggalakkan. Sebagai contohnya, pada tahun ini seramai 5,991 orang telah memohon untuk mengisi 665 jawatan inspektor dan 21,041 orang telah memohon untuk mengisi 4,123 jawatan konstabel. Semua anggota polis yang dilantik mesti melepasi tapisan keselamatan dan syarat-syarat tertentu seperti lulus attitude test dan lulus ujian fizikal yang ditetapkan. Oleh yang demikian, calon yang dipilih adalah mereka yang berkualiti. Dakwaan bahawa mereka itu mungkin tidak sesuai ataupun monyok adalah tidak benar.

PDRM mempunyai Bahagian Teknologi Maklumat...

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bagun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Kepong bangun.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tidak payahlah, panjang, banyak lagi, terima kasihlah. PDRM mempunyai Bahagian Teknologi Maklumat di Ibu Pejabat Bukit Aman dan Latihan Teknologi Maklumat memang termasuk dalam kursus asas polis. Ramai pegawai dari bahagian tersebut dan bahagian siasatan jenayah perdagangan telah dihantar ke luar negeri untuk mengikuti kursus agar boleh menghadapi cabaran semasa dan akan datang. Kerajaan memang berhasrat untuk membaiki elaun pasukan polis dan juga wader penjara mengikut kemampuan kewangan negara.

Adalah menjadi tanggungjawab kita semua bersama untuk memulihkan ekonomi negara dengan cepat supaya kita lebih mampu untuk menimbang satu gaji dan elaun polis, kakitangan penjara dan kakitangan kerajaan yang lain supaya

mendapat satu elaun yang lebih baik jika kemampuan ekonomi mengizinkan tetapi ekonomi kita ini tidak akan dapat pulih selagi kita masih menghadapi pelbagai masalah di dalam negeri dan ekonomi kita akan pulih dengan cepat sekiranya semua rakyat tumpukan perhatian kepada semua usaha dan kegiatan ekonomi negara kita supaya mempunyai suasana pelaburan yang baik, jangan selalu ada demonstrasi, jangan kerap sangat pembangkang dan NGO cuba memburuk-burukkan imej negara melalui media asing dan saluran tertentu, kalau keadaan negara stabil dan aman, bukan sahaja ekonomi pulih dengan cepat, beban kerja polis dan kakitangan penjara pun jadi tidak berat dan itulah hasrat kita. Tidak payahlah kita kata polis tidak betul, sana tidak betul dan kemudian kata, gaji dia patut naik, apa kerajaan buat. Itu semua contradiction di antara kita.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun bertanya beberapa projek pembangunan IPD Polis. Bagi IPD Polis di Jelevu iaitu Ibu Pejabat Polis Daerah Jelevu, projek ini telah diluluskan, rundingan harga akan dibuat setelah mendapatkan kelulusan untuk merunding harga daripada Kementerian Kewangan, projek dijangka akan dimulakan pada awal tahun depan kalau sekiranya semuanya berjalan lancar. Pada masa ini pelan pembangunan sedang disediakan untuk kelulusan oleh Kementerian Dalam Negeri.

IPD Yan pula terdapat sedikit masalah dari segi pemaju tetapi projek ini telah diluluskan di bawah projek penswastaan - satu pakej tiga IPD. Bagi IPD Marang projek ini telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Projek akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Keperluan rumah kediaman telah mula dibina dan dijadualkan siap pada tahun 2000. Bangunan IPD telah dirancang dibina setelah mendapat kelulusan peruntukan di bawah kajian semula separuh penggal Rancangan Malaysia Ketujuh.

IPD Dang Wangi, IPD Jinjang yang Yang Berhormat Kepong ghairah bertanya, sebenarnya hasrat kita mahu setiap projek cepat disiapkan tetapi masalahnya hak milik tanah agak rumit sedikit kerana perlu ada banyak perbincangan hak milik tanah dengan pihak berkuasa di Selangor dan sebagainya. Jadi bukan hasrat kita untuk melambatkan projek ini dan seboleh-bolehnya hasrat kita untuk melihat setiap projek berjalan dengan lancar, mudah-mudahan mereka dapat mengatasi masalah teknikal itu supaya projek itu tidak ditangguh lagi.

Kadar kontrak makanan seorang banduan sehari adalah RM3.58 di Semenanjung, RM3.10 di Sabah, RM4.72 di Sarawak, kadar tersebut adalah berdasarkan scale diet yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan, mengapa berbeza, kerana di situ bahan-bahan makanan dibekal, pasarannya memang macam itu, bukan kita sengaja diskriminasi tetapi scale diet adalah sama dan jangan lupa itu adalah penjara. Saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang telah bantu saya iaitu penjara ini bukan hostel atau hotel tetapi adalah tempat kita menghadapi pemulihan dan bukan tempat untuk selesa, kalau tidak mahu pergi makan nasi di situ janganlah masuk.

Semua banduan ada dibekal dengan air masak dan tidak dipaksa untuk meminum air paip. Banduan juga diberi dua helai selimut bagi banduan peringkat pertama yang baru masuk, bukan semua mereka tidur atas simen, dua selimut tebal, satu boleh digunakan sebagai tilam dan satu lagi digunakan sebagai selimut untuk tutup badan mereka. Jadi itu adalah satu peringkat orientasi supaya banduan itu lebih tough dari segi penyediaan minda dan juga badan supaya dia boleh menghadapi latihan ataupun program pemulihan yang selanjutnya.

Kekerapan perjumpaan keluarga banduan adalah juga mengikut sistem peringkat berdasarkan Perintah Tetap Ketua Pengarah 1992. Oleh kerana Akta Penjara baru dua tahun dipinda di Parlimen ini, maka selepas itulah dapat kita gubal satu peraturan penjara yang baru untuk menggantikan Peraturan Penjara

1953. Sebenarnya kita sudah mula buat penggubalan itu selepas akta penjara baru digazetkan. Sebelum Ahli-ahli Yang Berhormat cuba bangkitkan, kita sudah kemukakan gubalan peraturan penjara yang baru itu dan pada masa kini draf itu berada di pejabat Peguam Negara untuk dikaji dari segi undang-undang.

Tuan Pengerusi, mengenai isu mesin perjudian yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah, mengapa kawasan-kawasan mereka penuh dengan mesin perjudian, mengapa di kawasan Pontian tidak ada, saya rasa ini kebetulan kerana setiap kawasan ada masalah yang berlainan. Kalau kata di kawasan Pontian sedang menghadapi masalah ramainya pendatang tanpa izin, bukan sahaja di Pulaui atau Senai. Setiap daerah ada masalah yang berlainan, ia tidak ada kaitan dengan siapa wakil rakyatnya. Walau bagaimanapun, masalah yang diadu itu telah pun saya sampaikan kepada Polis Diraja Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri juga mengambil pendirian dan telah pun memaklumkan kepada polis. Kementerian Dalam Negeri sanggup pada bila-bila masa mengeluarkan perintah Akta Kediaman Terhad untuk buang daerah pada pengangjur-penganjur kalau mereka itu terus berdegil menganjurkan pusat-pusat hiburan haram yang membawa masalah sosial kepada pemuda-pemudi kita.

Mengenai kaset-kaset yang diedarkan mengenai isu-isu politik dan agama di pasar-pasar malam, kementerian saya sedang menyiasat dan meneliti kegiatan demikian. Mengenai NGO-NGO dan kegiatan antikerajaan yang disyaki dapat sumber kewangan dari luar negeri, Kementerian Dalam Negeri juga sedang menyiasat dan menelitinya.

Mengenai akhbar *Harakah*, kementerian telah pun memberi amaran keras kepada mereka dan mereka berjanji hendak bekerjasama tetapi saya faham ada juga penyelewangan, kita sedang mengawasi apa yang mereka buat itu. Jadi saya harapkan Yang Berhormat dari Kubang Kerian sampaikan kepada mereka, 'gentlemen'lah sedikit. Kita sudah berunding dan apa yang dijanjikan, hendaklah

dikotakan. Mengapa masih lagi diedarkan kepada bukan ahli? Kalau gentlemen baru selalu kita boleh berunding, kalau tidak, buat apa kita berunding banyak-banyak. Itulah yang dikatakan rundingan, baik jangan berdemonstrasi. Bila kita berunding, dia kata ya, ya, tetapi lepas itu dia tidak buat, tidak ada maknalah Yang Berhormat.

Mengenai kes wanita mengandung yang ditembak mati semasa polis menyerbu kumpulan pencolek, saya tegaskan di sini Kanun Aturcara Jenayah adalah wajib untuk dipatuhi oleh semua anggota polis semasa mereka menjalankan tugas. Setiap kes kalau ada aduan, ada enquiry, selalunya enquiry itu dijalankan oleh majistret dan kes ini kerana ada aduan sudah ada enquiry tetapi laporan itu saya tidak dapat memperolehi, setahu saya perkara ini telah pun dapat perhatian yang serius oleh Kabinet sendiri dan laporan itu saya rasa dihantar kepada Kabinet.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Mentakab, Seputeh dan Teluk Intan ada menyebut beberapa perkara tentang PR dan warganegara. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menerangkan sedikit tentang perkara ini kerana nampaknya masih ramai orang awam yang tidak faham dasar pemerosesan kelulusan permit masuk ataupun PR kepada orang asing adalah seperti berikut - tiga kategori.

Kategori pertama ialah isteri kepada warganegara kita, kita sebut mereka itu isteri asing. Apabila genap tinggal di negara kita atas Pas Lawatan Isteri Asing genap lima tahun mereka boleh memohon kepada Jabatan Imigresen dan Ketua Pengarah Jabatan Imigresen telah pun diberi kuasa oleh Menteri Dalam Negeri untuk meluluskannya, maknanya ini tidak perlu sampai ke peringkat menteri.

Bagi anak kepada warganegara juga, anak yang dilahir diluar dan dokumen dan sebagainya ataupun dia tidak ada tuntutan kerakyatan pada hal dia itu anak kepada warganegara kita, kalau mereka tidak ada sebarang status PR ataupun

kerakyatan, mereka boleh juga memohon kepada Jabatan Imigresen dan Ketua Pengarah Jabatan Imigresen juga diberi kuasa untuk meluluskannya.

Selain daripada dua kategori ini yang lain-lain, bukan isteri asing, bukan anak kepada warganegara, mereka boleh juga memohon kepada Jabatan Imigresen tetapi Jabatan Imigresen tentu akan tolak kerana Jabatan Imigresen tidak ada kuasa untuk meluluskan tetapi selepas surat tolak itu dikeluarkan kalau mereka masih berminat mereka kena merayu kepada Menteri Dalam Negeri dalam masa 30 hari. Dalam masa 30 hari itulah yang penting, jangan lepas 30 hari, Kementerian Dalam Negeri akan memproses rayuannya dan menimbang dengan sewajarnya. Semasa menimbang permohonan ini, mereka yang mempunyai kepakaran, mereka yang ada sumbangan kepada negara, mereka yang ada hasrat untuk menetap di sini selama-lamanya, mereka yang ada ikatan kekeluargaan, inilah faktor-faktor yang dipertimbangkan dan boleh diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri. Bagi isteri asing yang kurang bernasib baik suaminya meninggal. Jadi isteri asing itu sudah jadi balu asing yang berada di negara kita. Bagi golongan ini kerana dia sudah jatuh dalam kategori ketiga yang saya sebut tadi, dia bukan lagi isteri asing, dia bukan lagi boleh dilulus oleh Ketua Pengarah Jabatan Imigresen maka mereka itu boleh memohon dan merayu kepada Kementerian Dalam Negeri. Pada masa mereka merayu, mereka terus boleh menetap di sini, tidak payah balik. Mereka boleh mohon pas lawatan untuk berterusan di Jabatan-jabatan Imigresen yang berkenaan.

Kementerian Dalam Negeri sudah mengeluarkan satu surat pekeliling pada tahun 1990, sebenarnya semua mereka ini mulai daripada tahun 1990 tidak sepatutnya diwajibkan pulang, mereka sepatutnya boleh terus dengan pas lawatan. Kemudian mereka boleh terus memohon PR jika mereka minat kecuali mereka sendiri hendak balik, itu lain ceritalah.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jumlah PR yang telah diluluskan sejak tahun 1990 hingga April tahun lepas adalah 41,078, daripada jumlah ini walaupun saya tidak ada angka yang tepat tetapi setahu saya lebih kurang t separuh dari jumlah itu adalah isteri asing. Saya berpindah pula kepada warganegara.

Warganegara memang ada borang baru telah menjadi lebih mudah daripada dahulu proses mengisi borang dan sebagainya. Tetapi.....

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Bangun]*

**Dato' Ong Ka Ting:** Banyak lagi, tidak cukup masa. Kalau saya beri kepada Ahli Yang Berhormat, saya kena beri kepada orang lain, cukuplah. Piagam kerja untuk memproses warganegara adalah dua tahun, bermakna tidak lebih daripada dua tahun, sekarang ini banyak kes sedang diproses tetapi kebanyakannya dalam dua tahun. Saya tahu kadangkala ada kes-kes lama kerana masalah yang dahulu dia belum mendapat apa-apa jawapan dan kes-kes ini telah berkurangan bukan lagi satu bilangan yang besar. Faktor untuk meluluskan kewarganegaraan, ada beberapa faktor, lulus ujian Bahasa Malaysia bukan satu-satunya syarat, ujian lulus Bahasa Malaysia hanya merupakan salah satu syarat sahaja, lain-lain syarat seperti berkelakuan baik, mempunyai sumbangan kepada negara, taat setia dan sebagainya. Tidak ada ikatan kekeluargaan dan sekarang kementerian saya menimbang golongan yang telah menetap lama di sini seperti umurnya lebih dari 40 tahun dan dia telah berada di sini sebaik sahaja merdeka, dia mempunyai isteri, anak dan keluarga, ada pekerjaan tetap dan ada aset. Semua faktor ini boleh dipertimbangkan pada masa kini. Sebagai contoh, pertamanya tiga tahun yang lepas kementerian saya telah pun meluluskan warganegara kepada mereka yang telah lama di sini, lahir pun di sini kerana masalah teknikal dan dokumentasi mereka tidak dapat sijil warganegara.

Sejumlah 10,755 kelulusan telah diberi antara tahun 1995 hingga Oktober 1998 inilah golongan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, mereka itu sepatutnya diberi pertimbangan. Detail yang lain saya tidak bercadang untuk menerangkan di sini kerana

mengikut perlembagaan ada banyak penerangan perlu dibuat, kalau Ahli Yang Berhormat berminat boleh dapatkan maklumat yang selanjutnya daripada saya di luar Dewan.

Bagi anak-anak yang dilahirkan di luar negara, sama ada mereka itu kena daftar atau tidak, di sini saya rasa penting untuk maklumkan kebanyakan orang awam tidak faham undang-undang ini menjadi masalah kepada anak-anak mereka iaitu untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi anak-anak di mana bapanya adalah warganegara dan bapanya dilahirkan di persekutuan, di negara kita, kelahiran anak-anak mereka di luar negara tidak perlu lagi didaftarkan di kedutaan (consulate) sebab mereka ini adalah warganegara mengikut perjalanan undang-undang (by operation of law). Apa yang mereka perlu buat ialah apabila mereka pulang mereka boleh membuat pengesahan taraf kewarganegaraan, memohon kepada pihak Jabatan Pendaftaran Negara.

Bagi anak-anak yang bapanya bukan dilahirkan di persekutuan tetapi bapanya adalah warganegara, jadi mereka inilah perlu mendaftar di pejabat consul untuk mendapatkan Borang 'W', ada perbezaan. Seseorang anak boleh menjadi warganegara walaupun bapanya tidak dilahirkan di sini, anak lahir di luar negara, ada perbezaan. Ini adalah kerana Perlembagaan Persekutuan kita, bukannya suka-suka kita menetapkan syarat ini, kita ikut Perlembagaan Persekutuan. Jadi apa-apa yang tidak difahami, kita kena bincang selanjutnya.

Bagi orang yang tidak mempunyai Surat Beranak memang terdapat.....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Tumpat bangun.

**Dato' Ong Ka Ting:** Cukuplah. Susah saya hendak beri, ramai orang hendak tanya, maaf. Memang diakui terdapat ramai anak-anak Orang Asli tidak mempunyai Surat Beranak, walau bagaimanapun sekarang Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah dilantik sebagai pendaftar kelahiran, dengan ini masalah Orang Asli akan dapat dikurangkan kerana Jabatan Orang Asli telah dilantik, harap mereka boleh menggunakan dengan sepenuhnya.

Mengenai kad pengenalan orang mati yang digunakan oleh pendatang tanpa izin, memang ini kerja sindiket. Sebab itulah ramai ahli sindiket yang telah ditangkap di bawah ISA. Kad pengenalan orang mati adalah satu cara sindiket pemalsuan untuk memalsukan kad pengenalan supaya orang asing boleh menggunakannya. Kad pengenalan orang hidup pun boleh dipalsukan, orang mati lagi senang sebab kalau orang yang telah mati, dia tahu yang pemegang kad pengenalan palsu itu kalau pergi ke mana-mana tidak akan bertemu dengan orang yang original sebab telah meninggal dunia. Inilah tipu helahnya.

Tempoh pengampunan pendatang tanpa izin tidak akan dilanjutkan. Banyak kali telah dicakapkan jangan last, kalau last dengan izin, crying booth, orang sudah tidak percaya lagi. Menjelang 15 November 1998, tarikh tamat pengampunan sejumlah 187,486 pendatang tanpa izin telah pulang ke negara mereka di bawah program pengampunan dan nama mereka disenaraihitamkan supaya tidak boleh senang-senang masuk semula ke negara kita.

Masalah dadah, saya telah banyak kali menerangkan di sini, saya tidak akan mengambil masa yang panjang dan secara ringkasnya kita ada 27 buah pusat serenti di seluruh negara ada kira-kira 10,500 penghuni dan tangkapan penagih yang dapat dikesan dalam lima tahun yang lalu iaitu:

- Tahun 1994 - 28,756 penagih;
- Tahun 1995 - 34,104 penagih;
- Tahun 1996 - 30,598 penagih;
- Tahun 1997 - 36,284 penagih.

Enam bulan yang pertama tahun ini 13,689 orang, maknanya masih serius masalah penagihan dadah dan strategi kita secara ringkas ialah kita masih menekankan kepada pencegahan, kemudian rawatan dan pemulihan dan penguatkuasaan undang-undang. Kita memerlukan sokongan dari masyarakat umum, walaupun selalunya di pusat serenti seseorang itu telah pulih dirawat, bila dia keluar tidak ada sokongan masyarakat, dia jatuh balik kepada penagihan kerana sokongan moral tidak cukup. Rusuhan yang berlaku di pusat-pusat serenti kerana pihak jawatankuasa pentadbiran pengurusan pusat

serenti mempertingkatkan pengawalan mengenai bahan-bahan yang terlarang seperti dadah dan tembakau, bila sudah diketatkan mereka yang hardcore, tegar dan degil itu tidak puas hati dan mereka menghasut penagih-penagih yang lain. Jadi itulah salah satu punca yang selalunya menjadi rusuhan di pusat serenti. Pada masa ini pendekatan agama memang ada digunakan di pusat-pusat serenti, mulai daripada 1 Januari tahun hadapan pendekatan agama melalui modeliti agama yang dibuat secara khusus akan dilaksanakan di semua pusat serenti.

Kita memang banyak mengadakan kerjasama dengan negara asing baik di peringkat dunia atau serantau misalnya mesyuarat United Nation Drug Control Programme (UNDCP), Asian Senior Officer On Drug (ASOD) dan Head of National Drug Law Enforcement Agency for Asia and Pacific. Cadangan lain akan diberi pertimbangan sewajarnya.

Bagi perkara yang menyentuh RELA akan diberi perhatian, memang kita tahu RELA ini semua orang yang rela tetapi kadangkala mereka juga ada pelbagai kekurangan dari segi kemudahan dan sebagainya, kerajaan tetap beri perhatian.

Banyak lagi perkara yang saya kira bukan dasar sangat kerana masa suntuk saya tidak dapat menjawab satu persatu tetapi semuanya ada saya catat, kebanyakan yang telah saya dengar itu akan tetap diberi perhatian. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat dan saya minta maaf kerana tidak dapat menyebut semua nama satu persatu untuk menjimat masa dan tidak mengizinkan penjelasan. Itu sahaja jawapan saya. Sekian, terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Teluk Intan hendak minta apa Yang Berhormat?

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, saya ada membangkitkan perkara trafik dan marine base, langsung tidak dijawab, buat apa kita berucap di sini kalau Timbalan Menteri tidak jawab, I see no purpose, kalau boleh satu jaminan diberi atau jawapan bertulis dan sebagainya, kalau tidak, buat apa kita berucap, I don't understand the logic.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sebenarnya Timbalan Menteri telah pun cakap tadi, walaupun ada yang tidak sempat hendak dijawab tetapi dia telah pun membuat catatan seperti mana yang dijanjikan. Yang Berhormat fahamlah itu.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, saya faham tetapi saya tidak faham kita ada banyak masa, hari ini ditetapkan untuk dua kementerian, I can't understand, saya orang baru, some of this doesn't make sense. Kita datang ke sini berucap.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, keluhan Yang Berhormat akan diambil perhatian.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, sebenarnya ada kuasa yang tertentu untuk mengarahkan kita tidak dibenarkan menjawab, bertanya soalan.....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Nanti Yang Berhormat, sekejap.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Yang saya punya pun tidak jawab langsung.

**Dato' Ong Ka Ting:** Saya sudah kira, saya ada buat kiraan, lebih daripada 200 perkara. Kalau saya kena jawab, saya perlu dua jam lagi tetapi saya terangkan semua dasar-dasar. Itu very specific. Yang perkara yang tidak dasar sangat saya ambil perhatian, saya ada catat. Jadi tak payah risaulah kalau you hendak tahu jawapan, saya boleh bagi selepas ini.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Pengerusi, yang saya punya penting mengenai tape yang dirakam semasa mesyuarat dihadiri Perdana Menteri, semasa Mesyuarat MKT UMNO bocor, itu trend baru, macam tidak jawab sahaja.

**Dato' Ong Ka Ting:** Saya sudah jawab tadi tidak dengarkah, saya jawab, kita sedang menyiasat dan meneliti, saya ada jawab. Semua tape itu kita sedang siasat dan meneliti. Saya sudah beri jawapan tadi. You tidak dengar tadi.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, saya, saya ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Teluk Intan, tidak puas hati lagi.

**Tuan M. Kulasegaran:** Saya pernah di House of Commons, sebenarnya Tuan Pengerusi boleh mengarahkan Timbalan Menteri menjawab sekarang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, apa Yang Berhormat sarankan itu saya faham. House of Commons itu ada perbezaannya dengan Dewan kita ini. Yang Berhormat ...

**Tuan M. Kulasegaran:** Sama rule dia. Tuan Pengerusi, yang mustahak kalau kita katakan tidak cukup masa hendak jawab....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Tetapi Yang Berhormat saya sudah cakap dengan jelas. Apa yang tidak sempat Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab itu dia sudah janji buat catatan dan sebagainya dan lagipun saya tidak mengehendkan masa. Saya tidak mengehendkan masa, itu yang saya hendak fahamkan Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** Oh! Terima kasih, jadi kita tahulah yang dia tidak jawab itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM136,079,800 untuk Maksud B.35; RM1,734,873,000 untuk Maksud B.36; RM165,052,400 untuk Maksud B.37; RM5,403,400 untuk Maksud B.38; RM73,345,200 untuk Maksud B.39, RM159,928,200 untuk Maksud B.40 dan RM7,048,400 untuk Maksud B.41 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM136,079,800 untuk Maksud B.35; RM1,734,873,000 untuk Maksud B.36; RM165,052,400 untuk Maksud B.37; RM5,403,400 untuk Maksud B.38; RM73,345,200 untuk Maksud B.39, RM159,928,200 untuk Maksud B.40 dan RM7,048,400 untuk Maksud B.41 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM28,199,500 untuk Maksud P.35; RM157,866,000 untuk Maksud P.36; RM117,052,300 untuk Maksud P.37; RM180,096,000 untuk Maksud P.39 dan RM102,531,850 untuk Maksud P.40 yang disebut dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1999 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM28,199,500 untuk Maksud P.35; RM157,866,000 untuk Maksud P.36; RM117,052,300 untuk Maksud P.37; RM180,096,000 untuk Maksud P.39 dan RM102,531,850 untuk Maksud P.40 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1999.

**Maksud B.42 [Jadual] -  
Maksud P.42 [Anggaran Pembangunan, 1999] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Kepala Bekalan B.42 dan Kepala Pembangunan P.42 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat terbuka untuk dibahas. Kubang Kerian.

**12.55 tgh.**

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]:** Tuan Pengerusi, cakap-cakap nanti tidak jawab pula. *[Ketawa]* Lengoh kita bercakap sedangkan keadaan negara semakin gawat, masalah rahsia negara bocor begitu mudah, mesyuarat dihadiri Perdana Menteri, kaset-kaset boleh diedar kepada orang ramai, benda ini penting tetapi Kementerian Dalam Negeri buat tidak indah perkara ini. Nanti mesyuarat hal tentera tertinggi besok tape bocor, Mesyuarat Kabinet tape bocor, apa hendak jadi kepada Malaysia negaraku yang tercinta.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]* Wah!

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Butiran 050000 - Hal Ehwal Orang Asli. Sekarang ini memang kita lihat ada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli tetapi makin hari semakin kerap kita mendengar aduan daripada Orang-orang Asli kerana dahulunya Orang Asli ini duduk di pedalaman, mereka duduk di kawasan yang jauh daripada bandar. Dengan perkembangan penduduk dan juga pembangunan yang berlaku di Malaysia, Orang-orang Asli yang dahulunya jauh sekarang sudah dekat dengan bandar. Satu perkara yang kita lihat mereka telah menerokai tanah-tanah tempat mereka tinggal begitu lama, ratusan tahun sampai tiga, empat generasi tetapi satu perkara mereka ini kebanyakannya tanah-tanah yang mereka terokai tidak dapat hak milik. Oleh itu apabila datang pembangunan ke kawasan mereka, mereka terpaksa berpindah ataupun dihalau ke tempat lain dengan membayar hanya sugu hati kepada mereka sebab mereka tidak dapat hak milik ataupun tidak ada undang-undang di peringkat Kerajaan Pusat untuk memberi hak milik kepada Orang-orang Asli tempat yang mereka teroka ratusan tahun sama ada di tepi sungai ataupun di celah-celah bukit.

Dahulu misalnya mereka tinggal di Bukit Lanjan, itu dianggap jauh daripada bandar Kuala Lumpur. Mereka tinggal di Sepang di kawasan tapak KLIA, mereka anggap jauh daripada Kuala Lumpur. Gombak pun barangkali dianggap sudah agak jauh kalau 50 atau 100 tahun dahulu. Begitulah juga di Bangi dan sebagainya. Sekarang pembangunan telah sampai kepada mereka, apabila sampai kepada mereka maka kita lihat mereka terpaksa berpindah, apabila mereka berpindah mereka tidak diberi bayaran yang setimpal untuk mereka berpindah oleh kerana mereka hidup secara Orang Asli, mereka hendak pindah tempat yang berdekatan, mereka tidak lagi mendapat tanah seperti dahulu boleh masuk ke rimba lain untuk mereka teroka, maka mereka terpaksa bertarung dengan orang lain untuk menyambung hidup.

Oleh itu kita lihat Orang-orang asli yang tinggal di tapak KLIA (dahulu) mereka terpaksa sekarang ini berpindah dan menyambung hidup dalam keadaan yang daif, aktiviti-aktiviti biasa yang mereka lakukan dahulunya tidak dapat mereka sambung. Begitulah juga janji kepada penduduk-penduduk asli Bukit Lanjan yang mereka akan menjadi orang kaya baru, nampaknya janji tinggal janji, mereka tidak diberi pampasan yang sewajarnya. Begitulah juga kita lihat Orang Asli dekat dengan air terjun Kijang di Tapah di mana saya berpeluang melawat perkampungan Orang Asli di situ di mana mereka mengadu bahawa lebih daripada 50 orang pelajar-pelajar sekolah di situ tidak ke sekolah kerana tidak dapat uniform ataupun tidak ada duit untuk beli uniform, mereka ditempatkan di situ dan mereka telah pun ubah cara hidup mereka kepada hidup moden tetapi hidup moden yang mereka ceburi ini tidak dapat menampung pendapatan untuk mereka menyara keluarga.

Oleh itu hal-hal Orang Asli ini kita harap pihak kerajaan menekankan kerajaan-kerajaan negeri supaya memberi hak milik dan kami di Kelantan telah mula memberi hak milik kepada Orang-orang Asli terutama sekali di Gua Musang supaya mereka apabila pembangunan datang ke kawasan mereka nanti, tanah itu hak milik mereka, mereka akan dapat wang kalau tanah mereka hendak diambil mengikut harga pasaran dan aduan terhadap kehidupan Orang Asli ini memang sekarang ini begitu ketara sekali iaitu mereka menghadapi masalah apabila kawasan-kawasan mereka diperbandarkan ataupun diperkampungan sedangkan mereka belum lagi mampu untuk bersaing dengan orang yang hidup di luar ini begitu lama.

Kita harap pihak kerajaan mengambil perhatian khas tentang aduan-aduan yang begitu banyak yang dahulu kami pembangkang jarang terima daripada Orang-orang Asli

ini tetapi sekarang kami terima aduan yang begitu banyak tentang penganiayaan yang berlaku kepada Orang-orang Asli khususnya di Semenanjung ini. Kalaulah mereka puas hati adanya Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sudah tentulah mereka tidak adu kepada kita tetapi aduan kepada pembangkang sedangkan Orang Asli ini bukanlah suka sangat kepada pembangkang ertinya mereka sudah exhausted. Saluran yang ada pada mereka tertutup maka mereka datang kepada kami untuk membuat aduan terutama sekali soal hak-hak milik tanah mereka, pampasan-pampasan yang perlu diberi kepada mereka apabila kawasan mereka diambil untuk membuat pembangunan.

Kita harap pihak kementerian jawablah dengan elok, jangan mengatakan kami kaji dan kami akan mengambil tindakan. Itu kita harap, sekian, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Bukit Mas.

**12.00 tgh.**

**Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian sedikit sahaja di dalam perbahasan ini iaitu mengenai Butiran 020000 – Kebajikan Masyarakat.

[Tuan Pengerusi (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tadi kita dengar rakan kita daripada pihak pembangkang membangkitkan isu mengenai hal ehwal Orang Asli tetapi, Tuan Pengerusi, di sini mengenai kebajikan masyarakat, saya ingin membangkitkan satu perkara iaitu mengenai satu suku kaum di Sarawak iaitu suku kaum Penan kerana di kawasan saya pun di kawasan Bukit Mas sebetulnya suku kaum ini masih perlu diberi bimbingan, bantuan dan juga banyak keperluan. Harapan saya kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat selama 35 tahun kita berada dalam Malaysia, apalah salahnya daripada kementerian ini turun ke padang di Sarawak – minta maaf, Datuk Timbalan Menteri. Maksud saya di sini, memang ada satu Jabatan Penan Affairs ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak tetapi malangnya dari segi program-program yang dilaksanakan saya rasa mungkin tidak memuaskan dari segi kewangan ataupun bantuan.

Di sini secara khusus saya meminta kepada Kerajaan Persekutuan (Federal), turun ke kawasan kita di Bukit Mas supaya orang Penan dari kawasan Hulu Limbang yang dahulunya menyokong Bruno Manser yang betul-betul kenal kita dari Kuala Lumpur

prihatin terhadap masalah yang mereka hadapi. Saya ajak sekiranya kalau Menteri sendiri tidak senang, Datuk Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen pun ada di sini – rakan saya, saya minta kalau boleh, apalah salahnya kita buat satu program atau kegiatan khusus untuk membantu mereka supaya, dengan izin, so that these people will not be marginalise in the years to come dan ingin supaya mereka dapat melibatkan diri dan tidak ditinggalkan di dalam arus pembangunan yang berjalan begitu pesat.

Tuan Pengerusi, kadang-kadang saya sebagai wakil rakyat daripada Barisan Nasional, saya bersimpati dengan masalah yang mereka hadapi tetapi oleh kerana kita ada banyak masalah yang lain dan harapan saya kementerian yang bertugas untuk membantu orang seperti Penan dan Orang Asli ini kalau boleh tolong datang ke Sarawak, tengok bagaimana kaum Penan tinggal di kawasan hutan belantara. Tuan Pengerusi, pada masa dahulu, selepas saya dipilih menjadi wakil rakyat di sana, untuk mengusir Bruno Manser saya berjalan tiga hari di dalam hutan – tiga malam tidur bersama orang Penan, baru mereka hairan dan mengatakan ada orang kerajaan. Dahulu mereka ingat tidak ada orang kerajaan, mereka pakai helikopter dan selepas dua jam hilang, mereka cakap, tetapi Bruno Manser sanggup tinggal bersama mereka. Oleh kerana itu saya minta di sini, Tuan Pengerusi, iaitu, dengan izin, let our presence be felt by these people dan apabila mereka kenal dan sedar bahawa ada orang yang prihatin terhadap masalah mereka dan mungkin mereka juga terus berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Selain daripada itu, mengenai 030000 iaitu Perpaduan Negara. Saya berterima kasih kepada kementerian kerana selalu mengadakan kegiatan khusus untuk meningkatkan perpaduan di kalangan suku kaum dan rakyat yang ada di sesuatu tempat dan baru-baru ini saya balik daripada merasmikan satu majlis Rukun Tetangga di kawasan saya, saya betul-betul berterima kasih, Tuan Pengerusi. Adalah harapan saya semua program perpaduan negara ini harus ditingkatkan supaya semua masyarakat dapat berintegrasi dan selain daripada itu apalah salahnya kita tingkatkan satu program di mana seperti yang saya katakan di masa dahulu semasa saya berucap di committee stage bagi Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan bagaimanakah cara kita untuk meningkatkan integrasi nasional iaitu perpaduan negara khususnya di antara suku-suku

kaum yang tinggal di kawasan pedalaman di Sarawak dan orang yang tinggal di kawasan sini.

Tuan Pengerusi, maksud saya di sini ialah dahulu waktu saya masih menuntut di Universiti Malaya, saya pernah pergi melawat Orang Asli kerana saya bersimpati dengan mereka. Saya tinggal tiga hari di Kampar, Perak. Sekarang sudah terlupa nama tempat itu. Oleh kerana sebagai seorang anak orang Ulu daripada Sarawak yang dibantu oleh kerajaan - dibantu oleh Yayasan Sarawak mulai daripada Tingkatan Lima sampai ke universiti, saya berterima kasih kepada kerajaan. Ini hanya satu cara kerajaan membantu orang yang the marginalise group – suku kaum yang kecil dan saya pelajari bahawa Orang Asli ini sebetulnya banyak kejayaan yang mereka hadapi bergantung kepada mereka sendiri.

Kita tidak menyalahkan kerajaan dan oleh kerana itu saya rasa kalau mereka dapat diberi lawatan, misal kata pergi tengok bagaimana orang Iban, orang Kadazan, orang Dusun dan orang Ulu di Sarawak, kita juga sebetulnya apabila kita datang ke Kampar tiga hari, saya hairanlah, dengan izin, they do shifting cultivation hingga 5 ekar sahaja, kalau dibandingkan dengan Orang Iban di Sarawak, satu keluarga shifting cultivation, dengan izin, sampai 50 ekar, bermakna kita rela bekerja kuat di sana dan sikap seperti ini harus ditabur di dalam hati dan pemikiran mereka. Dengan izin, I find that they are dealing too much, oleh kerana itu sekiranya Kementerian Pembangunan Masyarakat, hantar Orang-orang Asli 30 orang pemimpin-pemimpin datang ke rumah panjang di Sarawak, pergi ke rumah orang Ulu di Balak, kalau orang tidak terima hantar pergi ke Bukit Mas, saya terima. Satu hari, saya bawa mereka sampai ke suku kaum Penan, dengan izin, so that they don't talk about this thing in the years to come. Kita harus bincangkan masalah yang penting supaya negara kita dapat setanding dengan negara-negara yang lain tetapi kalau ada masalah yang kecil seperti begini, bagaimana? Orang luar pun ambil kesempatan juga seperti di Sarawak. Itulah sebabnya saya selalu menyuarakan isu orang Penan supaya orang luar tidak ambil peluang untuk campur tangan di dalam hal ini.

Saya tahu dan faham di kawasan-kawasan lain di negeri Sarawak, ada orang luar ingin campur tangan dengan isu-isu orang Penan tetapi di kawasan saya mereka tidak dapat campur kerana saya turun ke padang dan harapan saya mengenai perpaduan negara

ini, saya cadangkan buat lawatan sambil kerja untuk Orang Asli daripada sini – pemimpin-pemimpin mereka, sampai ke Sarawak. Kalau tidak mencukupi peruntukan daripada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat minta daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang prihatin terhadap masalah-masalah rakyat kita di bawah ini dan inilah harapan saya dan dengan secara khusus saya sekali lagi meminta Datuk Menteri datang ke kawasan saya kalau Datuk Menteri tidak mahu, hantar orang Kuala Lumpur datang ke kawasan Bukit Mas, lawat orang Penan dan jangan pergi satu atau dua jam, tidur satu malam baru kita balik !

Tuan Pengerusi, seperti dahulu saya selalu bangkitkan mengenai isu Lapangan Terbang Limbang. Saya ajak mereka datang, apabila pegawai tinggi daripada Kementerian Pangangkutan (Transport) datang ke Limbang, balik dia terus sokong kerana sekarang setakat ini pesawat yang jatuh masih ada di Limbang. Maksud saya ini, if you go and see for yourself then you can see what the wakil rakyat says, dengan izin.

Tuan Pengerusi, sekian. Dengan kata-kata ini saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kangar.

**12.10 tgh.**

**Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sukacita saya menyentuh sedikit tentang Butiran 020000 – Kebajikan Masyarakat.

Sesungguhnya kita sangat berterima kasih kepada kementerian ini kerana sudi membantu orang-orang miskin. Tuan Pengerusi, sungguhpun pada hematnya orang menganggap bahawa Jabatan Kebajikan Masyarakat tugasnya untuk membantu orang-orang miskin, ini tidak dapat kita nafikan bahawa tiap-tiap bulan yang patut menerima bantuan pihak berkuasa kerajaan telah menunaikan tanggungjawab ini, namun kita dapati bahawa dari segi pembangunan manusia itu ia tidak berlaku. Dalam kita memberi bantuan kepada orang miskin ini, apa yang hendak saya syorkan di sini supaya pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat mengambil inisiatif lain bersama untuk membangun manusia itu sendiri.

Misalnya orang-orang miskin ini kalau di kampung selalu tersisih daripada masyarakat biasa. Kalaulah pihak jabatan dapat mencari jalan bagaimana mengumpul orang-orang miskin ini yang menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat

untuk dibawa membuat lawatan dan sebagainya demi untuk mengubah fikiran mereka supaya mereka juga tidak merasa begitu rendah diri dalam masyarakat supaya mereka dapat sentiasa bersama dengan masyarakat sekurang-kurangnya dapat meringankan, mengambil tindakan sendiri meringankan sedikit beban penderitaan yang dia tanggung.

Tuan Pengerusi, di samping itu juga kalau kita perhati keadaan sekarang, masalah sosial anak-anak muda juga merupakan tugas Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kalau kita perhatikan hari ini, ramai anak-anak muda kita yang patut bersekolah tidak sampai ke sekolah, ada setengahnya di pasar raya dan sebagainya. Jadi, kalau kita perhati masa-masa lepas, pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat mengambil langkah untuk membasmi pengemis-pengemis, jadi saya minta juga supaya Jabatan Kebajikan Masyarakat mengambil inisiatif untuk membasmi anak-anak kita ini yang sepatutnya pergi ke sekolah tetapi tidak sampai ke sekolah dan inilah yang merupakan langkah-langkah awal di mana kita dapati anak-anak kita akan terjerat dengan menghisap rokok dan kemudiannya hidu gam dan akhirnya kepada penagihan dadah. Jadi, khidmat kaunseling ini patut diperbanyakkan lagi.

Di samping itu, saya juga minta Jabatan Kebajikan Masyarakat, kalaulah berlaku perkara-perkara atau peristiwa-peristiwa yang mengejut seperti ribut, kebakaran dan sebagainya supaya mengambil langkah-langkah pada kadar yang lebih segera daripada yang ada sekarang supaya pihak mangsa yang berkenaan tidak tertunggu-tunggu untuk mendapat bantuan kerana pihak-pihak yang menjadi mangsa ini selalunya tidak ada tempat bergantung melainkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat itu sendiri.

Tuan Pengerusi, Butiran 030000 – Perpaduan Negara. Perpaduan negara ini memainkan peranan yang cukup penting dalam pembinaan negara yang menubuhkan satu masyarakat yang kukuh untuk masa kini dan juga masa depan, apatah lagi cita-cita kita untuk mencapai Wawasan 2020. Hal ini lebih tertumpu kepada generasi muda termasuk tadi saya sebut Jabatan Kebajikan Masyarakat kita perhati hari ini masyarakat kita berubah – daripada duduk di desa, di kampung kita dapati hari ini masyarakat kita tempat kediamannya ialah di kawasan-kawasan perumahan di mana kadang kala kita dapati ada jiran yang tidak bertegur di antara satu sama lain, mungkin kerana segan silu dan sebagainya. Inilah peranan yang patut dimainkan oleh Kementerian Perpaduan Negara

dan Pembangunan Masyarakat dari segi Rukun Tetangga dan sebagainya. Di kawasan-kawasan perumahan kita dapati ramai anak muda yang tenaganya kuat, tidak ada tempat bermain dan sebagainya dan di sinilah saya minta supaya pihak jabatan memainkan peranan supaya memperbanyakkan lagi kegiatan jiran muda di samping memperbanyakkan lagi tabika di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat demi untuk menanamkan perhubungan masyarakat daripada peringkat awal hinggalah ke dewasa.

Tuan Pengerusi, sekian. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Arau.

**12.15 tgh.**

**Tuan Haji Hashim bin Jasin [Arau]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh, yang pertamanya, soalan yang berkait dengan Butiran 060000 – Kependudukan dan Pembangunan Keluarga.

Tuan Pengerusi, dalam kita hendak membentuk sebuah keluarga yang baik dan sihat terutamanya apabila kita merujuk kepada Perlembagaan kita yang mengakui bahawa Islam adalah agama rasmi negara, maka saya kira isu murtad perlu diberi perhatian serius kerana isu murtad ini memporak-perandakan pembangunan sesuatu keluarga Islam di tanah air kita ini dan oleh kerana sekarang ini isu ini tidak diberi perhatian yang serius dan usaha menanganinya juga adalah tidak serius dan tidak memberi banyak kesan, maka saya meminta supaya diberi perhatian yang serius dan diwujudkan undang-undang yang lebih ketat bagi orang-orang Islam yang hendak keluar daripada agama Islam supaya mereka dikenakan hukuman-hukuman yang lebih berat.....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada yang minta jalan, Yang Berhormat. Machang minta jalan, Yang Berhormat. Beri atau tidak?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Yang Berhormat tadi ada menggesa kerajaan supaya mewujudkan undang-undang murtad yang lebih ketat. Yang Berhormat sedar atau tidak, di bawah Perlembagaan negara kita, soal agama Islam ini terletak di

bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan bukan Kerajaan Pusat dan saya ingin bertanya Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat menggesa Kerajaan Pusat, tidak patutkah Yang Berhormat sendiri menggesa Kerajaan Negeri Kelantan yang mempunyai bidang kuasa khusus mengenai agama Islam sekarang ini supaya memperkenalkan satu undang-undang murtad yang lebih ketat – sekurang-kurangnya PAS boleh melakukan ini di Kelantan kerana Kelantan di bawah kuasa PAS. Dalam bidang kuasa untuk melaksanakan undang-undang bersabit dengan pentadbiran Islam dan undang-undang lain yang bersangkutan dengannya adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Mengapakah Yang Berhormat tidak mengambil sikap menggesa Kerajaan Negeri Kelantan supaya Kelantan tunjukkan contoh, kalau betul-betul ikhlas hendak melaksanakan undang-undang ini.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Terima kasih, Yang Berhormat dari Machang. Kalau itu soalnya saya hendak sebut di sini bahawa kita tidak hendak ‘pisang berbuah dua kali’. Maksud saya, apa yang saya bangkitkan di sini ialah bahawa kuasa kerajaan negeri berhubung dengan agama itu begitu terhad sedangkan Perlembagaan itu mengatasi al-Quran. Sesuatu yang dibuat berpandukan kepada al-Quran, kalau bercanggah dengan Perlembagaan negara, maka ia akan terbatal dengan sendirinya sekadar mana percanggahannya dengan Perlembagaan, maka sebab itu saya bawa ke sini dengan tujuan supaya memberi kelonggaran, supaya kita dapat.....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, dia bangun lagi, hendak beri jalan?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Minta penjelasan.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Tidak payahlah, cukuplah sekali.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Ha?

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Cukup sekali.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, dia tidak mahu beri jalan.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Saya hendak bercakap banyak lagi.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** .....[Pembesar suara tidak dibuka] ..... cuba berbincang secara akademik, satu berdasarkan fakta.....

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Dekat saya minta, kita minta dekat orang, tidak beri!

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Berikah atau tidak?

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Beri.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Beri, okay. Yang Berhormat kata terhad. Kita ada Syariah Court Criminal Jurisdiction 1965. Ini undang-undang yang menghadkan bidang kuasa Mahkamah Syariah tetapi dalam dalam bidang kuasa undang-undang berkenaan, ia boleh hukum sampai 3 tahun penjara tetapi di Kelantan sekarang ini tidak ada satu pun kesalahan bersabit dengan murtad, itu yang menjadi masalah, apatah hendak menghukum sesuatu yang lebih, sesuatu yang menuruti al-Quran tetapi sesuatu undang-undang yang lebih ringan daripada itu pun tidak ada usaha yang dibuat oleh kerajaan negeri untuk memperuntukkan sedangkan PAS begitu beria-ia menggesa Kerajaan Pusat, murtad satu kesalahan yang lebih serius, murtad perlu ditangani secara serius tetapi di Kelantan sendiri langsung tidak ambil tindakan dan setahu saya sejak Kerajaan Negeri Kelantan diperintah oleh PAS dalam tahun 1990 sehingga sekarang tidak ada apa pun pindaan undang-undang bersabit dengan pentadbiran agama selain dibuat yang wujud ialah sebelum tahun 1978 – Undang-undang Keterangan baik, Undang-undang Nikah Cerai baik, Undang-undang Jenayah Syariah baik, semua undang-undang ini diwujudkan di Kelantan selepas tahun 1978 sebelum tahun 1990 – zaman Barisan Nasional memerintah dan PAS tidak buat apa-apa masalah. Jadi, jangan kita menggesa orang lain buat sedangkan kita yang berkuasa tidak membuat satu apa pun, ini tidak adil!

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Tuan Pengerusi, saya sebut lagi bahawasanya saya minta di sini kerana usaha kita untuk hendak melaksanakan dan mungkin Ahli Yang Berhormat dari Machang juga terlibat serba-sedikit dalam meluluskan Enakmen Jenayah Syariah (No.2) bagi negeri Kelantan yang berkait dengan Hudud, Qisas dan Takzir, tetapi kerana percanggahannya dengan Perlembagaan, maka kita tidak dapat laksanakan.

Ahli Yang Berhormat ....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Tunggu dahulu, dengar penjelasan saya. Sebenarnya, Kerajaan Negeri Kelantan ataupun PAS sendiri tidak bersedia untuk kita mengenakan undang-undang yang ketat walaupun yang ketat itu lebih ketat dari apa yang ditentukan oleh agama itu sendiri. Sebab itu, kalau dalam persoalan murtad [*membaca sepotong ayat Al-Quran*] bermaksud “Barang siapa yang mengubah agamanya hukunya boleh sampai kepada bunuh.”

Jadi, kalau dikatakan hukum bunuh, maka adakah boleh Kerajaan Kelantan yang kuasanya begitu terhad untuk melaksanakan hukum itu dalam keadaan sekarang, sedangkan Enakmen Jenayah Syariah (No.2) yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan itu sendiri pun tidak boleh dilaksanakan kerana percanggahannya ...

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Saya nampak, tetapi saya tidak beri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak mahu beri Yang Berhormat.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** ...kerana percanggahannya dengan Perlembagaan Malaysia.

Tuan Pengerusi, jadi, sebab itulah apabila saya bangkitkan masalah ini ialah supaya diberi perhatian sedikit semoga kita hendak membentuk keluarga Islam yang baik, kita perlu perkara ini dibuat di peringkat Persekutuan bukan di peringkat negeri, walaupun hendak dibuat di peringkat negeri, tetapi biarlah Perlembagaan itu sendiri memberi ruang kepada kerajaan negeri untuk

melaksanakannya. Kalau negeri lain tidak mahu buat pun tidak mengapa, beri peluang kepada Kerajaan Negeri Kelantan untuk kita buat di negeri Kelantan ataupun di negeri yang mana mungkin.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Cukuplah, saya sudah katakan.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Yang Berhormat minta, berilah peluang. Yang Berhormat katakan tadi cukup Kerajaan Pusat harus memberi peluang kepada Kerajaan Negeri Kelantan, okay. Saya hendak tahu, saya sudah bangkitkan banyak kali dalam Dewan ini, mungkin Yang Berhormat masa itu belum ada dalam Dewan berhubung dengan Hudud misalannya, Perkara 76 dalam Perlembagaan Malaysia jelas menyatakan, kalau Kerajaan Negeri Kelantan berhasrat hendak melaksanakan hukuman Enakmen Jenayah Syariah (No.2), dia boleh bawa satu Bil dalam Dewan ini meminta izin Dewan ini di bawah perkara 76 dan laksanakan itu di Kelantan.

Saya telah memberitahu sendiri kepada Kerajaan Negeri Kelantan supaya membawa ini, tetapi malangnya sampai sekarang mengapa Kerajaan Negeri Kelantan tidak membawa, tidak ikhlas hendak buat. Saya sudah gesa dan ada peruntukan, MARA dan RISDA dibuat di bawah perkara yang sama, mengapa tidak PAS sekadar membawa di bawah Perlembagaan Persekutuan, minta izin Kerajaan Pusat untuk laksanakan Enakmen Jenayah Syariah (No. 2) di Kelantan. Kalaulah Dewan ini tidak meluluskan, tidak benar, maka bolehlah tuduh bahawa orang lain tolak Hudud, tetapi PAS sendiri tidak pernah buat walaupun saya sendiri telah mencadangkan beberapa kali perkara yang sama, jangan kita kata orang tolak sedangkan kita sendiri tidak minta, ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan tidak ikhlas, cuma hendak main isu politik sahaja.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Tuan Pengerusi, saya ingat Ahli Yang Berhormat dari Machang ini, dari dahulu lagi itulah alasan yang diberi tetapi dia

tidak tahu bahawa pendekatan yang dibuat oleh kerajaan negeri kita bukan bawa ke sini dahulu, kita pergi berjumpa dengan tauke kita dahulu, tetapi jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada Kerajaan Negeri Kelantan mungkin Yang Berhormat juga baca sudah cukup untuk membayangkan bahawa kita tidak boleh lagi hendak bawa ke sini, kalau bawa pun akan di tolak. Sebagai contoh, ini [*sambil menunjukkan dokumen tersebut*] daripada awal Parlimen dahulu ini, ini hak yang hijau ini, rang undang-undang berhubung dengan murtad bawa, bawa, tetapi tidak akan dibincang dalam persidangan ini dan sesi ini pun akan habis dan tidak akan dibincang.

Jadi, kita faham yang itu, kalau kita tahu hak yang itu kenapa pula bawa ke sini, sedangkan usaha awalan yang kita buat itu di tolak. Dan apabila Perdana Menteri tolak beranikah wakil-wakil rakyat di sini hendak bincang ataupun hendak meluluskannya?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Cukuplah, saya hendak bercakap hal yang lain lagi, saya sudah beri peluang.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Pengerusi, point of order.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** 36(6). Dia bercakap perkara yang tidak berkait dengan apa yang ada dalam Bil di hadapan kita. Kita sedang bercakap berkenaan dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Hal Ehwal Masyarakat, ini hukum Hudud, semuanya ini, tidak kena-mengena. Sila bercakap perkara yang ada kaitan, perkara ini tidak berkait. Seseorang Ahli Parlimen yang boleh bercakap tentang perkara yang relevan di hadapannya.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Tuan Pengerusi, bersetuju.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat, cukuplah. Ahli Yang Berhormat dari Arau ya, masa Yang Berhormat pun sudah cukup.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Saya mintalah masa kecederaan, sebab saya hendak bercakap hal yang lain lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, kita telah tetapkan masa sepuluh minit seorang. Yang Berhormat beri jalan .....

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Itulah sebab tadi itu yang saya tidak mahu beri jalan .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Itu hak Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak mahu beri jalan.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Saya hendak tumpu kepada perkara yang lain lebih tetapi dia ganggu saya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, saya beri satu minit lagi.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Ini Peraturan Mesyuarat Dewan!

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Terima kasih, seminit pun cukuplah. Perkara yang berikut, saya bersetuju dengan sahabat saya dari Kangar walaupun dia BN, saya di Arau PAS, saya sokong iaitu tentang bantuan kepada malapetaka yang seperti ribut, kebakaran dan sebagainya oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat bahawa kita dapati bantuan ini lambat sedangkan keperluan itu tergesa-gesa, maka kita haraplah supaya dipercepatkan lagi bantuan seperti ini kepada mangsa-mangsa yang menghadapi kebakaran itu.

Seterusnya, Orang Asli yang tinggal di kawasan di mana mereka terpaksa pindah misalnya, maka kita kena kembali peraturan Islam untuk menjamin keadilan, sesiapa yang menghidupkan tanah yang mati, tanah itu adalah haknya [*membawa sepotong ayat Al-Quran*], jadi saya rasa kita perlu ikut peraturan ini

dan kita mesti beri hak milik kepada dia kerana dia yang menghidupkan tanah ataupun yang menerokai tanah tersebut. Masa seminit sudah habis. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Gelang Patah.

**12.25 tgh.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahas Maksud Bekalan B.42 – Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh Buitran 030000 – Perpaduan Negara dan Program 030200, 030300, 030400 dan 030600 iaitu tentang Integrasi Negara, Rukun Tetangga, Hubungan Kaum dan Perpaduan Negara sekali gus.

Tuan Pengerusi, pada masa sekarang semasa negara menghadapi masalah kegawatan ekonomi, perpaduan antara rakyat jelata berbilang kaum di negara kita ini amat penting supaya kita dapat memulihkan masalah kegawatan ekonomi negara kita ini terutama tentang masalah golongan kecil yang diambil tindakan yang melampau yang tidak memberikan perhatian kepada perpaduan antara kaum, pihak kerajaan perlu mengambil tindakan tegas supaya kita dapat mengekalkan perpaduan di negara kita ini.

Saya berpendapat bahawa peranan yang dimainkan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat adalah amat penting melalui kegiatan rukun tetangga (RT) supaya melalui jabatan ini dapat mempertingkatkan program aktiviti RT dan meluaskan skim rukun tetangga supaya kita dapat mengekalkan perpaduan di negara kita ini.

Saya ingin mencadangkan di sini supaya pihak Jabatan Perpaduan Negara mengadakan lebih kursus dan latihan untuk guru-guru di bawah kementerian ini dan melatih ahli-ahli jawatankuasa dari Skim Rukun Tetangga supaya mereka dapat menyumbang lebih efisien, lebih integrated untuk mewujudkan perpaduan.

Perhubungan antara kaum adalah amat penting terutama di negara kita ini yang mana terdiri daripada berbilang kaum melalui integrasi antara kaum, melalui

aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh KRT-KRT untuk mengadakan aktiviti sukan, aktiviti kebudayaan dan lain-lain akan dapat mewujudkan integrasi dan hubungan baik di antara kaum.

Selain daripada itu, saya ingin sentuh tentang Hal Ehwal Orang Asli di Butiran 050000. Saya harap pihak kerajaan perlu mengambil tindakan yang lebih berkesan untuk menjaga kepentingan Orang Asli. Saya dapati bahawa di kawasan-kawasan Orang Asli, dari segi sosial dan ekonomi mereka masih di peringkat yang sangat rendah dan patut Jabatan Hal Ehwal Orang Asli mengambil tindakan yang lebih berkesan untuk menjaga kepentingan mereka keseluruhannya. Di kawasan saya, saya dapati keadaan kebersihan dan kesihatan Orang Asli tidak berapa baik dan saya harap pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dapat mengambil tindakan dengan lebih sempurna.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Program Rancangan Masyarakat Penyayang di sini, saya harap dapat maklumat daripada pihak kementerian tentang kajian menyeluruh golongan yang kurang bernasib baik di negara kita ini, hingga masa sekarang berapa orang yang dapat didaftar, dalam kajian ini dan berapa orang yang terdiri dari orang yang kurang upaya, orang tua yang kurang upaya, ibu tunggal dan anak yatim. Apakah tindakan yang diambil oleh kementerian untuk menolong mereka dengan lebih sempurna dan mengurangkan jumlah golongan ini.

Untuk menggalakkan lebih ramai individu dan pemimpin masyarakat untuk bersama-sama dengan kementerian supaya dapat mewujudkan masyarakat penyayang, saya ingin tahu tentang Anugerah penyayang yang diberikan kepada individu atau pemimpin supaya ini adalah sebagai satu tanda menghargai jasa dan bakti mereka dalam mewujudkan masyarakat penyayang dan melalui anugerah ini akan memberikan satu galakan kepada lebih ramai individu atau pemimpin tampil hadapan untuk memberikan kerjasama yang rapat kepada kementerian untuk menolong mereka yang kurang bernasib baik.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu jumlah keluarga terkini yang menerima bantuan kewangan daripada kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat. Saya diberitahu bahawa mereka diberikan RM115 setiap bulan, adakah ini satu amaun yang sangat kecil dan tidak mencukupi bagi mereka untuk perbelanjaan

bulanan, sebab itu, saya harap agar Jabatan Kebajikan Masyarakat dapat mengkaji semula sama ada amaun ini dapat dipertingkatkan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin dapat tahu jumlah orang yang sedang mengikuti perkhidmatan di Institusi Pendidikan Pengajaran Latihan dan Pemulihan yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mereka yang memerlukan bantuan supaya mereka yang diberikan latihan itu boleh berdikari dan tidak perlu lagi bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Tuan Pengerusi, saya pun amat bersetuju dengan seruan Ahli Yang Berhormat daripada Kangar tadi bahawa bantuan kepada mangsa-mangsa ribut atau kebakaran memang tidak mencukupi dan kadangkala lambat diterima. Saya harap, jika terjadi masalah ribut atau kebakaran atau apa sahaja masalah yang dihadapi oleh mangsa-mangsa ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat hendaklah mengambil tindakan yang secepat mungkin untuk menolong mereka dan memberikan bantuan dengan amaun yang lebih tinggi supaya dapat menolong mereka dengan sempurna.

Tuan Pengerusi, dengan kata-kata demikian saya sekali lagi ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Pengerusi, kerana memberi peluang kepada saya dan saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hulu Terengganu.

**12.35 tgh.**

**Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mengambil bahagian untuk bercakap sedikit berkait dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Butiran 020000 - Kebajikan Masyarakat.

Pertama sekali, saya hendak menyentuh soal satu badan sukarela di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ini iaitu Majlis Pusat Kebajikan Malaya yang dahulunya dan mungkin sekarang ini Malaysia, saya ingin tahu apakah pergerakan Majlis pusat ini masih lagi bergerak untuk membantu masyarakat yang daif ataupun orang-orang miskin ataupun mereka yang menghadapi kemalangan, kebakaran ataupun kemalangan-kemalangan yang lain,

sebab saya berkata demikian, kerana didapati Majlis ini sudah tidak kedengaran lagi sekarang ini. Apa yang saya difahamkan bahawa kementerian pernah memberi geran pelancaran ataupun bantuan kepada badan ini, kerana badan ini sebahagian besarnya dianggotai dan ditubuhkan ada pendaftarannya dan ahli-ahlinya membayar yuran, tetapi kegiatan mereka ini dibantu oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui geran-geran pelancaran yang tertentu pada setiap tahun.

Saya hendak sarankan di sini supaya kalau badan ini masih lagi bergerak, kita minta supaya kementerian menyusun semula dan memberi satu garis panduan yang berkesan pada badan ini dan boleh badan memainkan peranan untuk membantu orang-orang miskin, orang daif yang terlibat termasuklah mereka yang mendapat bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan lain-lain. Oleh sebab itu, badan ini juga kita fikir perlu kerana ia dianggotai oleh orang-orang yang bersara yang menjadi ahli dan mereka mempunyai masa lapang, jadi apa yang saya sarankan di sini kerana kita lihat banyak kita dapati di seluruh negara kita ini, pusat-pusat orang-orang cacat umpamanya ataupun pusat-pusat pemulihan, badan ini boleh bukan sahaja tertentu pada suatu bahagian kegiatan mereka tetapi boleh juga memberi peranan untuk membantu pusat-pusat latihan ini.

Tuan Pengerusi, Program 020500 - Perundingan dan Khidmat Masyarakat. Dalam perkara ini, saya dapati pusat-pusat pemulihan seperti pemulihan orang cacat, termasuk cacat anggota, kecacatan telinga, mata dan sebagainya dan saya difahamkan pusat pemulihan orang cacat di Terengganu misalnya iaitu di Marang, Terengganu yang pada peringkat awalnya pusat ini agak baik dan pelatih-pelatih orang cacat ini terdiri daripada orang cacat yang telah dilatih oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk membuat sesuatu perusahaan misalnya celengan, pagar besi, alat-alat pertukangan, kraf dan sebagainya.

Tetapi oleh kerana pusat ini kurang mendapat bantuan daripada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan produk yang mereka keluar pun baik, tetapi tidak dapat memenuhi keperluan kerana kekurangan sokongan yang penuh secara berterusan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat atau kementerian sendiri. Kalau boleh bukan sahaja di Marang, bahkan

di mana-mana pusat pemulihan, orang-orang cacat ini patut diambil peranan yang lebih oleh kementerian dan kita harap supaya bantuan yang lebih dalam aktiviti-aktiviti tertentu patut diberi supaya mereka juga dapat mengeluarkan hasil yang boleh memberi manfaat bukan sahaja kepada orang cacat, tetapi sebagai satu produk yang berkualiti. Mungkin kerana usaha-usaha mereka ini dapat juga memberi sumbangan kepada negara kita.

Tuan Pengerusi, selain dari itu, saya hendak bercakap sedikit soal Rukun Tetangga, iaitu Program 030300. Rukun Tetangga juga sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat lain ada menyentuh tentang peranan Rukun Tetangga. Soal Rukun Tetangga ini juga soal kejiranan, soal perpaduan di kalangan masyarakat adalah bergantung kuat kepada institusi keluarga itu sendiri. Jadi, kalau institusi keluarga itu tidak baik, maka masyarakat juga akan menjuruskan tidak baik. Jadi, oleh sebab itu, peranan Rukun Tetangga ini bukan sekadar kita memberi saranan-saranan ataupun beberapa kegiatan tertentu, tetapi lebih menyeluruh kedudukan keluarga itu sendiri. Yang penting ialah soal masyarakat keluarga ini termasuklah tanggungjawab mereka kepada anak-anak dan sebagainya. Dalam hubungan kejiranan juga patut diambil berat.

Jadi, setakat ini kegiatan Rukun Tetangga hanya tertumpu kepada kegiatan-kegiatan yang begitu ringan dan tidak ada satu pendekatan seperti kursus, motivasi kepada keluarga. Ini memerlukan kepada bantuan kewangan yang baik kepada Rukun Tetangga. Misalnya banyak terdapat dalam peruntukan ini ada disebut untuk pembinaan pusat-pusat Rukun Tetangga dan lain-lain. Kita harap pihak kementerian mengambil langkah yang wajar. Sebab kita dapati dalam Belanjawan tahun lepas kalau tidak salah ingatan saya lebih kurang hampir RM50 juta diuntukkan untuk institusi keluarga. Jadi, kita minta peranan yang diberi kepada sektor-sektor Rukun Tetangga yang berselerak di seluruh negara. Oleh sebab itu, kita percaya dengan usaha-usaha yang lebih meningkat mungkin mereka ini dapat bergerak di peringkat kampung, di peringkat bandar dan sebagainya untuk memberi manfaat kepada masyarakat keluarga itu sendiri.

Seterusnya mengenai Orang Asli. Saya hendak bercakap juga berkenaan dengan Orang Asli ini sebab di kawasan saya pun ada Orang Asli, Butiran 050000

– Hal Ehwai Orang Asli Sungai Beluah, Terengganu dahulu mempunyai keluarga 200 orang. Masyarakat Orang Asli di sini agak berlainan sedikit kalau hendak banding dengan di Gombak dan lain-lain, kerana mereka ini kalau tidak kena cara mereka akan berpindah sampai ke Hulu Pahang. Sebab-sebab ini adalah kerana terutama sekali prasarana di kawasan Orang Asli ini kurang, termasuklah kemudahan-kemudahan jalan, kemudahan perkampungan dan juga perumahan, walaupun ada tetapi tidak begitu lengkap. Jadi, kita minta supaya pihak kementerian dapat memberi perhatian kepada masyarakat Orang Asli ini, terutama sekali anak-anak mereka yang bersekolahan dan persekolah mereka juga jauh daripada kawasan yang sepatutnya mereka berada.

Ada satu sekolah dibuat di tempat Orang Asli tetapi tidak dapat memenuhi keperluan asas yang ada di sekolah itu. Jadi, kita minta supaya kementerian dapat memberi bantuan ataupun memberi perhatian kepada masyarakat Orang Asli ini. Dengan kata-kata itu saya menyokong peruntukan ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Seremban.

**12.45 tgh.**

**Dato' Hon Choon Kim [Seremban]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga ingin sentuh Maksud B.42, Butiran 030000 – Perpaduan Negara. Tuan Pengerusi, perpaduan negara sebenarnya adalah satu perkara yang amat penting. Sebenarnya negara kita ini boleh dikatakan berjaya untuk merapatkan perhubungan berbilang bangsa yang terdapat di negara kita ini. Boleh dikatakan negara kita ini sentiasa dalam keadaan aman dan damai. Pada masa yang sama saya hendak ingatkan bersama bahawa perkara perpaduan negara kita ini jangan kita abaikan. Jangan kita anggap perpaduan sudah sampai satu tahap yang cukup dibanggakan, maka kita boleh relax, dengan izin. Kalau kita relax mungkin pada satu hari nanti mungkin negara kita ini akan mengalami masalah perpaduan.

Oleh kerana itu, saya berharap kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri mestilah sentiasa berjaga-jaga, mesti memberi perhatian sepenuhnya tentang soal perpaduan di kalangan masyarakat kita. Kita lihat baru-baru ini di Indonesia rusuhan berlaku di antara satu kaum dan satu kaum yang lain, iaitu di antara Kristian dan Muslim. Kita mesti mengambil langkah supaya kita dapat

elakkan selama-lamanya dari berlaku di negara kita ini. Oleh kerana itu, soal perpaduan adalah satu perkara yang cukup penting dan soal perpaduan ini mesti kita tanam benih. Soal perpaduan ini mesti kita semai pada masa ia masih kecil. Kepada anak-anak sekolah, mulai di bangku sekolah itu kerajaan haruslah menanam semangat muhibah, perpaduan di kalangan murid-murid di sekolah. Jadi, saya berharap kerajaan akan sentiasa mengambil berat tentang soal perpaduan di negara kita ini.

Dalam soal perpaduan ini, saya ucapkan tahniah dan syabas kepada kementerian kerana melalui pelbagai aktiviti kita nampak berkesan untuk memupuk perpaduan di kalangan rakyat, umpamanya Rukun Tetangga. Saya rasa Rukun Tetangga memang merupakan satu badan sukarela yang cukup baik dan cukup berkesan untuk mendatangkan manfaat kepada sebuah masyarakat yang terlibat khususnya kepada anggota-anggota Rukun Tetangga. Oleh kerana itu, saya ingin tahu jumlah anggota yang terlibat dalam Rukun Tetangga dan caranya untuk menarik lebih banyak orang yang berminat dalam aktiviti Rukun Tetangga ini. Saya juga berharap untuk memberi lebih banyak kemudahan supaya Rukun Tetangga dapat berjalan dengan baik, maka kemudahan-kemudahan asas perlulah kita menyediakan untuk mereka terutamanya pusat-pusat Rukun Tetangga.

Di Negeri Sembilan terdapat 112 buah pendaftaran Rukun Tetangga. Tetapi dari segi pusat Rukun Tetangga hanya 18 buah sahaja. Jadi, ini tidak cukup kerana pada masa sekarang mereka pernah pinjam balai raya untuk menjalankan pelbagai aktiviti termasuk tabika untuk penduduk di tempat itu. Maka saya rasa dengan adanya pusat Rukun Tetangga yang telah disediakan oleh kerajaan, maka Rukun Tetangga boleh berfungsi lebih berkesan lagi. Jadi, saya berharap di kawasan saya dapat didirikan lebih banyak pusat Rukun Tetangga untuk kegunaan anggota-anggota Rukun Tetangga itu.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak sentuh Butiran 050000 - Hal Ehwat Orang Asli. Negara kita ini boleh dikatakan maju, kalau kita bandingkan dengan beberapa tahun yang sudah rakyat memang hidup dalam keadaan yang baik dan menikmati banyak kemudahan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan tetapi kalau kita lihat dibandingkan dengan kediaman kawasan-kawasan Orang-orang

Asli, kita masih berasa sedih tentang infrastruktur, tentang kemudahan-kemudahan asas yang telah disediakan. Tadi beberapa rakan Ahli Yang Berhormat telah sebut tentang masalah Orang Asli ini. Saya cukup bimbang tentang masa depan mereka sebab saya selalu melawat kawasan Orang Asli, nampaknya mereka tidak ada daya untuk maju walaupun kerajaan ada memberi pertolongan daripada Pejabat Orang Asli, nampaknya dari segi hasilnya, dari segi rizab saya rasa masih tidak begitu memuaskan. Oleh kerana itu saya berharap kerajaan mesti merangka satu master plan untuk menangani masalah ini.

Dalam soal ini saya rasa pendidikan adalah satu perkara yang amat penting. Kalau pendidikan, kalau kanak-kanak Orang Asli itu tidak dapat pendidikan yang baik, maka janganlah harap mereka boleh maju pada masa akan datang sebab saya lihat sekarang ini banyak kanak-kanak terdiri daripada kampung-kampung Orang Asli tercicir daripada pendidikan. Mereka tamat darjah enam, itu sahajalah, dia hendak sambung pun susah, kadangkala sekolah pun sangat jauh dari kediaman mereka, jadi itu satu masalah. Oleh kerana itu, saya berharap Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri boleh membuat satu kajian menyeluruh tentang bagaimana kita boleh meningkatkan taraf pendidikan anak-anak Orang Asli itu. Tidak dapat dinafikan ada juga di kalangan mereka belajar sampai universiti, dapat ijazah dan sebagainya tetapi bilangan mereka kalau dibandingkan dengan kampung-kampung lain memang begitu jauh bezanya.

Oleh kerana itu, saya harap kalau kita dapat meningkatkan pendidikan mereka, maka mereka bolehlah maju pada masa yang akan datang. Di kawasan saya atau beberapa kampung Orang Asli masih belum ada bekalan api. Walaupun kerajaan telah berjanji hendak memberikan tetapi nampaknya sampai sekarang hampir selesai Rancangan Malaysia Ketujuh masih belum mendapat bekalan api. Kalau tidak ada bekalan api, bagaimana anak-anak mereka boleh maju dalam segi pendidikan. Jadi saya minta Yang Berhormat tolonglah, Kampung Pedas dekat

Mantin itu, masih belum ada bekalan api. Jadi saya berharap Yang Berhormat dan juga kerajaan harus mengambil satu langkah yang positif supaya kita dapat bantu Orang Asli supaya Orang Asli sama-sama dengan kita boleh maju pada masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kapar.

**12.55 tgh.**

**Dr. G. Leelavathi [Kapar]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi yang memberi peluang kepada saya untuk bahas dalam Kementerian Perpaduan Negara dan Masyarakat. Saya ingin sentuh dua perkara sahaja iaitu Butiran 040000 dan 070000 – Peranan HAWA.

Ada pelbagai usaha yang dijalankan oleh Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA) di bawah kementerian tidak sampai kepada golongan wanita yang tinggal di ladang-ladang. Dengan itu saya menyeru Jabatan Hal Ehwal Wanita harus menubuhkan satu unit yang boleh memberi penerangan kepada wanita luar bandar dan ladang-ladang agar mereka juga boleh mendapat faedah dari Jabatan Hal Ehwal Wanita. HAWA juga harus menjalankan kajian terperinci mengenai kedudukan wanita yang telah hilang pekerjaan akibat kegawatan ekonomi dan menyarankan sumber pendapatan alternative.

Pendaftaran orang cacat, saya juga ingin mengetahui adakah kerajaan masih meneruskan kempen mendaftarkan masyarakat yang kurang berupaya, cacat, bagaimanakah sambutan masyarakat Malaysia terhadap kempen tersebut, apakah pelan tindakan menyeluruh untuk membantu golongan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Kementerian diminta jawab.

**12.58 tgh.**

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]:** Tuan Pengerusi, mula-mulanya saya

ingin ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat tidak kurang dari tujuh orang Yang Berhormat.

Bagi Yang Berhormat dari Kubang Kerian, beliau telah menyentuh berkenaan dengan Orang Asli kerana beliau menyatakan Orang Asli ini bukan macam dahulu, banyaknya telah dekat bandar ataupun tidak jauh dari bandar, jadi berkenaan dengan pampasan yang telah disebut oleh beliau tadi, iaitu dibayar sugu hati yang kecil. Jadi mengikut apa yang telah dibuat oleh kerajaan menerusi kementerian iaitu bila tanah diambil, pampasan yang berpatutan telah diberi ataupun kalau belum, akan diberi. Berkenaan dengan pengambilan tanah Bukit Lanjan belum dibayar, jadi pampasan rumah sedang dalam proses pembayaran ataupun pemberian.

Berkenaan dengan Orang Asli di Sepang, KLIA dibayar sugu hati yang sedikit. Pampasan telah dibayar, rumah telah dibina, ladang kelapa sawit telah ditanam.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa untuk pagi ini sudah cukup, nanti sambung sebelah petang ya.

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Oh, I see, baik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

**Majlis Mesyuarat bersidang semula.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang ini.

*Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang  
[ Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa* ]*

**Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.**

**Tuan Pengerusi:** Timbalan Menteri sila sambung.

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di Pertua, bagi menyambung jawapan yang ditanya oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat saya hanya sampai jawapan yang kedua daripada Yang Berhormat dari Kubang Kerian.

Bagi isu yang ketiga, iaitu Orang Asli Sepang, KLIA dibayar saguhati yang sedikit. Jadi perkara pampasan telah dibayar, rumah telah dibina, ladang kelapa sawit telah ditanam.

Isu yang keempat, Yang Berhormat minta kerajaan negeri beri hak milik tanah kepada Orang Asli. Bagi hak milik tanah Orang Asli iaitu daripada kementerian, tindakan sedang diambil dengan kerjasama kerajaan negeri untuk mengeluarkan hak milik tanah kepada Orang Asli. Isu yang disentuh beliau, berkenaan dengan pakaian sekolah bagi semua pelajar sekolah Orang Asli. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ada menyediakan pakaian sekolah bagi semua pelajar sekolah baik pelajar sekolah rendah mahupun menengah Orang Asli. Mereka yang belum dapat pakaian sekolah bolehlah berhubung dengan pejabat Jabatan Hal Ehwal Orang Asli daerah yang berdekatan.

Yang Berhormat dari Bukit Mas, beliau menyentuh isu minta Kerajaan Persekutuan ambil perhatian terhadap nasib kaum Penan di Sarawak dan integrasi bagi mengeratkan hubungan di antara Semenanjung, dengan Sabah dan Sarawak. Perkara ini akan dirujuk kepada Kerajaan Negeri Sarawak iaitu isu yang pertama. Ini ialah kerana orang Penan tidak dikawal oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang hanya mengawal Orang Asli di Semenanjung sahaja.

Mengenai isu kedua, iaitu menghantar Orang Asli melawat rumah panjang di Sarawak kementerian bolehlah mengaturkan lawatan ke Sarawak jika dikirakan perlu, lawatan-lawatan dalam negeri-negeri Semenanjung untuk Orang Asli memang ada diaturkan dari masa ke semasa.

Isu perpaduan negara. Sememangnya program Rukun Tetangga akan dipertingkatkan ke arah meningkatkan integrasi berbagai kumpulan etnik di Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Pada masa kini di bawah Jabatan Perpaduan Negara ada program yang diberi nama lawatan integrasi yang membawa pemimpin-pemimpin kaum daripada Sabah dan Sarawak ke Semenanjung dan dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak. Dalam lawatan ini memang ianya juga melibatkan pemimpin kaum Penan, bagi penglibatan Orang Asli perkara ini akan diambil kira oleh kementerian. Berkenaan dengan isu kebajikan kaum Penan yang tidak memuaskan dari segi program, Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa memberikan perhatian kepada mana-mana individu, keluarga, ataupun kelompok masyarakat yang memerlukan. Oleh itu masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Mas akan diambil perhatian oleh kementerian.

Yang Berhormat dari Kangar membangkitkan isu supaya pembangunan manusia seimbang dan golongan miskin tidak disisihkan. Yang kedua, masalah sosial ramai anak muda tidak bersekolah, ketiga, program khidmat kaunseling dan keempat bantuan bencana.

Bersesuaian dengan matlamat Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk melahirkan masyarakat yang sejahtera dan bersatu padu isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kangar sentiasa dalam perhatian Jabatan dan dilaksanakan menerusi program organisasi komunitinya dan juga penglibatan badan-badan sukarela/kebajikan. Sehingga kini terdapat lebih kurang 125 buah program organisasi komuniti dengan melibatkan 1,000 peserta. Program di kalangan kumpulan sasar dan penerima bantuan jabatan. Menerusi program ini client Jabatan diberi geran untuk usaha-usaha peningkatan pendapatan yang sekali gus menyelesaikan masalah mereka yang dipinggirkan. Pihak NGO juga memberikan sokongan mereka dalam usaha-usaha Jabatan meningkatkan kualiti pengurusan

perkhidmatan kebajikan yang dijalankan. Sehingga kini terdapat 164 buah NGO yang membantu Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam hal ini.

Mengenai isu semangat kejiranan, jiran muda dan tadika perpaduan, Jabatan Perpaduan Negara sememangnya di dalam perancangan untuk menambahkan jumlah jiran muda dan tadika perpaduan. Sebagai contoh pada masa ini terdapat 1,247 jiran muda dan 1,110 tadika perpaduan di seluruh negara.

Yang Berhormat dari Arau menyentuh berkenaan dengan isu murtad. Isu murtad ini untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Isu bantuan malapetaka yang sentiasa lambat Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa mengambil berat di atas perkara ini dan satu sistem pengurusan pengendalian bantuan malapetaka telah dibentuk dan biasanya mampu bertindak secepat mungkin dalam keadaan-keadaan seperti banjir, ribut, ataupun kebakaran.

Isu Orang Asli yang terpaksa dipindahkan dan tidak diberi pampasan yang setimpal, pemberian hak milik tanah adalah diuruskan oleh kerajaan-kerajaan negeri masing-masing.

Yang Berhormat dari Gelang Patah - isu Orang Asli masih rendah status ekonomi dan sosial. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli akan terus berusaha untuk meningkatkan kemajuan sosio ekonomi Orang Asli dengan program ekonomi dan perubahan sikap.

Isu kebersihan Orang Asli di kawasan Gelang Patah, perkhidmatan kesihatan negeri Johor sentiasa diberi kerjasama oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan Pejabat Kesihatan Daerah, perbincangan di antara kedua-dua jabatan sentiasa diadakan untuk mengenalpasti masalah dan mencari penyelesaian.

Isu galakan kepada pemimpin untuk membantu mengaturkan konsep masyarakat penyayang seperti anugerah penyayang. Kementerian tidak bercadang untuk memberi anugerah penyayang tetapi yang lebih penting ialah program-

program dan projek-projek yang telah, sedang dan akan terus dilaksanakan melalui jabatan-jabatan seperti, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Perpaduan Negara, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara dan HAWA. Semuanya bermatlamatkan untuk mensejahterakan masyarakat dan mewujudkan satu masyarakat yang penyayang.

Yang Berhormat dari Gelang Patah juga telah menanyakan jumlah orang kurang upaya (OKU). Jadi sehingga September 1998 ini terdapat seramai 73,356 orang kurang upaya yang berdaftar dengan jabatan. Jumlah bantuan kepada anak yatim dan OKU ini ialah 31,284 orang dengan peruntukan sebanyak RM5,136,300. Jumlah penerima bantuan am 54,445 orang dengan peruntukan RM18,768,570. Yang Berhormat dari Gelang Patah juga ada menyentuh isu berkenaan dengan perpaduan negara adalah penting dalam negara ini di mana Rukun Tetangga dan tadika perpaduan terus ditubuhkan dalam usaha untuk mencapai matlamat ini. Jadi Jabatan Perpaduan Negara sedar tentang perkara ini oleh itu jumlah 1,859 Rukun Tetangga terus diperluaskan di seluruh negara. Program kursus untuk ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga memang ada misalnya kursus kepimpinan dan kursus mediasi.

Berkenaan dengan anjuran kursus-kursus petugas tadika perpaduan, kursus bagi guru-guru tadika perpaduan juga sentiasa diadakan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan mereka bagi mencapai matlamat perpaduan. Kursus yang dianjurkan iaitu kursus induksi dan kursus profesional guru tadika. Sementara itu seramai 600 pemimpin utama.....

**Tuan Chang See Ten:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Chang See Ten:** Minta penjelasan tentang skim Rukun Tetangga yang mana Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri ada menjawab tentang perkara yang saya sentuh, saya ingin tahu sama ada kementerian akan memperbanyakkan pusat khidmat di tiap-tiap kawasan Parlimen, bukan satu sahaja kalau lebih terutama di taman-taman yang besar supaya melalui pusat khidmat ini dapat memberi satu bimbingan yang praktikal kepada Ahli-ahli Jawatankuasa KRT untuk menganjurkan aktiviti dan memberikan perkhidmatan kepada penduduk-

penduduk setempat dan ini akan dapat menolong wakil rakyat dalam kerja untuk berkhidmat bersungguh-sungguh kepada pengundi-pengundi di kawasan Parlimen terutama di kawasan Parlimen yang terdiri daripada Barisan Nasional. Terima kasih.

**Dato' Peter Tinggom Anak Kamarau:** Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pusat khidmat setempat untuk Rukun Tetangga, sekiranya itu yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dari Gelang Patah, memang pihak Jabatan Perpaduan Negara selalu akan menambahkan pusat yang diperlukan oleh Rukun Tetangga tetapi perkara ini permulaannya bermula dari Rukun Tetangga itu sendiri. Jadi Rukun Tetangga iaitu ahli jawatankuasanya boleh menyampaikan permintaan ini kepada Pegawai Perpaduan Negara di negeri masing-masing supaya perkara ini dapat ditimbang oleh kementerian.

Bantuan kepada ibu tunggal yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Gelang Patah, Jabatan Hal Ehwal Wanita sentiasa prihatin terhadap permasalahan yang dihadapi oleh ibu-ibu tunggal dan keluarga mereka. Berbagai program dan aktiviti telah dan sedang dirancang untuk membantu mereka melalui panel-panel sokongan ibu tunggal yang meliputi bidang sokongan dan bimbingan, ekonomi, pendidikan dan literasi undang-undang.

Yang Berhormat dari Hulu Terengganu yang menyentuh isu Majlis Pusat Kebajikan Malaysia. Perkara ini masih lagi aktif dan mendapat bantuan geran tahunan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Pusat Pemulihan Orang Cacat, pada masa kini Majlis Pusat Kebajikan Malaysia aktif menyalurkan aktiviti khususnya memberikan khidmat jagaan dengan warga tua. Terdapat tidak kurang daripada 100 buah rumah orang tua dan memberi jagaan kepada 614 warga tua yang diuruskan majlis tersebut.

Berkaitan dengan institusi pemulihan orang kurang upaya pada masa ini terdapat 16 buah bengkel terlindung yang memberikan peluang latihan dan pekerjaan kepada mereka.

Isu yang dibangkit lagi oleh Yang Berhormat dari Hulu Terengganu iaitu berkenaan dengan Orang Asli di Sungai Perua - 200 orang. Prasarana jalan-jalan perumahan, kemudahan tidak cukup.

Yang kedua, sekolah jauh, sekolah ada tetapi tidak ada kemudahan. Keperluan prasarana kampung itu akan ditingkatkan oleh jabatan mengikut peruntukan yang telah diberi dan yang kedua hal kemudahan sekolah akan berbincang dengan Kementerian Pendidikan.

Yang akhir, Yang Berhormat dari Hulu Terengganu menyentuh berkenaan dengan kegiatan Rukun Tetangga hanya tertumpu kepada aktiviti ringan dan perlu kepada aktiviti yang berat. Selain melaksanakan aktiviti kejranaan yang berbentuk ringan, terdapat juga aktiviti berat seperti berikut:

- (i) Kursus Motivasi Jiran Muda;
- (ii) Kolokium Jiran Wanita;
- (iii) Kem Ketahanan Diri/Sahsiah Diri; dan
- (iv) Kem Padujaya Diri.

Berkenaan dengan isu yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Seremban, beliau menyentuh berkenaan dengan jumlah anggota yang terlibat dalam Rukun Tetangga tetapi lebih banyak kemudahan seperti Pusat Rukun Tetangga dan masih kecil berbanding dengan bilangan kawasan Rukun Tetangga. Seramai lebih kurang 35,000 orang menjadi ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga. Pihak Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memang sedar tentang kurangnya Pusat Rukun Tetangga. Dalam hubungan ini, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh sedang berusaha untuk membina dua jenis Pusat Rukun Tetangga iaitu satu Pusat Rukun Tetangga, harganya RM500,000 sebuah dan pusat aktiviti perpaduan yang peruntukannya RM600,000 sebuah.

Begitu juga isu yang dibangkitkan berkenaan dengan Orang Asli, tidak ada elektrik, pendidikan pun tidak cukup dan tidak ada elektrik. Bekalan elektrik akan disediakan tertakluk kepada adanya peruntukan belanjawan. Ada 9,367 keluarga Orang Asli belum mendapat kemudahan elektrik. Kosnya tinggi berjumlah RM100 juta.

Yang ketiga disentuh oleh Yang Berhormat dari Seremban, kediaman Orang Asli sedih, kurang kemudahan, masa depan mereka iaitu Yang Berhormat selalu jumpa mereka, ianya nampak kurang maju, mesti ada master plan, pendidikan amat penting, jadi peningkatan tahap pendidikan anak-anak Orang Asli akan dibincangkan dengan Kementerian Pendidikan.

Yang akhir sekali dari Yang Berhormat dari Kapar - Pendaftaran Orang Kurang Upaya. Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa mengemaskinikan maklumat berkaitan orang kurang upaya. Sehingga September 1998 terdapat bilangan-bilangan tersebut iaitu:

(i)	cacat penglihatan	-	11,425 orang;
(ii)	cacat pendengaran	-	13,558 orang;
(iii)	cacat anggota	-	25,331 orang;
(iv)	cacat akal	-	23,040 orang

---

**JUMLAH - 73,358 orang**

---

Jabatan Kebajikan Masyarakat masih lagi meneruskan kempen untuk menyediakan masyarakat di atas kepentingan orang kurang upaya. Sambutan masyarakat akan diteruskan dan pada 24 November 1998 telah dibentuk Majlis Perundingan dan Penasihat Orang Kurang Upaya. Sehubungan dengan itu satu pelan tindakan orang kurang upaya akan diusahakan.

Perkara ketiga yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Kapar iaitu program HAWA. Jabatan Hal Ehwal Wanita akan meningkatkan usaha untuk memberi rangsangan tentang program aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan ini dengan kerjasama badan-badan bukan kerajaan yang menerima peruntukan untuk

aktiviti-aktiviti meningkatkan keupayaan wanita-wanita luar bandar termasuk wanita-wanita di ladang-ladang.

Berkenaan dengan perkara yang keempat iaitu wanita-wanita yang diberhentikan kerja dalam keadaan ekonomi semasa.

Jabatan Hal Ehwal Wanita sedang mendapatkan maklumat terperinci mengenai wanita-wanita yang diberhentikan kerja akibat kegawatan ekonomi mengikut bidang masing-masing supaya satu analisa dapat dibuat dalam usaha melatih semula mereka yang berkenaan untuk mendapatkan pekerjaan.

Yang akhir Yang Berhormat dari Kapar menyentuh mengenai program aktiviti berkaitan dengan wanita tidak sampai kepada wanita-wanita di ladang. Sebenarnya kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM160,000 di bawah program pintas iaitu projek sosial di sekitar perladangan yang turut melibatkan kaum wanita di ladang-ladang.

Tuan Pengerusi, inilah yang dapat saya berikan penjelasan mengikut apa yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM230,713,800 untuk Maksud B.42 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM230,713,800 untuk Maksud B.42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM48,709,160 untuk Maksud P.42 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1999 hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM48,709,160 untuk Maksud P.42 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1999.

**Maksud B.43 [Jadual]**

**Maksud P.43 [Anggaran Pembangunan, 1999] -**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.43 dan Kepala Pembangunan P.43 di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi terbuka untuk dibahas. Ya, Kluang.

### **3.02 ptg.**

**Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk menyentuh satu perkara di bawah Butiran 04400 – Jabatan Pembangunan Koperasi. Seperti yang kita semua sedia maklum tujuan dan matlamat menubuhkan koperasi antaranya ialah mengendalikan kemudahan-kemudahan untuk faedah ahli-ahli dan meningkatkan kepentingan ekonomi ahli-ahlinya mengikut prinsip-prinsip koperasi, maka segala program untuk pelaburan koperasi adalah sangat penting. Lembaga pengarah sesuatu koperasi harus berhati-hati apabila melabur.

Saya amat tertarik apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab soalan beberapa hari dahulu yang mengatakan bahawa ada 59 koperasi tempatan yang terjejas akibat kegawatan ekonomi iaitu akibat kejatuhan teruk harga saham yang diberi menggunakan pinjaman bank ataupun institusi kewangan dan antaranya ada sembilan koperasi yang dalam keadaan tenat. Pinjaman yang tidak mampu dibayar berjumlah lebih kurang RM13.7 juta. Jadi saya ingin bertanya apakah cara kementerian boleh memastikan supaya koperasi-koperasi yang lain yang bukan di dalam 59 koperasi yang disebutkan tadi ataupun pada masa akan datang bagaimana cara kementerian boleh memastikan supaya koperasi-koperasi ini hanya boleh membeli saham khususnya mengikut kemampuan mereka dan harus menggunakan wang koperasi sendiri.

Dalam konteks ini saya ingin bertanya kepada kementerian, misalnya kalau satu koperasi yang tidak mampu akibat satu pelaburan yang mengalami sesuatu kerugian yang cukup besar, adakah ahli-ahlinya akan menanggung ataupun kementerian akan mencari jalan untuk menyelesaikan masalah mereka? Pertama. Untuk masa akan datang adakah kementerian bersedia untuk mencari cara-cara ataupun mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk membantu koperasi-koperasi dalam segi pelaburannya. Dahulu saya memang ada mendengar ura-ura mengatakan bahawa kerajaan melalui ANGKASA akan menjual unit trust kepada koperasi ataupun kepada ahli-ahli mereka supaya ia merupakan satu pelaburan yang lebih selamat. Saya tidak tahu sama unit trust ini masih dalam perbincangan ataupun dalam proses untuk menubuhkan unit trust ini.

Yang kedua, memang ada banyak pihak termasuk koperasi-koperasi mengharapkan kepada pihak kerajaan supaya memberikan projek penswastan kepada koperasi-koperasi baik dari segi usaha sama antara kerajaan dan koperasi ataupun antara koperasi dengan koperasi untuk menjalankan usaha sama dalam projek penswastan supaya sedikit sebanyak dapat membantu dari segi pembangunan ekonomi koperasi tertentu. Selama ini saya membaca dalam belanjawan ini memang tidak nampak ada peruntukan khas untuk membantu sesuatu koperasi dan mungkin saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya kalau boleh menyediakan satu peruntukan yang dapat membantu koperasi-koperasi yang betul-betul berdaya usaha, yang betul-betul aktif dan bertanggungjawab demi menjalankan program-program yang dapat meningkatkan sosio-ekonomi sesuatu koperasi dan juga membantu ahli-ahli mereka.

Tuan Pengerusi, saya baca dalam Akta Koperasi ini memang ada satu peruntukan di dalam Akta Koperasi untuk menubuhkan tribunal. Jadi, dalam konteks tribunal ini saya kurang faham tentang tujuan untuk menubuhkan tribunal ini ataupun fungsi-fungsi sebenar. Saya baca juga mungkin antara cara tribunal ini ditubuhkan adalah untuk: “Jika ada segala pertikaian seperti yang disebutkan di bawah akta yang menyentuh tentang hal penubuhan undang-undang kecil, pemilihan pegawai-pegawai, perjalanan mesyuarat agung dan sebagainya ataupun pengurusan dalam perniagaan koperasi hendaklah dirujuk kepada Ketua Pendaftar ataupun kepada tribunal ini menurut tatacara di bawah peraturan yang ditetapkan. Mana-mana anggota yang dibuktikan telah membuat pengaduan ataupun merujuk pertikaian ini kepada mana-mana orang selain daripada Ketua Pendaftar ataupun tribunal hendaklah dianggap sebagai bertindak dengan cara yang mendaruratkan kepentingan koperasi ini dan bolehlah dikenakan tindakan menurut undang-undang kecil ini.”

Jadi kalau disebut “Ketua Pendaftar” mungkin semua orang faham, tetapi dari segi tribunal ini saya meminta supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menerangkan dengan lebih jelas tentang fungsi tribunal ini. Saya ingin tahu tribunal ini terdiri daripada berapa orang wakil ataupun anggota dan peranan sebenar yang dimainkan oleh mereka dan selama ini ada berapa kes yang telah dirujuk kepada tribunal ini untuk mencari penyelesaian dari segi konteks tribunal ini.

Akhir sekali, saya ingin tahu selama ini berapa koperasi yang berfungsi ataupun menjalankan tugas yang paling berjaya, kalau boleh sebutkan tiga koperasi yang cukup berjaya dalam mengendalikan koperasi selama ini dan kalau boleh sebutkan juga berapa koperasi mungkin dalam tiga ke empat koperasi yang tidak mampu menjalankan tugas mereka mungkin tidak pernah mengadakan mesyuarat agung dan sebagainya. Jadi, saya harap kalau ada koperasi-koperasi seperti ini apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian supaya dapat memperbaiki keadaan seperti ini dan selama ini berapakah koperasi yang telah pun dibatalkan oleh Ketua Pendaftar kerana tidak menjalankan tugas yang sebenarnya oleh Lembaga Koperasi yang wujud di negara kita ini.

Jadi, dengan tiga, empat soalan ini saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi yang memberi peluang kepada saya dan dengan kata-kata demikian saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Bayan Baru.

**3.10 ptg.**

**Tuan Wong Kam Hoong [Bayan Baru]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh berkenaan dengan sedikit masalah pengeluaran hak milik strata.

Tuan Pengerusi, di dalam Akta Hakmilik Strata tidak ada had masa untuk pemaju mengeluarkan hak milik strata, sebab itu di kawasan saya yang ada banyak apartment, pembeli-pembeli mengalami banyak kesukaran sebab sudah lama mereka masuk ke apartment itu tetapi sudah menunggu lama masih tidak dapat hak milik strata daripada pemaju dan ada yang menunggu lebih dari 15 tahun dan pada satu skim di sana, pemaju sudah jadi muflis dan Akta Hakmilik Strata tidak digunakan dan sekarang tidak tahu siapa yang menanggung atau mengeluarkan hak milik strata. Sekarang pembeli-pembeli unit di apartment itu sudah menubuhkan satu jawatankuasa dan mereka sudah menyiapkan semua dokumen tetapi Pembantu Pemegang Amanah (Assistant Official Assignee) enggan menandatangani permohonan bagi pihak pembeli-pembeli sebab alasan yang diberi oleh Pembantu

Pemegang Amanah (Assistant Official Assignee) itu ialah dia tidak tahu sama ada semua butiran di dalam dokumen yang diserahkan kepadanya itu tepat atau tidak, dengan izin, weather it is correct or not.

Tuan Pengerusi, banyak pemaju apartment di kawasan saya juga mengutip bayaran perkhidmatan untuk proses pengeluaran hak milik strata tetapi sampai sekarang ramai pemaju tidak mengemukakan permohonan mereka untuk mengeluarkan hak milik strata dan ada di antara pemaju yang telah mengutip bayaran tetapi sampai sekarang tidak tahu di mana bayaran itu dan mereka membiarkan permohonan dan sebab itu pembeli apartment tidak boleh menubuhkan perbadanan pengurusan dan hal ehwal masalah yang dibangkitkan mengenai apartment itu dan tidak ada satu perbadanan untuk menjaga aset mereka.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya hendak sentuh ialah bila sesuatu syarikat jadi muflis, siapakah yang diwajibkan dalam Akta Hak Milik Strata untuk memproses dan mengeluarkan hak milik strata. Inilah dua, tiga perkara yang saya sentuh berkenaan dengan hak milik strata. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Tambun.

### **3.13ptg.**

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah [Tambun]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh di bawah bahagian Pembangunan Koperasi. Saya difahamkan sekarang terdapat lebih kurang 3,500 hingga 4,000 buah koperasi, daripada bilangan itu 30% koperasi yang bernafas, bermakna yang hidup, daripada 30% yang bernafas hanya 10% sahaja yang berdaya maju dan dalam 10% tersebut hanya terdapat beberapa koperasi yang terkemuka dalam erti kata lain lebih kurang sepuluh koperasi terbesar memonopoli hampir keseluruhan aset dalam industri koperasi tersebut.

Tuan Pengerusi, saya dapati konsep koperasi ini diperkenalkan oleh negara-negara maju tetapi dengan perkembangan ekonomi sejak 20 tahun lalu, di negara-

negara maju juga koperasi sudah 'out of fashion'. Koperasi tidak lagi memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi di negara-negara maju kerana realiti ekonomi memerlukan kepada organisasi yang pantas, yang lebih berdaya maju lagi. Jadi, persoalannya adakah koperasi ini relevan dalam dunia ekonomi masa kini dalam konteks negara kita di mana kata rakan saya tadi tujuan koperasi adalah untuk memberi kemudahan kepada ahli-ahli dari segi menjaga kepentingan ekonomi ahli-ahli tetapi jikalau itu tujuannya, lebih baik ahli-ahli ataupun masyarakat awam melabur di dalam Amanah Saham Nasional, Amanah Saham Bumiputera, Unit Trust ataupun simpan di bank-bank komersial yang boleh memberi pulangan sebanyak 8% ataupun membeli saham dalam syarikat-syarikat di Bursa Saham Kuala Lumpur yang berdaya maju.

Jikalau tujuannya untuk pelaburan menjalankan kegiatan ekonomi adalah lebih baik kita menubuhkan syarikat-syarikat korporat sama ada syarikat-syarikat sendirian berhad ataupun syarikat-syarikat awam, umpamanya Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Berhad telah pun menukar statusnya menjadi syarikat awam kerana Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Berhad mengalami pengalaman untuk ia berkembang dalam dunia korporat dan ekonomi masa kini menggunakan asas-asas koperasi itu tidak membolehkan ia berkembang dengan begitu luas.

Dalam ekonomi gelombang ketiga – kita sekarang berada di dalam gelombang ketiga, dalam dunia industri informasi yang memainkan peranan penting adalah IKS. Kalau kita mengambil contoh negara tidak maju dalam 20 tahun lalu, Taiwan menggunakan IKS untuk memperkembangkan industri teknologi maklumat di negara tersebut, malahan sekarang Taiwan adalah dunia negara ketiga terbesar di belakang Amerika Syarikat dan Jepun di dalam bidang teknologi informasi ataupun teknologi maklumat. IKS digunakan kerana ia satu organisasi yang kecil dalam ekonomi yang berubah begitu cepat dan pantas, organisasi kecil ini lebih-lebih lagi boleh menyesuaikan diri kerana ia lebih pantas

dan pintar menghadapi cabaran-cabaran dan perubahan. Begitu juga IKS lebih mudah untuk mengadakan R&D dan juga dapat menarik modal.

Oleh yang demikian, dalam ekonomi sekarang koperasi bukan badan yang menarik dari segi untuk mendapatkan modal. Seperti mana yang saya katakan mungkin dalam 10 koperasi besar sahaja yang mempunyai modal yang besar tetapi yang lain-lain tidak berupaya untuk menarik modal. Begitu juga dari segi teknologi dan pengurusan yang berwibawa. Saya percaya apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri memperkatakan tentang kelemahan koperasi ini, salah satu adalah berpunca daripada kelemahan pengurusan, jadi koperasi tidak berupaya untuk menarik golongan-golongan profesional untuk bekerja dengan koperasi. Oleh hal yang demikian, saya percaya kementerian perlu untuk menyesuaikan koperasi ini dalam ekonomi sekarang dengan kita membawa sikap yang lebih realistik dalam kita menggalakkan pertumbuhan koperasi. Bermakna jikalau pada masa lalu, saya lihat dalam akhbar-akhbar sering sahaja Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen menyeru rakyat supaya menubuhkan koperasi, saya ingat usah ini ditekankan sangat kerana ia tidak begitu relevan lagi dalam ekonomi sekarang ini.

Koperasi hanya sesuai dalam bidang-bidang tertentu - dari segi untuk pinjam meminjam itu sesuai – Koperasi Hospital Bahagia umpamanya, banyak pekerja Hospital Bahagia masuk koperasi tersebut untuk meminjam, pinjaman dalam RM2,000 atau RM3,000, yang itu cukup sesuai ataupun Koperasi Peserta-peserta FELCRA kerana mereka telah mempunyai ladang dan untuk mendapat kepentingan yang lebih daripada aktiviti ladang, mereka menubuhkan koperasi untuk mengambil kerja-kerja tertentu seperti mengangkut buah-buahan dan sebagainya. Ini bermakna bahawa koperasi ini hanya sesuai dalam bidang-bidang yang tertentu. Seperti mana yang saya nyatakan tadi, kita perlu realistik dalam approach kita terhadap koperasi ini, oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa

kementerian perlu melihat balik kepada permohonan-permohonan untuk menubuhkan koperasi.

Saya percaya asas yang pertamanya adalah kementerian perlu memperketatkan syarat-syarat penubuhan koperasi, tidak seperti sekarang ini kerana terdapat individu yang telah menyalahgunakan penubuhan koperasi. Mereka ingat dengan adanya koperasi ini akan menjadi satu badan korporat yang besar, tubuhkan dan kemudian mencari ahli-ahli, akhirnya ahli-ahli yang membayar yuran dan sebagainya, tidak mendapat apa-apa keuntungan daripada koperasi tersebut. Malahan saya dapati dalam masyarakat termasuk juga dari kalangan golongan orang politik menggunakan nama koperasi, kita akan menubuhkan koperasi jikalau kita berkuasa di dalam kawasan-kawasan tertentu. Jadi penyelewengan ataupun penyalahgunaan kedudukan itu berlaku. Oleh yang demikian, jabatan koperasi perlu untuk memperketatkan syarat-syarat untuk menerima badan-badan yang ingin menubuhkan koperasi.

Kedua, koperasi ini harus diluluskan untuk bidang-bidang tertentu sahaja. Jangan diperluaskan seperti mana yang saya nyatakan tadi terdapat penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dalam penubuhan koperasi. Individu-individu berpengaruh yang menubuhkan koperasi yang tidak ada kegiatan, setelah ditubuh koperasi ini digunakan untuk meminta tanah, meminta kawasan-kawasan pembalakan dan sebagainya daripada kerajaan dan akhirnya koperasi tidak menerima kelulusan daripada kerajaan dan saya percaya jikalau jabatan koperasi menganalisa senarai koperasi yang telah diluluskan banyak koperasi yang sebegitu yang saya anggap sebagai shell koperasi yang tidak berfungsi yang ditubuhkan semata-mata untuk mendapat peluang-peluang (opportunity) daripada kerajaan yang tidak mereka perolehi.

Tuan Pengerusi, sebagai kesimpulannya saya memintalah kepada kerajaan supaya kegiatan koperasi ini dikaji semula dan kita down sizing koperasi ini kerana pendapat saya ia tidak begitu relevan dalam pertumbuhan ekonomi sekarang. Kita hanya memberi harapan besar kepada mereka ataupun penggiat-

penggiat koperasi. Ini yang menjangkakan dengan adanya koperasi ia boleh menjadi satu badan korporat yang besar dan dengan itu Jabatan Pembangunan Koperasi harus menyesuaikan syarat-syarat bagi penubuhan koperasi-koperasi yang baru dan bagi koperasi-koperasi yang sedia ada saya berpendapat elok pihak kementerian mengadakan perbincangan dengan mereka yang shell koperasi ini harus ditutup sahaja supaya sekurang-kurangnya ahli-ahlinya tahu koperasi ini tidak lagi boleh diharapkan untuk mereka mendapat kepentingan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Teluk Intan.

### 3.27 ptg.

**Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh mengenai Program 060500.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini Spanco Sdn. Bhd. telah diberi satu tender oleh kerajaan, memberi pinjaman atau menyewa kenderaan kepada beberapa kementerian termasuk Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Jadi, saya ingin tahu berapakah kenderaan yang telah disewa dari syarikat tersebut dan berapakah kenderaan yang sedia ada di dalam kementerian kepunyaan Kerajaan Malaysia dan adakah kenderaan ini akan dijual dengan harga yang murah atau diberi kepada Spanco Sdn. Bhd. seperti yang telah berlaku kepada lain-lain kementerian? Dalam keadaan ini bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu berapakah di mana ia telah dijanjikan penyewaan atau di mana kereta itu disewa dan dibayar tiap-tiap bulan dan mengapakah kenderaan-kenderaan ini perlu disewa walhal kementerian tersebut sudah sedia ada kereta-kereta yang cukup untuk dikendalikan.

Dalam perkara ini adakah kementerian telah membuat satu kajian bahawa kereta dari Spanco Sdn. Bhd. adalah kereta yang termurah dengan facilities yang banyak berbanding dengan syarikat-syarikat yang lain yang sedia ada di negara ini seperti Hertz Rental dan banyak kereta sewa yang sedia ada.

Apakah sebab kementerian memberi keutamaan kepada Syarikat Spanco Sdn. Bhd. dan menyewa kereta-kereta ini di mana saya difahamkan sebuah kereta disewa sehingga RM3,000 ke RM5,000 sebulan. Kita semua tahu kereta-kereta tersebut seperti Proton Saga, Proton Perdana dan jika dibayar ansuran dua tahun itu akan dimiliki seseorang. Apakah kita sengaja hendak memperkayakan Syarikat

Spanco Sdn. Bhd. Apakah yang menyebabkan kerajaan menyerahkan kewajipan untuk menjaga wang rakyat kepada Syarikat Spanco Sdn. Bhd. secara buta sahaja. Apakah sebab ini terjadi?

Dalam keadaan ini, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini, setakat hari ini berapa bayaran yang telah dibuat dan berapakah bayaran untuk menyewa kenderaan-kenderaan tersebut untuk tahun hadapan dan seterusnya? Adakah Timbalan Menteri berkenaan mengetahui kereta-kereta itu juga akan diberi atau akan disewakan dari Spanco Sdn. Bhd. seperti yang telah terjadi kepada hakim-hakim di Ipoh dan di tempat-tempat lain di mana kereta Mercedes mereka yang dikatakan telah tidak boleh dipakai yang hanya berumur tiga tahun telah ditarik balik dan Spanco Sdn. Bhd. telah dilantik untuk menyewakan kereta-kereta tersebut kepada pihak-pihak berkenaan termasuk kakitangan kerajaan.

Adakah ini menguntungkan kerajaan, dan jika sedemikian tolong senaraikan macam mana keuntungan boleh terjadi. Pada pandangan saya setelah saya mengkaji perkara ini, sangat irrasional dan tidak boleh diterima bahawa selain dari kerugian yang disengajakan, sewa yang terlampau, keuntungan yang terlampau diberi kepada Spanco Sdn. Bhd. Ia bukan sahaja membazirkan wang kerajaan tetapi tidak mempedulikan wang rakyat.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh mengenai strata title. Saya telah membawa perkara ini di Dewan sebelum ini bahawa banyak kondominium telah diwujudkan dengan tidak ada sistem di mana kita dapat memastikan bahawa satu tarikh mereka akan memperolehi strata title untuk pembeli-pembeli kondominium tersebut. Saya sendiri telah menulis kepada kementerian mengatakan sudah lebih 12 tahun rumah-rumah flat murah di Bercham, Ipoh yang berharga RM25,000 strata titlanya tidak dikeluarkan walaupun pemaju telah menyerahkan hak milik tersebut kepada kerajaan. Perkara ini telah ditimbulkan beberapa kali dan

kementerian menjawab bahawa tindakan akan diambil. Jadi, saya hendak tahu apakah tindakan telah diambil dan adakah pihak-pihak yang sengaja dan tidak ingin memberi hak milik ini akan diarahkan untuk memberi. Apakah sebab hak milik ini tidak dapat dikeluarkan dalam satu jangka masa yang reasonable, dengan izin. Katakan dalam satu tahun atau bolehkah kerajaan mengarahkan pemaju-pemaju kondominium tidak mendirikan kondominium sehingga hak milik itu dikeluarkan seperti yang terjadi kepada orang-orang lain di merata-rata tempat di negara ini yang ingin mendirikan rumah di atas tanahnya sendiri.

Dalam keadaan ini, di Bercham ramai orang yang ingin menjual rumah pangsa harga murah. Kebanyakan orang tidak dapat menjual oleh kerana kelalaian pihak-pihak yang terlibat dalam perkara ini. Saya ingin tahu apakah rasional dan apakah sebab ia telah dilambatkan. Saya juga difahamkan di Kuala Lumpur berapa kondominium yang telah didirikan sejak empat-lima tahun hingga hari ini strata title tidak dikeluarkan. Adakah kita akan adakan satu sistem yang sangat canggih, yang sangat efisien di mana strata title akan dikeluarkan katakan dalam satu tempoh masa yang boleh diketahui kepada orang ramai. Bilakah kerajaan akan memberi satu penjelasan mengenai perkara ini.

[Tuan Pengerusi (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Saya juga ingin tahu setakat hari ini berapa pemaju yang telah menyerahkan hak milik besar kepada kerajaan di mana strata title dalam proses pemecahan. Selain dari itu, saya juga ingin tahu berapakah hak milik strata title yang belum lagi disediakan, dan apakah sebab perkara ini dilambatkan, walhal ramai kakitangan yang bekerja sebagai juruukur di jabatan-jabatan tersebut ada banyak masa lapang untuk minum teh dan kopi tiap-tiap hari pada masa kerja. Jadi, dalam keadaan ini baru-baru ini saya difahamkan beberapa kerajaan negeri tersebut Kerajaan Persekutuan telah menghantar beberapa orang ke Australia untuk mempelajari satu sistem yang canggih mengenai sistem pengeluaran hak milik

yang automatik. Saya difahamkan di Australia, jika seseorang membayar RM1 kepada pejabat tanah ia akan memperolehi semua detail mengenai kepentingan di hak milik tersebut, seperti kaviyet, gadaian, prohibitory order, perintah mahkamah dan sebagainya.

Tetapi di negara kita, kalau kita pergi ke mana-mana pejabat tanah, dasar demikian, kita ada satu buku yang dikatakan buku prohibitory order. Ada satu buku yang dikatakan buku kaviyet, ada satu buku yang dikatakan hak milik. Semuanya tidak sama. Bila kita pergi membuat pencarian yang terakhir, ramai peguam sangat susah untuk memperolehi maklumat yang terakhir mengenai transaksi hak milik tersebut. Jadi, apakah yang telah dipelajari, apakah yang telah diperolehi bila kakitangan ini dihantar ke Australia, ke New Zealand dan negara-negara di mana ada Torrens System, dan untuk mengimplimentasikan perkara sedemikian di negara ini. Bilakah kita akan mengadakan satu sistem di mana hak milik-hak milik kalau kita perlu detail hak milik di Pulau Pinang, kita boleh ketahui perkara ini kalau kita pergi ke pejabat tanah di Kuala Lumpur. Apakah masalah ini.....Timbalan Menteri tidak datang cukup lama. *[Sambil ditunjukkan kepada Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ini apa, Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** Ini lama tidak jumpa. Saya cari hendak beritahu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Takkanlah Yang Berhormat bila hendak berbahas, ini pun tergendala pula bila orang lain masuk.

**Tuan M. Kulasegaran:** Ini kawan baik, banyak lama tidak jumpa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Teruskan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Muka pun lain macam, suka nampaknya. Dia orang baik. Saya kluatir apa terjadi kepada dia. Saya tanya soalan semua dia jawab, dia baik.

**Seorang Ahli:** Masa cukup. *[Ketawa]*

**Tuan M. Kulasegaran:** Ada Kerusi, lain pula ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan M. Kulasegaran:** Jadi, dalam keadaan ini tolong supaya kita ada satu sistem di mana pelabur-pelabur dapat datang kalau hendak beli tanah atau menjual tanah ada satu sistem yang rasional yang senang dapat dikaji. Kita dapat pastikan bahawa pejabat-pejabat tanah di seluruh negara akan seimbang, satu sistem yang sama yang digunakan di Wilayah Persekutuan, di Labuan, di Pulau Pinang, di Perak dan sebagainya supaya tidaklah di Perak ada satu cara yang lain, di Melaka ada satu cara yang lain yang sedia ada. Jadi, dalam hal ini adakah kerajaan akan membawa dan mengkaji balik, dengan izin, National Land Code supaya rasional dan membawa satu perkara yang baik untuk pihak-pihak yang telah memiliki harta seperti rumah. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Senai.

**3.40 ptg.**

**Datuk Lim Si Cheng [Senai]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 04600 - Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) di bawah Maksud P.43.

Tuan Pengerusi, kawasan Parlimen saya di Senai mempunyai lapan buah rancangan FELDA yang mengandungi sejumlah lebih daripada 3,000 orang peneroka. Oleh itu saya ingin mengambil kesempatan ini mengemukakan beberapa perkara yang berkaitan dengan FELDA demi kepentingan peneroka. Tuan Pengerusi, harga yang ditawarkan oleh pihak FELDA untuk membeli buah kelapa sawit lebih rendah daripada swasta, juga harga yang ditawarkan oleh FELDA ada perbezaan antara satu rancangan FELDA dengan rancangan FELDA yang lain.

Di sini saya ingin memberikan satu contoh pada minggu yang lepas hari Jumaat, apabila saya membuat lawatan ke rancangan FELDA Taib Andak di kawasan saya pada jam 9.00 pagi harga yang ditawarkan oleh pihak FELDA kepada peneroka iaitu RM382.90 setiap tan dan sehingga pukul 12.00 tengah

hari harga itu dinaikkan sehingga RM402.10, akan tetapi pada hari yang sama harga yang ditawarkan oleh swasta lebih daripada RM460 per tan.

Tuan Pengerusi, pada hari ini, Rancangan FELDA Bukit Permai harga untuk membeli buah kelapa sawit yang ditawarkan oleh pihak FELDA di Bukit Permai RM393.75 setan, di Rancangan FELDA Bukit Besar RM371.25, di Rancangan FELDA Pasir Raja RM402.50, di Rancangan Taib Andak RM382 setan dan harga yang ditawarkan oleh pihak swasta juga lebih daripada RM450.

Jadi, saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan kenapa harga kelapa sawit yang ditawarkan oleh pihak swasta boleh lebih tinggi daripada yang ditawarkan oleh pihak FELDA sendiri, dan juga mengapa harga yang ditawarkan oleh pihak FELDA tidak diselaraskan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin membangkitkan perkara lain, yang juga berkaitan dengan FELDA. Kini, di sesetengah rancangan terdapat lot-lot yang ditinggalkan oleh peneroka yang disingkir ataupun menyerahkan kembali. Jadi untuk mengelakkan tanah-tanah ini dibiarkan dan menjadi tanah terbiar, adakah kementerian Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya tanah kosong ini dikurniakan kepada penduduk yang berminat.

Tuan Pengerusi, setengah peneroka FELDA getah mendapati tanahnya tidak ekonomik jika dibandingkan dengan peneroka lain yang menanam kelapa sawit. Masalah yang mereka ini hadapi iaitu mereka ini tidak dibenarkan menanam semula dengan kelapa sawit kerana mereka belum habis membayar kembali kepada FELDA. Jadi, ingin saya meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah salahnya FELDA membantu mereka tanam semula dengan kelapa sawit.

Tuan Pengerusi, masalah yang keempat, rancangan ataupun pihak FELDA telah pun mewujudkan satu tabung. Tabung Peneroka sebagai pendahuluan untuk sara hidup bagi peneroka semasa tanah mereka di tanam semula. Jadi, apabila tanah yang diperolehi peneroka ditanam semula, pihak FELDA akan memberikan pinjaman RM200 sebulan untuk tempoh masa 36 bulan. Jadi adakah RM200 ini mencukupi untuk keluarga peneroka.

Tuan Pengerusi, ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah RM200 mencukupi untuk peneroka membayar bil air, elektrik dan sebagainya, memang tidak mencukupi. Jadi saya ada menerima aduan daripada peneroka, permintaan daripada peneroka sama ada kementerian Yang Berhormat ingin menaikkan pinjaman ini daripada RM200 ke RM500.

Adakah benar, bila sekumpulan peneroka bagi sesuatu blok yang sama di sebuah rancangan FELDA sudah mendapatkan kelulusan untuk menanam semula jika lebih ramai antara mereka yang tidak ingin memohon pinjaman dari Tabung Peneroka kerana mereka anggapkan RM200 ini amat kecil. Jadi satu amaun yang kecil ini, mereka tak sanggup, tidak payah memohon, jadi kepada mereka yang lain yang tidak akan mendapat bantuan RM200 sebulan itu, adakah perkara ini benar.

Jadi, Tuan Pengerusi, inilah beberapa perkara yang berkaitan dengan FELDA ingin saya kemukakan dan saya berharap supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi penjelasan supaya masalah yang dihadapi oleh peneroka-peneroka itu dapat diselesaikan. Dan dengan kata-kata ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Jelebu.

**4.39 ptg.**

**Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]:** Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyatakan sokongan kepada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi di bawah Maksud B.43, Butiran 050000 - Pembangunan Koperasi.

Tuan Pengerusi, terutamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Jabatan Pembangunan Koperasi mungkin di bawah pentadbiran ketua pengarah yang baru, Jabatan ini akan mengorak langkah ke arah membela nasib koperasi-koperasi yang bertaburan di seluruh negara. Saya ingin bertanya sehingga kini, apakah rancangan pihak jabatan ke arah untuk memberikan nafas baru kepada koperasi-koperasi yang kebanyakannya masih hidup segan mati tidak mahu, mungkin kerana terlalu kekurangan pengetahuan dari segi pentadbiran dan pengurusan koperasi kerana misalnya di kampung-kampung, Tuan Pengerusi, masih lagi terdapat koperasi-koperasi yang kurang mampu untuk mentadbir harta dan juga pelaburan yang telah dibuat oleh ahli-ahli di dalam koperasi mereka.

Contohnya, satu koperasi yang telah diberikan satu tanah oleh pihak kerajaan negeri di Jelebu, masih tidak mampu untuk membayar premium tanah bagi tanah yang telah dianugerahkan, telah diberikan kepada mereka untuk memulakan perniagaan.

Saya ingin bertanya apakah alternatif yang boleh diberikan kepada koperasi berkenaan supaya sekurang-kurangnya sebahagian daripada premium tanah tersebut dapat dibantu pembiayaannya melalui pinjaman-pinjaman dan sebagainya. Tetapi oleh kerana rayuan yang telah dipohon kepada pihak kerajaan negeri untuk mengurangkan bayaran premium tanah tersebut tidak berjaya, saya berharap Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri Sembilan akan dapat melihat nasib koperasi kilang padi di Terang Hilir ini dapat diberikan sedikit sebanyak pedoman dan juga bantuan agar masalah tersebut dapat diatasi.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, mengenai dengan Koperasi Pembangunan Daerah Jelebu. Saya ingin menyatakan bahawa koperasi ini telah pun lama dihidupkan, telah lama beroperasi, namun mempunyai permasalahan-permasalahan yang masih tidak dapat diselesaikan mengenai pengurusan koperasi tersebut, masih bercelaru dan kelabu sehinggakan ahli-ahli tidak mendapat faedah daripada apakah maksud untuk pewujudan koperasi tersebut. Saya difahamkan Koperasi Pembangunan Daerah Jelebu mempunyai harta yang agak banyak, mempunyai tanah-tanah yang telah diberikan oleh kerajaan negeri, tetapi tidak mampu untuk membangunkan kawasan-kawasan tersebut. Mungkin terdapat permasalahan dalaman pengurusan pentadbiran koperasi tersebut yang kemungkinan juga mempunyai masalah kewangan.

Jadi, saya berharap dengan adanya pengurusan baru di peringkat tertinggi di Jabatan Pembangunan Koperasi ini akan dapat melihat semula akan nasib koperasi-koperasi yang ada bertaburan di seluruh negara kita. Saya difahamkan Ketua Pengarah Koperasi baru ini orang Jelebu. Jadi, saya mintalah Ketua Pengarah Koperasi ini melihat keutamaan kepada koperasi yang ada di daerah Jelebu, orang kampung sendiri. Jadi, khususnya di Jelebu dan secara amnya di

seluruh negara supaya koperasi yang telah ditubuhkan, yang telah mempunyai ahli yang begitu ramai dapat diyakinkan dengan pencapaian dan juga faedah koperasi ini disertai oleh mereka.

Tuan Pengerusi, selanjutnya saya ingin menyentuh tentang Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) di bawah Butiran 04600, terutamanya bagi Butiran 04603 – Jalan-jalan FELDA. Saya difahamkan jalan-jalan FELDA ini masih lagi bermasalah. Seluruh negara kita mempunyai skim FELDA. Kalau di Jelevu, kawasan saya ada 12 skim FELDA yang mempunyai peserta yang begitu ramai. Sebahagian daripada mereka adalah di kalangan peneroka-peneroka yang telah berjaya, yang telah memiliki hak milik dan sebahagiannya hutang sudah selesai tetapi hak milik masih belum diperolehi. Saya ingin menyarankan supaya masyarakat FELDA ini dilihat dengan lebih serius akan permasalahan yang dihadapi oleh mereka. Masalah jalan adalah utama, kerana jalanlah yang membuatkan masyarakat ini akan dapat menilai sama ada kerajaan ini memberikan performance yang terbaik kepada mereka yang telah begitu bermasalah selama ini. Mereka meneroka hutan belantara dan sekarang ini telah pun mengeluarkan hasil yang begitu baik dan begitu banyak kepada hasil negara.

Jadi, saya memohon supaya FELDA akan melihat masalah keperluan jalan-jalan di dalam kawasan FELDA ini, dalam kawasan-kawasan perumahan dapat diberikan keutamaan. Permohonan telah pun dikemukakan kepada pihak kementerian supaya jalan-jalan di skim-skim FELDA ini di kawasan Pasuh, di kawasan Lui dan sebagainya akan dilihat sebagai kawasan yang perlu diberikan keutamaan.

Keduanya, Tuan Pengerusi, mengenai dengan hak milik. Saya bermasalah sedikit tentang pengeluaran hak milik ini walaupun terdapat di beberapa skim di FELDA Pasuh Dua dan Tiga telah menyelesaikan masalah hutang mereka begitu lama. Tetapi pengeluaran hak milik masih tergendala. Saya berharap FELDA akan

bekerjasama dengan pihak Pejabat Tanah Daerah Jelevu dan Jempol supaya masalah pengeluaran hak milik, persiapan akan dapat dibuat segera. Saya ucap tahniah kepada pihak FELDA dan juga pihak Pejabat Tanah kerana pengeluaran hak milik FELDA Pasuh Empat akan dibuat pada 7 Disember yang akan datang walaupun terpaksa menunggu lebih kurang 3 bulan supaya hak milik ini dapat diselesaikan. Namun, saya berharap FELDA Pasuh Dua dan Tiga di kawasan Jempol dalam kawasan Parlimen Jelevu, usaha untuk menyelesaikan masalah ukur tanah dan sebagainya akan dapat disegerakan. Ini kerana, Tuan Pengerusi, kedua-dua skim FELDA ini bermasalah kerana ada sebahagian daripada tanah milik peneroka tersebut berada di antara dua daerah. Lima ekar di daerah Jempol dan lima ekar di daerah Jelevu. Ini mempunyai sedikit masalah dari segi penyediaan hak milik kepada FELDA daripada Pejabat Tanah itu sendiri. Namun, saya berharap masalah ukur tanah dan kawasan ladang serta perumahan akan dapat diselesaikan dengan baik dan segera supaya masalah pengeluaran hak milik dapat diselesaikan.

Yang ketiganya, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya apakah ada satu syarat dan kelonggaran diberikan kepada pewaris ataupun isteri kepada suami yang bermasalah dari segi untuk menukar nama ataupun milik tanah. Saya difahamkan kepada suami-suami yang telah tertangkap, yang telah dimasukkan bagi kursus lanjutan kesihatan diri ataupun dimasukkan di dalam pusat pemulihan dadah dan sebagainya ataupun melalui kesalahan-kesalahan yang lain telah dibenarkan untuk milik tanah ataupun kebun mereka itu ditukarkan kepada isteri. Setakat hari ini berapakah permohonan yang telah diproses untuk membolehkan milik suami itu ditukarkan kepada isteri oleh kerana kesalahan dadah dan lain-lain kesalahan yang dilakukan?

Satu perkara yang saya hendak minta penjelasan, adakah benar sekiranya kes yang sedemikian terjadi, pihak pejabat ataupun pihak kementerian

menasihatkan ataupun pihak FELDA menasihatkan kepada isteri-isteri yang berkenaan supaya memohon cerai ataupun memohon fasakh daripada pejabat kadi untuk membolehkan si suami menukarkan milik tanah tersebut kepada si isteri kerana suami terpaksa menjalani kursus ataupun latihan di pusat pemulihan dadah. Jadi, kalau kes ini berlaku, adakah permohonan yang dikemukakan dan adakah kelulusan akan diberikan. Sebab soal syarat ini pada saya tidak kenalah. Kita suruh orang itu bercerai-berai dahulu, baru kita berikan hak milik tanah tersebut kepada isteri walaupun isteri terpaksa menanggung nasib ataupun membiayai rezeki ataupun nafkah anak-anak yang belajar, yang bersekolah dan sebagainya. Jadi, saya hendak tahu adakah syarat ini benar berlaku dan dibolehkan. Maknanya, bila suami sudah menceraikan isteri barulah tanah itu boleh ditukarkan milik kepada isteri, oleh kerana suami berada dalam tahanan dan sebagainya. Saya hendak tahu juga setakat hari ini berapakah hak milik ini telah dikeluarkan kepada seluruh peneroka-peneroka yang ada di negara kita dan berapakah hak milik yang akan dikeluarkan.

Saya juga ingin tahu setakat hari ini berapakah jumlah peneroka yang telah disingkirkan daripada menjadi peneroka oleh kerana kesalahan-kesalahan utama yang dilakukan.

Tuan Pengerusi, dengan kata-kata itu saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Arau.

**3.59 ptg.**

**Tuan Haji Hashim bin Jasin [Arau]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Maksud Pembangunan 43, Butiran 04600 – FELDA dan Butiran 04605 –Kemudahan Sosial.

Tuan Pengerusi, pada awal ataupun dalam tahun 1970-an dahulu FELDA begitu aktif dalam menggerakkan pembangunan sosialnya di kalangan masyarakat peneroka. Pegawai-pegawai pembangunan peneroka, penolong pegawai

pembangunan peneroka dan juga pembantu pegawai pembangunan peneroka ditempatkan di ibu pejabat di pejabat-pejabat wilayah dan juga di rancangan-rancangan FELDA. Mereka bekerja sebagai satu team untuk membangun masyarakat FELDA dan banyak program yang memberi faedah kepada pembangunan masyarakat itu dapat dijalankan, seperti pembangunan program kerohanian, program-program yang berkait dengan sosial, program-program yang berkait dengan kekeluargaan dan yang lebih daripada itu. Selain daripada pegawai-pegawai pembangunan masyarakat ini, pegawai-pegawai ladang sendiri diminta untuk memainkan peranan dua, iaitu peranan ladang dan juga peranan sosial.

Jadi hasil daripada polisi dan dasar ini, maka kita dapati bahawa masyarakat FELDA merupakan satu masyarakat yang boleh kita bangga tentang pembangunan insaniahnya, insaniatul insan, kemanusiaan manusia dalam masyarakat FELDA tetapi keadaan ini tidak lama. Bermula tahun 1980-an hingga sekarang ini, pembangunan masyarakat mula diabaikan. Kakitangan yang terlibat dalam pembangunan masyarakat itu mula dikurangkan sedikit demi sedikit. Aktiviti dan program-program sosial juga diketepikan. Hasilnya sekarang kita dapati keluhan daripada masyarakat FELDA sendiri tentang gejala-gejala maksiat yang berleluasa di rancangan-rancangan FELDA dan juga penyalahgunaan dadah dan berbagai-bagai lagi penyakit masyarakat yang berat untuk ditanggung oleh pemimpin-pemimpin yang terdapat dalam rancangan FELDA sekarang ini.

Jadi, saya suka untuk mencadangkan di sini supaya marilah kita kembali menghidupkan semula Jabatan Pembangunan Khidmat Masyarakat yang terdapat dalam FELDA itu, bukan sahaja setakat seperti dahulu iaitu Unit Khidmat Pembangunan Masyarakat malahan saya rasa kita perlu sekarang ini untuk tubuh Jabatan Khidmat Pembangunan Masyarakat yang sama tarafnya dan pengertiannya dengan jabatan-jabatan lain yang terdapat dalam FELDA itu sendiri. Jadi dengan

cara ini kerajaan perlu menambahkan peruntukan kepada FELDA untuk melancarkan aktiviti-aktiviti pembangunan masyarakat ini.

Perkara yang kedua, yang berhubung dengan FELDA juga yang ingin saya sentuh ialah bahawa masalah berbangkit daripada harta sepencarian apabila berlaku perceraian. Dalam tahun 1970-an dahulu, FELDA adalah satu agensi yang perceraianya begitu rendah sekali, lebih rendah daripada negeri yang terendah dalam Malaysia iaitu 0.04% sahaja perceraian yang berlaku tetapi sekarang ini, saya difahamkan perceraian itu lebih tinggi daripada apa yang berlaku dahulu. Ini adalah disebabkan mungkin kerana kita abaikan pembangunan masyarakat itu. Jadi pemberian harta sepencarian ini sudah lama dibincangkan dalam FELDA tetapi apa yang saya difahamkan sampai ke hari ini pun, kita tidak dapat satu penyelesaian di mana apabila berlaku perceraian yang wajib keluar daripada rancangan FELDA adalah isteri. Apabila isteri keluar, kemudian tanah itu atas nama si suami, dengan ini akan teraniyalah isteri yang diceraikan oleh peneroka ini kerana mereka sebenarnya tidak dapat hak apa. Walaupun ada usaha untuk memberi harta sepencarian, tetapi apa yang saya difahamkan setakat sekarang ini belum dicapai kepada penyelesaian yang boleh memberi keadilan dan kepuasan kepada pihak isteri yang telah diceraikan dengan mudah.

Selain daripada itu saya ingin menyentuh mengenai FELDA di Perlis iaitu di kawasan Chuping, FELDA Tebu yang mana mereka ini tidak diberi hak milik malahan mereka hanya diberi saham dalam kerja-kerja pembangunan penanaman tebu itu sendiri. Jadi apabila diberi saham ini, peneroka-peneroka yang bekerja hanya mendapat hasil daripada kerja yang dibuat iaitu upah daripada kerja yang dilakukan dan akhir tahun diberi saham atas keuntungan penjualan tebu itu sendiri.

Masalah yang selalu timbul ialah apabila peneroka meninggal dunia dan tinggal isteri yang mempunyai anak-anak kecil yang ramai, selalunya isteri ini tidak mampu untuk mengambil alih kerja-kerja yang dilakukan oleh suaminya di ladang maka ia hanya mengharapkan dividen yang diberi di akhir tahun yang sudah tentu tidak mencukupi untuk perbelanjaan setahun, maka dengan sebab itu banyaklah berlaku masalah kepada

isteri yang kematian suami ataupun yang suami keluar daripada rancangan tanah itu sendiri dan menceraikannya dan tanah itu diubah hak milik kepada isteri tetapi masalahnya juga tidak boleh selesai dan saya yakin kalau sekiranya kita boleh membuat suatu dasar ataupun suatu tabung yang boleh membantu mereka yang amat memerlukan bantuan-bantuan seperti ini, maka perlulah pihak kementerian untuk menubuhkan tabung-tabung ini bagi menyelesaikan masalah yang sering berlaku di rancangan-rancangan FELDA itu. Jadi dengan itu, saya ucapkan berbilang terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Sipitang.

**4.06 ptg.**

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya menyokong di bawah Maksud Bekalan 43 - Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Sebelum itu saya mengambil sedikit masa di bawah pecahan Butiran 030000 iaitu Ukur Tanah.

Tuan Pengerusi, pada masa ini kita mempunyai sempadan antarabangsa di Semenanjung dengan negara Thailand dan di Sabah dan Sarawak dengan negara Indonesia iaitu Kalimantan. Setakat ini apakah telah siap diukur panjang sempadan di antara kedua-dua negara tersebut. Bagi Malaysia Timur, saya merasakan ia perlu diberi tanda sempadannya dengan tepat dan betul supaya tidak menimbulkan masalah di masa akan datang kerana apa yang berlaku pada masa ini, kalau kita perhatikan bahawa sering berlaku pencerobohan di kawasan sempadan ini, terutama sekali sempadan-sempadan yang lucrative ataupun yang ada nilai komersial misalnya kalau di Sabah dan di Sarawak itu, tentunya kawasan ini mempunyai hutan belantara yang masih belum diteroka dan mempunyai kayu-kayan yang bernilai misalnya kayu balak dan juga rotan. Apa yang kita lihat bahawa berlakunya pencerobohan di kawasan sempadan ini yang mana ada unsur-unsur pencurian hasil-hasil daripada kawasan tersebut diambil. Ini perlu dikawal kerana kalau kita tidak mengawal satu hari nanti kawasan-kawasan bernilai komersial ini akan kehabisan nilai komersialnya dan tidak ada lagi untuk generasi akan datang.

Yang kedua bahawa kawasan sempadan ini menjadi laluan untuk menyeberang secara terus di kawasan pergunungan, di kawasan pedalaman untuk masuk ke

negara kita secara berjalan kaki secara haram. Saya dapat tahu ini Tuan Pengerusi di kawasan saya ini, kawasan Long Pasia memang setiap hari ada pencerobohan sama ada orang daripada negara jiran atau orang kita berulang alik, ini mungkin satu tradisi tetapi perkara ini tidak boleh kita biarkan dalam negara kita yang sudah meningkat maju dan bertamadun.

Saya rasa kita tidak boleh membiarkan perkara seperti ini berlaku. Di sinilah juga punca-punca kebebasan ini diambil kesempatan oleh golongan tertentu untuk menceroboh masuk ke negara kita dan mungkin ada aktiviti itu yang boleh memudaratkan negara misalnya, pembawaan senjata haram, kalau di Sabah ini 'bukako', senapang buatan sendiri mungkin berlaku dan lain-lain aktiviti.

Apakah kerajaan bercadang untuk itu seperti juga sempadan Semenanjung dengan Thailand kita buat pagar di sempadan ini supaya mengawal sedikit aktiviti pencerobohan dan lintas bebas tanpa kawalan ini. Apakah juga di Sabah, Sarawak dengan Kalimantan akan dibuat pemagaran sempadan ini, saya tahu begitu jauh di sekitar 1,500 kilometer tetapi ianya agak tidak mustahil untuk kita menyelia sempadan ini kerana ini adalah kedaulatan negara dan kepentingan masa akan datang. Jadi saya ingin bertanya dengan kementerian apakah ia akan dilaksanakan dan apakah peringkatnya sekarang ini iaitu yang pertama, sudahkah kita siap semua mengukur sempadan ini dan cadangan untuk meletak batu dan juga memagar di kawasan sempadan.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 050000 - Pembangunan Koperasi. Saya mengucapkan tahniahlah kepada kementerian bahawa telah ada pegawai baru yang begitu efektif masa ini, Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi, saya rasa beliau ini 'energetic' orangnya tentu sekali boleh memandu jabatan ini ke arah yang lebih produktif. Pada masa ini saya minta kementerian dapat memberi butiran berapakah bilangan koperasi mengikut aktiviti di seluruh negara, aktiviti-aktiviti koperasi, pecahan-pecahan dia, misalnya koperasi yang berteraskan perniagaan runcit, koperasi yang berteraskan pembangunan hartanah, koperasi

yang berteraskan kewangan, berapakah bilangan mengikut pecahan kepala ataupun aktiviti masing-masing, dan berapakah nilai aset beku ataupun aset tanpa gerak yang ada di milik koperasi-koperasi ini maksud saya dari segi harta, bukan wang tunai atau pelaburan, tetapi dari segi harta. Saya mengatakan demikian, kerana pembentukan koperasi di beberapa negara pada peringkat awal ia dibentuk adalah semata-mata untuk menjadi batu loncatan ataupun sebagai landasan untuk mendapatkan harta khususnya tanah.

Tuan Pengerusi, saya memberi contoh di Sabah di kawasan saya sendiri di Parlimen Sipitang terdapat berpuluh-puluh koperasi yang ditubuhkan dengan keahlian yang tertentu mungkin ahli ini sedar atau tidak diambil nama, cop jari sepuluh seorang sahaja kerana kebanyakan ahli ini tidak pandai membaca didaftarkan untuk mendapatkan tanah agak luas sekitar ratusan atau ribuan ekar, kerana pada masa itu dasar kita adalah untuk memberi peluang ramai ahli-ahli ataupun rakyat ini mendapat sebahagian daripada saham kelulusan tanah tersebut. Tetapi apabila tanah ini telah diluluskan dan ditadbirkan oleh segelintir mereka yang lebih pintar daripada ahli biasa 'target' yang pertama, yang saya perhatikan, masa itu saya masih kecil, ialah mereka dapat kawasan tanah ini melalui nama koperasi dan mempunyai kawasan kayu balak yang bermutu tinggi dan kayu balak ini dijual, ditebang dan diagihkan sebahagian daripada keuntungan itu, kita tidak tahu kerana tidak ada laporan tertentu dalam bentuk kewangan dan saya dapat tahu hasil penjualan kayu balak itu tidak setimpal dengan hasil yang ada. Ada setengah itu diberi RM50 - RM100 barangkali mengikut kumpulan-kumpulan koperasi tertentu.

Apabila kayu balaknya sudah habis tanah ini pula tidak lagi dikerjakan seolah-olah keuntungan telah diambil dan tanah itu menjadi hutan belantara. Jadi apa yang saya maksudkan di sini inilah bentuk harta yang tidak aktif, maknanya harta aset yang 'diam' yang perlu kita daftarkan.

Tuan Pengerusi, saya menyatakan demikian kerana ini penting oleh kerana pada pengetahuan saya terdapat lebih kurang RM14 bilion harta sama ada tunai ataupun harta aset yang tidak aktif ini dimiliki oleh koperasi di seluruh negara. Bagi tanah ini ataupun harta yang lain ia boleh dimajukan secara teratur jikalau ia dipandu seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelevu tadi bahawa kebanyakan barisan kepimpinan koperasi di peringkat kampung ini tidak berpengalaman dan kebanyakannya tidak teratur dari segi pentadbiran. Jadi harta itu tidak boleh dimanfaatkan sepenuhnya untuk kebaikan ahli-ahli.

Jadi kalau bolehlah kementerian, saya ingat sudah sampai masanya kita mengatur semula koperasi ini supaya ditadbir dengan teliti dan diatur secara profesional melalui jabatan ini, kalau boleh kita adakan pegawai-pegawai yang khusus yang tahu tentang perniagaan ataupun penyusunan aktiviti-aktiviti perniagaan dalam koperasi dan kita mengaturkan supaya koperasi ini menjadi satu kumpulan peniaga ataupun aktiviti perniagaan yang mempunyai kesan 'synergistic' maknanya koperasi-koperasi tertentu yang besar yang berkemampuan membantu membangunkan koperasi-koperasi yang kecil, yang tidak ada kemampuan. Tetapi orang yang paling tahu tentang harta, aset dan juga aktiviti koperasi ialah Jabatan Pembangunan Koperasi. Jadi kalau boleh juga jabatan mengaturkan koperasi-koperasi ini, dan aset-aset mereka misalnya tanah diaturkan supaya diadakan usahasama (joint-venture) dengan syarikat-syarikat yang berkemampuan supaya harta yang beku tadi ataupun tanah yang tidak bergerak tadi boleh dimajukan dan memberikan hasil dan manfaat semaksimum mungkin kepada ahli-ahli yang memegang saham di koperasi tersebut.

Saya mengucapkan terima kasih kepada beberapa agensi misalnya FELCRA di kawasan saya, kita telah mula menggerak, salah satu koperasi di kawasan saya telah memperkenalkan kepada FELCRA dan FELCRA telah pun membangun untuk menanam kelapa sawit di kawasan tersebut dan pada peringkat

permulaan ini sekitar 900 ekar. Jadi, kalau boleh ini kita perluaskan misalnya di Sabah, Sarawak dan juga di Semenanjung banyak tanah koperasi ini yang tidak diaktifkan dan kalau boleh diatitkan sedemikian untuk di joint-venture dengan syarikat-syarikat ataupun koperasi lain yang berkemampuan “match making” ataupun untuk mereka berinteraksi antara satu sama lain diatur oleh kementerian atau Jabatan Pembangunan Koperasi. Jadi yang mana satu yang mereka boleh bekerjasama. Tuan Pengerusi, kalau ini boleh kita buat tentu sekali ahli yang ramai ini boleh mendapat dividen atau faedah daripada aktiviti tersebut.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Kee Teat]:** Masa yang Berhormat telah suntuik.

**Datuk Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Pengerusi, saya gulunglah ini. Terima kasih dan saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Machang.

#### **4.20ptg.**

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Butiran 020000 – Pengurusan dan Perundangan Tanah. Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan rasa bimbang tentang kedudukan tanah-tanah rizab Melayu di seluruh negara. Seperti mana yang kita tahu bahawa tanah-tanah yang tergolong dalam rizab Melayu ini adalah dikawal oleh undang-undang dan jika atas apa-apa alasan kepentingan awam tanah-tanah ini diambil oleh pihak kerajaan ataupun mana-mana pihak lain mengikut rekomendasi kerajaan maka sejumlah tanah yang sama mestilah diganti bagi mengelompokkan tanah yang di luar daripada rizab Melayu bagi menggantikan kawasan-kawasan yang telah diambil untuk pembangunan.

Sejak kebelakangan ini oleh kerana pembangunan yang berjalan begitu pesat lebih kurang 10 tahun kebelakangan ini, sebahagian besar daripada kehendak pembangunan itu telah dipenuhi dan sebahagian besar daripada tanah-tanah rizab

Melayu di seluruh negara telah diambil atas kepentingan pembangunan sama ada pembangunan untuk swasta ataupun pembangunan projek-projek kerajaan. Yang saya hendak lahirkan, Tuan Pengerusi, ialah saya ingin mendapatkan perangkaan yang terperinci, satunya berapakah jumlah keseluruhan tanah rizab Melayu yang ada di seluruh negara sekarang ini. Dan daripada jumlah tersebut berapakah jumlah yang diambil oleh kerajaan untuk tujuan pembangunan dan daripada pengambilan tersebut berapa jumlah kawasan-kawasan yang sudah diganti dan berapa jumlah kawasan-kawasan yang belum diganti.

Saya juga memohon supaya pihak kementerian dapat memberikan angka terperinci daripada tanah-tanah rizab Melayu yang belum diganti ini mengikut negeri-negeri dan negeri mana yang banyak sekali telah mengambil tanah rizab Melayu dan negeri mana yang masih banyak belum mengganti tanah rizab Melayu ini dengan kawasan-kawasan lain yang setimpal bagi dikelompokkan ke dalam golongan tanah rizab Melayu. Saya percaya kalau angka-angka ini terperinci diperolehi adalah suatu angka yang sangat membimbangkan terutama dari segi kepentingan tanah rizab Melayu yang pada asalnya dikawal oleh undang-undang tetapi oleh kerana usaha pembangunan telah diambil malangnya, barangkali oleh kerana kehendak pembangunan kita tidak dapat lari daripada kehendak bahawa tanah mesti diambil kerana tanah adalah suatu perkara yang penting dan pembangunan mesti berjalan, pembangunan tidak boleh berjalan selain daripada atas tanah, mesti ada tanah untuk pembangunan. Kita faham atas kepentingan awam tanah perlu diambil. Tetapi pada masa yang sama kerajaan-kerajaan negeri mestilah digesa supaya mengambil sikap yang tegas dan positif supaya menggantikan kawasan-kawasan yang telah diambil daripada tanah rizab Melayu tadi dengan kawasan-kawasan lain yang setimpal dengannya.

Ini bukan sahaja soal kehendak sosial tetapi ini adalah kehendak peruntukan undang-undang kerana peruntukan undang-undang negara kita adalah jelas bahawa

tanah rizab Melayu tidak boleh diambil sewenang-wenang dan jika diambil sekalipun ia mestilah diganti dengan satu kawasan lain yang setimpal supaya kepentingan tanah-tanah rizab Melayu ini dapat dipelihara dari masa ke semasa tanpa menjejaskan pada masa yang sama usaha-usaha untuk membangunkan negara kita ini.

Tuan Pengerusi, yang kedua....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yan bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, tadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat iaitu, saya lama sudah bercakap pasal tanah simpanan Melayu ini, jadi apakah Yang Berhormat juga bersetuju dengan cadangan saya bahawa pihak kementerian juga perlu mencari satu formula di mana value tanah-tanah simpanan Melayu ini sekurang-kurangnya seimbang dengan tanah-tanah yang di luar simpanan Melayu ataupun leasehold dan sebagainya. Kerana contohnya di Kampung Baru, tanah di dalam kawasan bandar raya tetapi valuenya tidak seimbang dengan tanah yang leasehold ataupun freehold dalam kawasan bandar raya juga. Jadi ini merugikan kalau orang kita hendak membangun tanah tersebut, pajakan, pinjaman dan sebagainya. Jadi adakah pihak Yang Berhormat bersetuju supaya pihak kementerian serius, berkali-kali sudah kita cakap tetapi, perkara ini akan diambil tindakan, ini cadangan yang baik tetapi tidak ada result dan adakah Yang Berhormat bersetuju untuk menanya Timbalan Menteri berapa banyakkah tanah-tanah simpanan Melayu ini sudah terkeluar daripada simpanan dan adakah pihak kerajaan mengambil balik tanah-tanah ini terutama sekali di Pulau Pinang dan ini saya hendak ulang baliklah. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Yang Berhormat baru masuk ya? [*Ketawa*]. Persoalan yang Yang Berhormat bangkitkan telah saya majukan tadi, berapa jumlah dan secara detail saya sudah minta.

Yang keduanya, tadi saya bersetuju kalau dalam soal pengambilan balik tanah untuk kepentingan pembangunan oleh kerajaan saya percaya bahawa dalam kategori tanah itu tidak boleh dijadikan ukuran dalam menentukan harga pasaran itu mesti dicari satu formula. Misalannya seperti Yang Berhormat kata kalau tanah di kawasan Kampung Baru, walaupun tanah itu berada dalam keadaan rizab

Melayu tetapi kategori tanah itu tidak boleh dijadikan ukuran untuk menentukan nilai pasaran bagi tujuan pampasan tetapi dalam soal konteks pembangunan untuk swasta kerana ianya adalah agreement antara dua pihak maka terserahlah kepada willing buyer, willing seller, dengan izin, Tuan Pengerusi.

Jadi kerajaan barangkali tidak boleh mengawal dari segi hakikat itu. Ianya akan tertakluk kepada harga pasaran pada masa itu, prevailing market price, dengan izin.

Tetapi dalam konteks untuk mengambil tanah rizab Melayu bagi tujuan pembangunan. Saya rasa soal kategori tanah sama ada ia tanah rizab Melayu, freehold dan sebagainya tidak boleh dijadikan ukuran dalam menentukan nilai pasaran. Jadi dengan kata lain dalam konteks pembangunan untuk kerajaan, saya bersetujulah dengan Yang Berhormat, tetapi dalam konteks pembangunan untuk swasta kita tidak boleh mengenakan syarat kerana ini adalah terletak di antara kedua belah pihak yang bersedia untuk menjual dan bersedia membeli, maka terpulanglah kepada pihak-pihak ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, ialah berhubung dengan pembangunan koperasi. Saya hendak sentuh sedikit yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Jelevu tadi. Memang benar bahawa pembangunan koperasi sejak kebelakangan ini berjalan dengan begitu pesat sekali sehingga barangkali timbul keperluan di pihak kementerian terpaksa mengadakan Jabatan Pembangunan Koperasi, dengan mengadakan pegawai-pegawai terlatih tetapi ini sahaja tidak cukup. Apabila perlu, saya hendak cadangkan, Tuan Pengerusi, ialah mana-mana pihak yang hendak menubuhkan satu koperasi walaupun ahlinya di bawah undang-undang mesti ada tidak kurang daripada satu ratus orang sekarang. Tetapi yang pentingnya ialah kepada penaja-penaja koperasi ini. Penaja-penaja koperasi tidak boleh daripada sebarang orang. Kalau orang yang tidak berpengalaman, tidak tahu berhubung dengan kedudukan Akta Pembangunan Koperasi, keperluan mengadakan mesyuarat, keperluan menyediakan audited account dan sebagainya, maka perjalanan koperasi itu akan jadi tempang. Yang perlu ialah sebelum penaja-penaja koperasi ini menubuhkan koperasi mestilah dikenakan syarat bahawa penaja-penaja ini mesti orang yang mahir, mahir sekurang-kurangnya kalau dia hendak menjalankan koperasi bersifat perniagaan bank misalannya, seperti Bank Rakyat dia mesti mahir dari segi banking, kalau koperasinya bersabit dengan

perniagaan perumahan, ia mesti mahir dalam bidang perumahan. Sekurang-kurangnya ada pengalaman dari segi itu. Maknanya kita tidak boleh membiarkan sesiapa sahaja menubuhkan koperasi akhirnya jadi lintang-pukang dan kepentingan ahli tidak terjaga.

Saya cadangkan supaya kriteria-kriteria tertentu mesti dikenakan oleh Jabatan Pembangunan Koperasi, atau kementerian sama ada melalui peraturan ataupun peruntukan undang-undang supaya penaja-penaja penubuhan koperasi ini dikenakan syarat-syarat tertentu bagi tujuan untuk menjaga kepentingan koperasi ini. Jangan fikir hanya koperasi tumbuh untuk keperluan tertentu bagi memiliki tanah, setelah tanah diperolehi kemudian kegiatannya terhenti setakat itu. Ianya mesti dilihat dalam konteks jangka panjang.

Jadi dari segi ini saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Jelevu supaya pihak koperasi mesti memainkan peranan. Bagi mereka yang sudah memegang jawatan ahli lembaga pengarah koperasi, latihan-latihan dari masa ke semasa perlu diadakan kepada mereka ini untuk memberi kemahiran tentang perjalanan peraturan-peraturan di bawah Akta Koperasi, tentang perjalanan akaun, tentang kehendak-kehendak mengadakan mesyuarat dan sebagainya supaya koperasi ini berjalan dengan baik.

Dalam konteks ini, Tuan Pengerusi, saya ingin tahu berapa koperasi yang telah gagal yang dikatakan dormant atau tidak bergerak sekarang ini daripada jumlah koperasi yang berdaftar dengan pihak kementerian setakat ini atau dengan pihak Jabatan Pembangunan Koperasi. Berapa koperasi yang dormant yang langsung tidak menjalankan aktiviti. Dari angka ini saya percaya kita dapat melihat dengan jelas bahawa kehendak-kehendak peraturan dan sebagainya, dormant itu kerana buta huruf, mereka tidak mengetahui kedudukan peruntukan undang-undang dan sebagainya dan kehendak-kehendak undang-undang bagi memenuhi perjalanan sesebuah koperasi.

Dahulu kita dengar banyak koperasi yang menimbulkan masalah, saya ingin tahu koperasi-koperasi yang timbul masalah, saya tidak sentuhlah secara detail di mana koperasi ini tetapi saya ingin tahu apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh koperasi ini telah diselesaikan dan kedudukan ahli-ahli mereka pun telah dijaga dengan baik. Saya tidak mahu menyentuh secara spesifik tetapi secara umumnya apakah, kita semua tahu banyak koperasi yang menimbulkan masalah sehingga menjejaskan kedudukan ahli. Bagaimana kepentingan ahli-ahli mereka ini telah dijaga atau tidak.

Jadi dalam konteks masa depan, Tuan Pengerusi, saya hendak cadangkan supaya jangan kita mengambil mudah dalam penubuhan koperasi ini. Garis panduan tertentu mesti dikenakan supaya pisang tidak berbuah dua kali dan kita dapat melihat bahawa kepentingan ahli terjaga dan mereka tidak menyalahgunakan koperasi ini untuk kepentingan mana-mana pihak yang tertentu.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya hendak ulang perkara yang dibangkitkan oleh rakan saya dari Senai tadi iaitu berhubung dengan masalah FELCRA. Satunya, ialah berhubung dengan masalah hak milik. Saya fikir tidak ada sebab mengapa pihak FELCRA perlu menangguh pemberian hak milik kepada peneroka-peneroka yang telah menjelaskan bayaran-bayaran balik mengikut tempoh perjanjian. Kita dapati banyak kawasan di mana peneroka-peneroka telah pun mencapai tempoh matang perjanjian dan mereka telah membuat pembayaran sepenuhnya tetapi malangnya hak milik tidak dapat diberikan kepada mereka kerana pilihan telah diberi supaya mereka menyertai semula skim FELCRA dengan mengadakan tabung pembangunan semula dan sebagainya.

*[Timbalan Yang di-Pertua: (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)*  
***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Bagi kawasan-kawasan di mana peneroka yang telah lama berada di kawasan peneroka dan telah menjelaskan balik semua bayaran, saya rasa hak milik

diberikan kepada mereka supaya kebebasan mereka ini diperolehi - kebebasan untuk memiliki tanah itu dan memberi kebebasan kepada mereka untuk mengusahakan tanah mereka ini secara persendirian dan supaya mereka berkemungkinan mendapat pendapatan yang lebih.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan terutamanya di Gua Musang, Tuan Pengerusi, ialah berhubung dengan masalah perbezaan harga. Saya tidak faham mengapa pihak FELCRA ataupun pihak FELDA - pihak FELCRA dalam konteks ini, tidak boleh menawarkan harga yang sama dengan harga yang ditawarkan oleh peniaga-peniaga di pasaran terbuka. Apa masalah sebenarnya, saya hendak tahu, dijual kepada pihak pengurusan, harganya RM380, RM360. Tetapi pada hari yang sama di luar membeli dengan harga lebih dari RM400. Apa masalah sebenarnya, kalau pihak peniaga luar boleh membeli dengan harga sedemikian tidak ada sebab mengapa pihak pengurusan tidak boleh membeli dengan harga pasaran yang sama. Saya tidak faham mengapa harga ini menjadi berbeza begitu banyak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi saya minta pihak kementerian memberi jawapan yang munasabah kepada peneroka ini, kalau tidak, mereka ini akan menjalankan usaha dan kemudian mengangkat buah, menjual di luar dan kerajaan juga yang rugi. Kalau boleh, supaya harga ini lebih kurang seimbang dengan harga di luar, barangkali masalah di kalangan mereka ini tidak akan berbangkit lagi, Tuan Pengerusi. Dengan itu saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepong.  
4.32 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, muka surat 348, Butiran 020000 - Pengurusan dan Perundangan Tanah dan muka surat 349, Butiran 040000 - Pemetaan.

Tuan Pengerusi, di sini saya hendak membangkitkan masalah penggunaan tanah terutamanya kita diberitahu bahawa terdapat 130,000 hektar tanah di Semenanjung dan tidak tahu di Sabah dan Sarawak berapa luasnya yang sedang diguna oleh kumpulan-kumpulan yang tertentu secara haram untuk pertanian, kilang-kilang pembuatan dan untuk kediaman setinggian terutamanya sejak tahun 1991. Ini merupakan satu keluasan tanah yang besar di Semenanjung dan saya berharap Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dapat membuat kajian di Sabah dan Sarawak supaya kita tahu keluasan tanah yang digunakan secara haram untuk pelbagai aktiviti di Sabah dan Sarawak. Oleh kerana berlakunya hal penggunaan tanah secara haram dengan luasnya, ini bermakna pejabat-pejabat tanah di seluruh negara memang mempunyai masalah, mempunyai kelemahan-kelemahan tertentu dan saya berharap kementerian dapat mengkaji apakah jenis kelemahan yang ada dengan pejabat-pejabat tanah di seluruh negara, misalnya di dalam permohonan untuk tukar syarat memang mengambil masa.

Saya percaya sebahagian besar kakitangan itu adalah bersih dan cekap, kalau tidak ada bersih dan cekap itu, mungkin segelintir sahaja, tetapi mengapa mengambil masa yang begitu panjang untuk meluluskan kalau pemohonnya mematuhi semua syarat. Saya percaya kalau kita boleh meluluskan dalam tempoh misalnya tiga bulan, itu memang satu tempoh yang munasabah. Kadangkala bertahun-tahun tidak dapat diluluskan. Ini memang salah satu sebab kita menghadapi banyak masalah terutamanya dengan negara ini selepas krisis ekonomi kita akan maju, kita akan mempunyai lebih industri dan sebagainya, kita perlukan tanah-tanah yang digunakan secara haram.

Tuan Pengerusi, di dalam usaha kita untuk meningkatkan keberkesanan sistem pentadbiran tanah, saya nampak pihak kementerian ada menggunakan komputer misalnya, muka surat 350, Butiran 040200 - Pusat Pemetaan Berkomputer dan ada Pusat Komputer juga untuk tanah, dipanggil NALIS iaitu National Land Computer System dan saya diberitahu bahawa NALIS ini akan siap semua pengkomputerannya pada tahun depan, tahun 2000. Saya berharap dengan sistem komputer yang ada sekarang semua masalah yang saya sebutkan tadi dapat diselesaikan.

Walau bagaimanapun, saya nampak di dalam usaha untuk mengkomputerkan pendaftaran tanah-tanah ini, nampaknya masih ada jabatan-jabatan tidak mempunyai sistem komputer yang lebih lengkap walaupun sistem komputer sudah diadakan di pejabat-pejabat tanah, entah berapa tahun tetapi masih ada yang tidak lengkap, tidak sempurna. Ini bermakna kita mestilah mempertingkatkan usaha untuk mengadakan komputer dengan lebih sempurna di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, mengenai tanah ini saya hendak bangkitkan masalah geran tanah terutamanya geran untuk bangunan bertingkat. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri seringkali mengatakan semua permohonan untuk geran terutamanya geran bertingkat memang akan disegerakan dan dengan pelaksanaan sistem yang lebih baru ini semua masalah permohonan untuk geran-geran terutama geran bertingkat akan diselesaikan.

Sukalah saya membangkitkan dua perkara, yang pertama, di Taman Daya di Kepong. Ada tiga blok flat, tiga blok pangsapuri yang telah dibina selama 16 tahun dan kerana masalah-masalah yang tertentu terutamanya pihak pemaju tidak mematuhi syarat untuk unit-unit blok pangsapuri ini yang syaratnya ialah 50% diperuntukkan untuk bumiputera dan pihak pemaju tidak mematuhi kerana masalah-masalah yang tertentu sampai sekarang 16 tahun geran tidak dikeluarkan.

Ini merupakan satu masalah yang tidak seharusnya wujud dan saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menyiasat mengapa masalah seumpama ini dibenarkan berlaku.

Kes yang kedua ialah Taman Wangsa Permai di Kepong juga dekat dengan Taman Sri Damansara. Di situ memang tidak sampai 16 tahun, cuma tiga, empat tahun sahaja tetapi geran itu untuk seluruh kawasan pembangunan dan pihak pemilik-pemilik rumah tidak dapat geran kerana pihak pemaju tidak dapat menguruskan masalah geran ini dengan sempurna sehingga tiga, empat tahun tidak dapat geran.

Tuan Pengerusi, bagi saya yang lebih baiknya apabila pembeli rumah membeli rumah itu yang baik sekali geran itu diserahkan kepadanya bila selesai membayar tetapi mungkin ini tidak boleh dilakukan di dalam setiap projek, maka saya percaya dalam beberapa bulan memang geran ini patut diserahkan kepada pembeli rumah, ini memanglah diharapkan.

Tuan Pengerusi, masalah pemetaan saya pernah bangkitkan di sini kerana saya lihat di dalam peta-peta yang kita dapat terutama untuk mengunjungi destinasi-destinasi pelancongan di seluruh negara kadangkala peta ini tidak begitu sempurna, tidak mengandungi perkembangan projek-projek terutamanya jalan-jalan dan juga sistem ejaan. Saya hendak menanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah sistem ejaan yang digunakan oleh pihak Jabatan Pemetaan Negara. Adakah jabatan ini mengikut sistem ejaan lama sebab ada lebih satu dekad yang lalu pada tahun 1982 atau 1983 saya ingat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah pun membuat satu pengumuman mengenai ejaan di dalam semua peta yang dikeluarkan oleh Jabatan Pemetaan Negara tetapi sekarang sudah hampir 17 tahun saya hendak tahu apakah sistem yang digunakan untuk ejaan semua peta.

Tuan Pengerusi, memang tidak ramai yang membangkitkan masalah peta di negara ini, saya percaya kerana kita hendak menggalakkan pembangunan, kita hendak galakkan pelancongan patutlah pihak Jabatan Pemetaan Negara menumpukan lebih perhatian mengenai keperluan untuk menjadikan semua peta yang dikeluarkan oleh jabatan itu adalah peta yang membayangkan keadaan yang sebenarnya di negara ini terutamanya sekarang peta telah pun dikomputerkan dengan CAMS, dengan ada

komputer saya tidak nampak mengapa pihak jabatan tidak boleh keluarkan peta dengan lebih baik.

Akhir sekali mengenai.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Satu minit lagi. Mengenai pelaksanaan Akta Pengambilan Tanah yang telah pun dipinda pada tahun lepas dan baru-baru ini Akta ini telah pun digazetkan untuk dilaksanakan, dikuatkuasakan. Saya lihat ada ucapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai pihak kerajaan mengambil alih tanahnya bagi pihak perseorangan ataupun syarikat dan kalau ini dibuat kononnya pihak syarikat atau perseorangan mesti mengadakan satu deposit dengan pihak kerajaan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan bagaimana kita dapat mengira deposit ini mengenai pengambilan tanah oleh pihak kerajaan bagi pihak perseorangan ataupun syarikat. Ini memang lebih senang bagi pihak kerajaan mengambil alih tanah daripada pihak yang lain. Di sini saya pun tidak taulah sama ada pihak kementerian sudah pun mengadakan satu garis panduan bagaimana pihak yang tertentu membayar deposit supaya perkhidmatan pengambilan tanah ini dapat digunakan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Batang Lupar.

**4.45 ptg.**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap sedikit persoalan yang berbangkit dalam Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Tujuan kementerian ialah untuk menggubal, melaksana, menyelaras undang-undang dan peraturan dasar strategi program pembangunan tanah.

Kalau kita pandang persoalan tanah ini memang ia mengikut wilayah, di Sarawak, Sabah dan di Semenanjung Malaysia dengan sendirinya kalau kita pandang daripada segi itu bahawa persoalan ini berbangkit berlandaskan perkara yang mungkin terkeluar daripada negeri Sarawak tetapi ada juga agensi Kerajaan Pusat yang membuat aktiviti mereka di Sarawak dan dari itu saya ingin bertanya dengan Timbalan Menteri oleh kerana persoalan saya tidak banyak, jadi saya ingin mendapat jawapan yang pasti mengapakah tindakan badan-badan yang beroperasi di Sarawak seperti FELDA dan sebagainya amat lembap sekali bahkan tanah di Sarawak itu sangat luas, banyak dan saya berpendapat tidak mungkin ada masalah untuk mencari tanah. Jadi persoalannya apakah masalah yang menyebabkan kelembapan berlaku di Sarawak.

Tuan Pengerusi, persoalan yang kedua ialah persoalan yang banyak disentuh oleh rakan-rakan di Dewan ini iaitu pembangunan tanah. Saya tumpukan perhatian kepada masalah pembangunan seperti membina rumah dan sebagainya. Kalau kita lihat apabila musim hujan tiba, berlakulah tanah runtuh di sana sini, berlakulah keruntuhan tanah yang kurang stabil dan sebagainya. Dahulu beberapa tahun lepas mendatangkan satu malapetaka yang besar sekali, satu bangunan yang runtuh membunuh semua penghuni di dalam bangunan tersebut, jadi tanah runtuh ini memang satu malapetaka yang besar. Baru-baru ini kita lihat dalam surat khabar hampir setiap hari kita lihat. Jadi persoalan saya, pernah saya bangkit di sini juga, adakah kementerian mempunyai satu pemetaan menunjukkan di manakah tanah yang tidak stabil, di manakah tanah yang stabil dan apakah garis panduan yang diberikan kepada pihak pemaju sebelum tanah itu dimajukan di atas bukit atau tempat yang tinggi itu dimajukan kerana saya berbincang dengan banyak jurutera yang terlibat dalam persoalan pembangunan, kalau hendak membangunkan satu bukit ataupun tanah tinggi, jurutera menasihatkan saya membuat satu master plan untuk satu bukit, satu tempat itu dan pembangunan mesti dibuat mengikut master plan tertentu. Kalau dibuat dengan cara piecemeal dengan sendirinya tekanan (stress) kepada pembangunan yang dibuat secara isolation itu akan mendatangkan masalah kepada ketahanan tanah itu untuk menyokong bangunan-bangunan yang dibina di tempat-tempat tersebut.

Jadi, saya bercadang supaya pihak kementerian bukan sahaja menetapkan berapa tinggi rumah yang dibolehkan dibuat di tanah yang tinggi, tanah yang kurang stabil tetapi kerajaan juga mempunyai satu pemetaan yang khusus untuk seluruh negara, tiap-tiap negeri yang tanah bukit di mana tempat boleh dibuat atau di mana tempat yang tidak boleh dibuat supaya mengelakkan mereka yang telah membeli tanah itu bukan sahaja teraniaya dari segi pembeliannya tetapi juga mendatangkan malapetaka dan kehilangan jiwa.

Jadi, satu sistem informasi ini mestilah dibuat supaya boleh didapati oleh pihak-pihak yang ingin memajukan tanah. Walaupun kita faham yang kementerian ada dua, tiga agensi yang berkenaan iaitu pihak negeri yang meluluskan peta dan pelan untuk pembangunan umpamanya dan pihak majlis perbandaran yang meluluskan satu pelan bangunan dan sebagainya tetapi dasar untuk membangunkan tanah itu mesti the last say, dengan izin, kementerian dalam satu pembangunan berlandaskan maklumat-maklumat yang ada pada kementerian.

Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian, dalam keadaan sedemikian mengikut garis panduan dan objektif kementerian, adakah kementerian telah berjaya memberi maklumat ataupun alasan-alasan yang tertentu kepada pihak-pihak negeri. Adakah pihak negeri mengikut garis panduan yang diberi oleh pihak kementerian, kalau tidak, apakah rancangan kementerian supaya aktiviti kementerian untuk mentadbir ataupun menguruskan soal-soal pembangunan tanah, dasar-dasar kerajaan itu boleh digunapakai pada peringkat negeri yang tertentu.

Satu lagi saya juga ingin menyentuh soal infrastruktur maklumat tanah (NALIS). Jadi ini tujuannya memang baik iaitu pengkongsian maklumat di antara agensi-agensi kerajaan untuk mendapat maklumat-maklumat tanah yang tepat, sahih dan terkini, mengelakkan daripada overlapping dan sebagainya. Saya ingin bertanya kepada kementerian secara khusus bilakah sistem maklumat ini akan disiapkan di seluruh Malaysia supaya bukan sahaja semua agensi kerajaan tetapi juga badan-badan yang berkenaan seperti firma-firma guaman, firma-firma arkitek, firma-firma konsultan dengan satu punch button sahaja, boleh dapat semua maklumat di pejabat dia dan apakah garis panduan supaya kalau ada pembayaran dan sebagainya dikenakan kepada pihak agensi-agensi yang bukan kerajaan ini umpamanya arkitek, peguam, konsultan dan sebagainya dan bilakah sistem ini boleh disiapkan ke seluruh negara dan apakah kos kepada kerajaan untuk melaksanakan sistem ini.

Jadi, saya berpindah secara cepat, Tuan Pengerusi, iaitu soal koperasi. Saya juga ingin mengetahui, rakan saya tadi saya dengar banyak cerita koperasi, ada yang beritahu berapa koperasi dan ada yang telah bertanya berapa yang bermasalah. Jadi soalan saya berapa banyakkah koperasi yang telah didaftar di seluruh Malaysia pada masa sekarang dan mengikut garis panduan kementerian sendiri adakah kementerian telah berjaya dalam objektifnya untuk membangunkan koperasi di negara ini untuk mendatangkan manfaat sosial dan ekonomi kepada semua ahli koperasi tertentu kerana memang kita tidak boleh nafikan daripada ucapan-ucapan Yang Berhormat di Dewan ini mengatakan bahawa banyak koperasi bermasalah. Masalahnya ialah orang yang menubuh koperasi itu tidak mempunyai expertise, perancangan dan kemahiran untuk mentadbirkan koperasi. Kadang-kadang pihak kerajaan negeri memberi tanah tetapi tanah itu ditinggal begitu

sahaja bahkan koperasi itu tidak berkemampuan untuk membayar premium yang dituntut oleh pihak kerajaan negeri. Jadi kalau tanah-tanah ini boleh dikendalikan dan dimajukan, saya percaya koperasi-koperasi yang mendapat bantuan daripada pihak kerajaan negeri akan mendapat keselesaan ataupun kemampuan mengurus atau mendatangkan pulangan kepada ahli-ahli mereka yang tertentu.

Jadi, adakah pihak kementerian bercadang untuk menghubungi semua koperasi di seluruh negara dan bertanya kepada mereka supaya tiap-tiap koperasi membuat satu return kepada kementerian supaya kita mempunyai data harta benda, harta-harta yang ada pada koperasi dan bagaimana baiknya supaya kementerian boleh menolong koperasi ini - kalau tanah ini untuk dimajukan, kita majukan; kalau untuk diniaga, kita niagakan dan memberi nasihat kepada koperasi yang mungkin belum mendatangkan masalah ini dapat diselamatkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi dengan kata-kata yang demikian, Tuan Pengerusi, kerana masa tidak mengizinkan, walaupun ada persoalan lain yang mungkin saya bangkitkan dan saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ada lagi. Kangar.

**4.55ptg.**

**Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]:** Tuan Pengerusi, sukacita saya sentuh sedikit tentang pengurusan dan persempadanan tanah. Tuan Pengerusi, baru-baru ini berlaku satu peristiwa di Perlis di mana beberapa orang pengusaha dusun didapati telah diambil tindakan oleh pihak berkuasa Thailand kerana didapati masuk ke kawasan Thailand, sungguhpun kita dapati bahawa dusun-dusun itu merupakan dusun-dusun asal penduduk-penduduk negeri Perlis. Apa yang saya pertikaikan di sini ialah tentang persempadanan antarabangsa. Setakat ini kita dapati sungguhpun kita telah pun menetapkan sempadan antarabangsa, setakat manakah kita pasti bahawa batu sempadan itu tidak diubah dari masa ke semasa. Ianya meragukan masyarakat kita, sungguhpun dari segi antarabangsa bahawa kita setuju sempadan ditetapkan pada sesuatu tempat. Namun begitu, dari segi

penguatkuasaan tentang persetujuan sempadan ini, setakat manakah kita bersungguh-sungguh melaksanakannya sedangkan pihak Thailand, kita dapati bahawa kalaulah kita terlanggar masuk sahaja, dia ambil tindakan berasaskan bahawa kita masuk kawasan mereka dan melanggar pula satu undang-undang iaitu di bawah undang-undang yang berkait dengan Taman Negara mereka. Ini bukan kali pertama berlaku kepada masyarakat Malaysia malah pernah berlaku satu peristiwa di mana pegawai-pegawai perhutanan di Kelantan didakwa kerana didapati melanggar masuk dalam kawasan sempadan Thailand.

Jadi, saya minta pihak kementerian tolong jelaskan setakat manakah kita pasti bahawa sempadan yang kita sama-sama setuju itu tidak diubah oleh pihak-pihak tertentu dan pernah juga di Dewan ini Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri menjawab bahawa sempadan antarabangsa Malaysia iaitu di Sabah dengan Filipina sampai satu masa dahulu masih lagi tidak ditentukan iaitu sempadan lautnya. Jadi kalau kita tidak mengambil tindakan untuk menentukan di mana sempadan antarabangsa kita, selama itulah bahawa Filipina akan tetap menuntut bahawa Sabah adalah hak milik Filipina kerana kita tidak pernah menentukan sempadan. Di mana sempadan antara Malaysia dengan Sabah.

Inilah saya minta supaya kita pastikan bahawa tanah kita tetap tanah kita. Kadang-kadang mungkin kita terlalu berlembut, kalau kita tengok sejarah kita bahawa sempadan kita dengan Thailand bukan antara Perlis seperti sekarang ini, sepatutnya di Ligor dan sebagainya tetapi oleh kerana kita berlembut tahun 1908 sempadan diturun ke bawah. Inilah hasil daripada treaty tahun 1908 yang kita dapati sempadan antara Malaysia dengan Thailand yang ada sekarang, sepatutnya sempadan kita masih lagi ke utara tetapi dalam keadaan sekarang pun kita harap kita jangan terus berlembut, kita ambil tindakan tegas, pastikan sempadan kita di mana kita setuju, di situlah. Tuan Pengerusi, ini bukan kali pertama. Pernah di Kuala Perlis pun dibangkit tentang sempadan iaitu dalam dua, tiga tahun ini.

Tuan Pengerusi, di samping itu juga di negeri-negeri kita dapati kerja-kerja mengukur tanah agak perlahan di mana permohonan untuk mendapat geran tanah begitu banyak. Negeri saya yang kecil pun kita dapati terlalu banyak permohonan untuk mendapat geran tanah tetapi yang lambatnya ialah tentang pengukuran dan pemetaan tanah, dua-dua sekali. Jadi kalau ukur dan peta dibuat sekali gus dan penguatkuasaannya sekali, kita pasti masalah sempadan tadi juga tidak timbul. Ini merupakan satu perkara

yang serius kerana ia melibatkan sempadan antarabangsa. Apatah lagi kalaulah seperti mana yang dijanjikan oleh Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dahulu bahawa pihak kementerian berusaha untuk menentukan dan mentakrifkan sempadan antara negeri-negeri. Kalaulah perkara ini tidak dapat disempurnakan bererti menjejaskan pembangunan kita dan juga mungkin menimbulkan konflik antara negeri-negeri. Jadi saya rasa Tuan Pengerusi, patut diambil tindakan pada kadar yang segera.

Di samping itu juga tentang pembangunan koperasi, ini satu perkara yang patut kita ambil tindakan untuk menggerakkan koperasi-koperasi yang telah pun ditubuhkan dan saya mintalah pihak kementerian menjelaskan setakat ini berapa banyak koperasi terutama di luar bandar yang hidup segan mati tidak mahu.

Jadi, apakah tindakan yang pihak kerajaan dapat jalankan supaya koperasi-koperasi ini dapat hidup dan di samping itu juga pernah suatu masa dahulu pihak Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi melantik pembantu-pembantu khas untuk menggalakkan penubuhan koperasi tetapi kita dapati bahawa jawatan-jawatan ini telah dimansuhkan. Jadi, apakah rasionalnya jawatan-jawatan penggerak koperasi ini dimansuhkan dan untuk memajukan masyarakat luar bandar adakah kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula supaya jawatan penggerak pertubuhan koperasi ini dapat diwujudkan semula di kampung-kampung dan juga di luar bandar.

Tuan Pengerusi, dengan itu, sekian pandangan dan sokongan saya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, minta kementerian jawab ya.

**5.01 ptg.**

**Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh Cheng Teik]:** Tuan Pengerusi, bagi pihak kementerian, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan peruntukan ini dalam peringkat Jawatankuasa. Nampaknya Ahli-ahli Yang Berhormat telah, bukan sahaja membangkitkan banyak soalan tetapi juga telah memberi banyak cadangan yang berfaedah. Ahli-ahli Yang Berhormat merupakan pemimpin akar umbi dan segala maklum balas yang diberi di dalam Dewan ini sangatlah dihargai dan juga teguran-teguran yang dibuat akan diambil berat oleh kementerian saya. Tuan Pengerusi, saya khuatir tidak dapat menjawab semua perkara yang dibangkitkan satu demi satu tetapi sekiranya ada yang tidak disentuh, pegawai-pegawai yang bertugas di Dewan ini pun sudah mencatatkan dan tindakan susulan akan diambil.

Ahli Yang Berhormat dari Kluang telah membangkitkan perkara 59 koperasi yang menghadapi masalah kewangan akibat kejatuhan harga di pasaran saham. Ingin saya melaporkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa daripada 59 koperasi mengikut telitian yang dibuat oleh Jabatan Pembangunan Koperasi, 41 mampu membayar balik pinjaman daripada bank atau institusi-institusi kewangan tanpa masalah kerana mengikut rekod-rekod yang jabatan miliki, 41 koperasi ini mempunyai wang dalaman yang mencukupi.

Selain daripada 41 koperasi ini terdapat 9 koperasi yang tidak akan menghadapi masalah sekiranya bayaran balik mereka kepada bank atau institusi kewangan dapat dijadualkan semula dan daripada 9 koperasi ini termasuklah 2 koperasi yang besar iaitu Koperasi Polis dan MOCCIS. Proses rundingan dengan bank dan institusi kewangan untuk menjadualkan semula bayaran balik masih berjalan dan pada masa ini kita dapati ada kemungkinan satu atau dua daripada 9 koperasi ini akan menghadapi masalah.

Selain daripada 9 buah koperasi ini ada bakinya 9 koperasi yang tidak mampu membayar balik pinjaman mereka. Ingin saya menjelaskan, Tuan Pengerusi, bahawa 9 koperasi ini berasal dari beberapa negeri dan mereka tidak main saham dalam pasaran saham Kuala Lumpur. Mereka ditawarkan saham oleh amanah saham kerajaan negeri dan amanah saham yang lain dan kementerian sudah membawa masalah koperasi tersebut kepada Kementerian Kewangan dan ingin saya menjelaskan dengan tepatnya bahawa Kerajaan Persekutuan sedang menimbangkan secara aktif cara-cara yang konkrit untuk membantu kesembilan koperasi yang langsung tidak mampu dan juga satu, dua yang menghadapi masalah menjadualkan semula bayaran balik mereka.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kluang juga mencadangkan supaya projek-projek penswastaan juga diberikan kepada koperasi. Ini satu cadangan yang baik dan sekiranya terdapat koperasi-koperasi yang layak, mampu dan mempunyai tenaga dan pengalaman yang mencukupi untuk mengendalikan projek-projek penswastaan, Jabatan Pembangunan Koperasi akan memberi sokongan yang kuat kepada penyertaan mereka dalam projek-projek penswastaan.

Beliau juga membangkitkan soal tribunal. Ingin saya menjelaskan bahawa ahli-ahli tribunal akan mendengar dan memutuskan pertikaian di kalangan anggota, bekas anggota lembaga dan di kalangan anggota dan sekiranya timbul pertikaian, tribunal akan dengar dan membuat keputusan yang sewajarnya. Tribunal ini diketuai oleh seorang Peguam Kanan Persekutuan dan dianggotai oleh pegawai-pegawai kerajaan atau pemimpin-pemimpin koperasi yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kluang juga telah bertanya tentang...

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Teluk Intan bangun.

**Dr. Goh Cheng Teik:**...Tuan Pengerusi, saya ada jawapan yang agak panjang, jadi biarlah saya jawab dahulu dan kemudian beri peluang.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Sampai besok boleh, ada banyak masa sampai besok boleh jawab. Sebenarnya kementerian ini patut bermula esok.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat telah bangkitkan masalah jadual ini banyak kali...

**Tuan M. Kulasegaran:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya telah beri faham bahawa jadual kita ini hanya panduan. Kadang-kadang ada kementerian yang kita sangkut terlalu lama, lebih daripada masa yang diberikan.....

**Tuan M. Kulasegaran:** Saya rasa jadual....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kita beri Timbalan Menteri menjawab, kita tengok macam mana kalau dia habis hari ini atau tidak habis, ya.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kluang ada bertanya tentang koperasi yang paling berjaya. Beliau ada meminta tiga nama koperasi yang berjaya. Jadi, saya ingin melaporkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa mengikut Jabatan Pembangunan Koperasi, yang dianggap berjaya ialah Koperasi Serbaguna Usaha Makmur Bhd. dari negeri Pahang, Koperasi Kakitangan Kerajaan Kedah dan juga Koperasi Pasar Rakyat Khidmat, Sabah dan juga di samping itu ingin juga saya menyentuh Koperasi Kojadi ini pun merupakan sebuah koperasi yang dianggap berjaya. Tentang koperasi yang tidak berjaya, banyak tetapi hendak sebutkan yang paling teruk ini agak sukar sedikit.

Tentang koperasi yang tidak berjaya banyak tetapi hendak disebutkan yang paling teruk ini agak sukar sedikit. Tentang koperasi yang telah dibatalkan yang telah beliau tanya, pada tahun 1997, 48 koperasi dan tahun ini sehingga 31 Oktober, 21 koperasi.

Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru ada membangkitkan tentang masalah hak milik strata, ingin saya menjelaskan bahawa hak milik strata di Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan diuruskan oleh Kerajaan Persekutuan tetapi di negeri termasuk negeri Pulau Pinang ini adalah tanggungjawab kerajaan negeri. Tentang proses permohonan hak milik strata ingin saya memberi satu gambaran am, di Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri Semenanjung Malaysia sehingga 30 September 1998 kerajaan-kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan telah menerima 4,307 permohonan yang melibatkan 218,111 petak dan diluluskan 2,265 permohonan yang melibatkan petak 137,779 petak, yang ditolak 276 permohonan yang melibatkan 9,229 petak, dalam proses 1,767 permohonan yang melibatkan 71,069 petak.

Tuan Pengerusi, angka-angka ini menunjukkan bahawa proses permohonan hak milik strata telah berjalan cepat di sesetengah tempat dan lewat di sesetengah tempat dan kementerian bersama-sama dengan kerajaan negeri telah banyak kali mengadakan mesyuarat, dialog dengan pihak swasta, pemaju, juruukur dan sebagainya. Saya ingin melaporkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selepas ditubuhkan satu one stop centre di Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan proses ini telah dipercepatkan kerana dengan adanya satu one stop centre, Pengarah Tanah dan Galian dapat memanggil pihak pemaju, juruukur dan pihak-pihak yang lain supaya mereka dapat membentangkan masalah di situ, membincangkan masalah dan mencari jalan untuk mengatasi.

Jadi, ingin saya menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa tindakan ada diambil dan ada di sesetengah tempat terdapat kemajuan. Tentang kes-kes spesifik yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru ingin saya memberikan jaminan bahawa saya sendiri akan teliti kes-kes di kawasan beliau dan bersama-sama menguruskan dan mengatasi masalah-masalah di kawasan Bayan Baru.

Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan ada menyoalkan tentang Syarikat Spanco, kereta-kereta saloon di Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi disewa daripada Syarikat Spanco iaitu kereta Proton, Mercedes dan Volvo. Bilangan kereta Spanco di kementerian berjumlah 42 buah, sewa bulanan RM80,105.16 dan bayaran maintenance

RM20,650.35. Semua syarat-syarat penyewaan dan pembayaran kereta-kereta Spanco adalah ditentukan oleh Perbendaharaan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Jelebu.....

**Tuan M. Kulasegaran:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Teluk Intan bangun. Hendak beri jalan?

**Dr. Goh Cheng Teik:** Beri saya selesaikan kemudian saya beri masa kepada Ahli Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Jelebu telah membangkitkan beberapa perkara tentang koperasi dan jalan di FELDA dan lain-lain, saya ucapkan terima kasih kepada beliau kerana memberi penghargaan kepada Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi yang baru dan saya pun yakin bahawa jabatan ini di bawah pimpinan beliau akan berkhidmat dengan lebih baik.

Beliau telah berkata bahawa di kawasan Jelebu terdapat tanah yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri, tetapi koperasi itu tidak mampu bayar premium, ini adalah koperasi kilang padi kalau tidak salah, dan permohonan kepada kerajaan negeri supaya premium ini dikurangkan, saya dengar tidak berjaya, dan beliau telah mencadangkan bahawa Jabatan Pembangunan Koperasi memberi pertolongan. Ingin saya minta Yang Berhormat kemukakan permohonan kepada Jabatan Pembangunan Koperasi kerana jabatan ini mempunyai tabung pusingan, kami akan timbanglah sama ada tabung pusingan ini boleh diguna pakai untuk tujuan yang berkenaan.

Beliau telah pun bangkitkan kedudukan jalan-jalan di rancangan-rancangan FELDA. Ingin saya menjelaskan bahawa peruntukan untuk jalan FELDA ini memang terhad tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat, barangkali lebih tahu tentang kedudukan jalan di rancangan-rancangan di dalam kawasan mereka, dan saya berharaplah mereka dapat memberitahu kementerian supaya kami dapat

berbincang dengan FELDA dan memberi keutamaan-keutamaan kepada jalan-jalan yang mereka berpendapat patut diperbaiki dengan segera.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Arau telah mengatakan bahawa nampaknya perkhidmatan sosial di rancangan FELDA akhir-akhir ini telah dikurangkan atau diketepikan dan akibatnya banyak gejala sosial wujud. Ingin saya menyakinkan Dewan yang mulia ini, bahawa program menjaga perkhidmatan sosial di rancangan-rancangan FELDA tidak dikurangkan dan pentadbiran FELDA terus memberi keutamaan bukan sahaja kepada aspek-aspek fizikal tetapi juga aspek-aspek sosial dan lain-lain. Sebenarnya, Yang Berhormat Menteri telah memberi perhatian khusus kepada ini dan jawatankuasa khusus telah ditubuhkan diketuai oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dan sekiranya ada cadangan-cadangan yang tertentu, Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah bawa kepada kementerian saya untuk tindakan yang sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Arau juga membangkitkan peneroka-peneroka Chuping yang menanam tebu. Sukacita saya memaklumkan bahawa Ahli Yang Berhormat dari Kangar, sebenarnya telah mengambil berat masalah yang dihadapi oleh peneroka Chuping yang menanam tebu dan beliau sendiri pun jemput saya, saya ada melawat Chuping dan mengadakan dialog yang tertentu dengan peneroka. Jadi saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat dari Kangar kerana mengambil begitu berat masalah yang dihadapi oleh FELDA Chuping dan saya yakinlah tidak lama lagi masalah mereka akan diselesaikan dengan baiknya.

Ahli Yang Berhormat dari Tambun, ada meminta kementerian supaya mengkaji semula dasar koperasi kerana beliau berpendapat bahawa lebih baik di tempat-tempat yang tertentu koperasi memberi jalan kepada syarikat korporat kerana nampaknya koperasi tidak dapat memainkan peranan yang sama dengan syarikat korporat. Ingin saya menegaskan di sini, Tuan Pengerusi, bahawa dasar

kerajaan tentang koperasi kekal. Kerajaan berpendapat bahawa koperasi masih ada peranan, masih ada tempat yang penting di pembangunan negara kita.

Betul, jentera korporat barangkali lebih agresif tetapi Tuan Pengerusi, kita patut ingat bahawa sebuah syarikat korporat boleh dibeli oleh orang yang mempunyai modal yang besar, sebaliknya sebuah koperasi merupakan hak milik pemegang saham dan kekal dalam tangan pemegang saham selama-lamanya. Pendek kata orang yang berpendapatan terhad, yang berpendapatan rendah patutlah diberi peluang menyertai koperasi dan melalui koperasi menyumbang kepada pembangunan ekonomi kita.

Sebenarnya, sebagai Timbalan Menteri di kementerian ini dan dalam tempoh beberapa tahun dapat peluang berdialog dengan begitu banyak koperasi dan melihat dengan teliti keadaan koperasi....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, dia bangun, ada apa Yang Berhormat?

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Pengerusi, jam sudah 5.30 petang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Oh ya, masa sudah cukup.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi esok.

*Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.*



